

Jilid IV
Bil. 12



Hari Khamis
28hb Jun, 1990

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1761]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
(Perbadanan) (Pindaan) [Ruangan 1845]

Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir [Ruangan 1866]

Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir [Ruangan 1877]

Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan
[Ruangan 1884]

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) [Ruangan 1890]

Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand
[Ruangan 1894]

Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Perumahan dan
Kemudahan Pekerja [Ruangan 1916]

MALAYSIA

PARLIMEN KETUJUH—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN, P.M.N., P.N.B.S., D.S.N.B. (Brunei), J.B.S., A.M.N., A.B.S. (Sarawak).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK HAJI HUSSEIN BIN AHMAD, D.M.S.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, DATO DR K. S. NIJHAR, S.P.M.J., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF, D.I.M.P., A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T. P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM, D.M.S.M., K.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N. (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ PUAN HAJJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL (Pahang Darulmakmur).
- „ TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).
- „ DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).
- „ TUAN P. BALARAM, A.M.N., A.M.K. (Kedah Darulaman).
- „ TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).
- „ DR CHONG ENG LEONG (Sabah).
- „ TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).
- „ TUAN DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).
- „ TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).
- „ TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Darulmakmur).

Yang Berhormat PUAN HAJJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.J.K. (Terengganu).

- „ TUAN HASSAN BIN HARUN, A.M.N. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UNLAN, B.S.K. (Sabah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG, P.P.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN KUAN PENG SOON, A.M.N. (Perak).
- „ TUAN LAU KENG STONG *alias* JOSEPH LAU KENG SEONG, K.M.N., A.M.N., P.I.S. (Johor).
- „ PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).
- „ TUAN LIM CHIEN AUN (Pulau Pinang).
- „ PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- „ TUAN MOHAMAD WAJDI BIN DATO' HAJI ISHAK, J.P. (Dilantik).
- „ JEN. (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH, M.I.D., P.P.M., K.M.N., J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P., D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., A.K. (Kelantan).
- „ TUAN MUSTAFA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Dilantik).
- „ DR NG KHEK KIUNG (Selangor Darul Ehsan).
- „ TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka).
- „ DR NORDIN SELAT (Dilantik).
- „ TUAN G. RAJOO (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM, A.M.N., P.C.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah).

- „ TUAN SIVALINGAM A/L ARUMUGAM KARUPPIAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID BIN SAGAFF, P.I.S., B.S.I., P.P.N. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHAI HO, A.M.N. (Dilantik—Wilayah Persekutuan).
- „ DR TAN CHONG KENG (Dilantik).
- „ DATO' TAN PENG KHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TIONG HIEW KING, P.B.S. (Dilantik).
- „ PUAN VALLI MUTHUSAMY, P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).
- „ TUAN DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHAYA, D.P.M.S., K.M.N., S.M.S., P.J.K., P.P.N. (Selangor Darul Ehsan).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Khamis, 28hb Jun, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

BUKU UNDANG-UNDANG
KECIL NUT CO-OPERATIVE—
PERCANGGAHAN

1. Tuan Lau Keng Siong minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) mengapa semua syarat-syarat yang diisytiharkan dalam Buku Undang-undang Kecil NUT Co-op tidak sama dengan syarat-syarat yang diisytiharkan dalam Co-operative Societies Act 1948 & Regulations;
- (b) mengapa hanya Mesyuarat keahlian Tahunan NUT Co-op dikecualikan mempraktikkan prinsip demokrasi iaitu SATU ahli—SATU Undi sahaja; dan
- (c) mengapa semua syarikat koperasi diwajibkan mengamal dan mempraktikkan prinsip demokrasi iaitu SATU UNDI SATU AHLI, tetapi hanya Syarikat Kerjasama Serbaguna NUT Tanggungan Berhad dikecualikan, sedangkan menurut Co-operative Societies Act

1948 & Regulations (m.s. 41) "Every registered society whose area of operation is over a State, over two or more States or throughout Malaysia shall make by-laws providing that representation at its general meeting shall be:

- (i) by delegates elected by individual members at their regional or area general meeting;

Menurut Undang-undang Kecil (By-Laws Syarikat Kerjasama Serbaguna NUT Tanggungan Berhad (m. s. 13) tahun 1973—19.8 Each member qualified to vote is entitled to one vote. Voting by proxy shall be allowed; and

Menurut Undang-undang Kecil 1988 (m. s. 13) 19.6 Each delegate (not member) shall have one vote. Voting by proxy shall not be allowed."

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang diketahui, tidak ada syarat yang diisytiharkan dalam Buku Undang-undang Kecil NUT Co-operative yang tidak sama dengan syarat-syarat yang diisytiharkan dalam

Co-operative Societies Act 1948. Pindaan dibuat kepada Undang-undang Kecil NUT Co-operative dari masa ke semasa supaya ianya sentiasa sama atau selaras, yakni tidak bercanggah dengan Co-operative Societies Act 1948 apabila ada pindaan kepada Akta tersebut.

(b) Prinsip demokrasi memang dipakai dalam semua mesyuarat termasuk Mesyuarat Tahunan Keahlian NUT Co-operative. Prinsip satu ahli—satu undi sememangnya dijalankan di mesyuarat perwakilan di peringkat pusat dan peringkat kawasan. Hanya di mesyuarat kawasan ahli dibolehkan mengundi secara proksi, tetapi di dalam mesyuarat perwakilan, wakil berkenaan mestilah mengundi sendiri.

(c) Semua syarikat koperasi diwajibkan mengamalkan dan mempraktikkan prinsip demokrasi kerana pengurusan demokratik adalah salah satu prinsip utama koperasi. Syarikat Kerjasama Serbaguna NUT Tanggungan Berhad yang wajib mengamalkan prinsip juga wajib mengamalkan prinsip ini. Syarikat tersebut memang ada membuat Undang-undang Kecil menurut kehendak "Regulations" bagi mesyuarat agungnya yang dihadiri oleh wakil-wakil atau delegates yang dipilih oleh ahli-ahli pada mesyuarat-mesyuarat kawasan dan Undang-undang Kecil ini tidaklah bercanggah dengan Co-operative Societies Act 1948. Fasal 19.8 daripada Undang-undang Kecil atau By-Laws Syarikat Kerjasama Serbaguna NUT Tanggungan Berhad, mukasurat 13 itu dibuat untuk ahli.

Mengenai fasal ini, ahli dibenarkan mengundi secara proksi. Rasionalnya ialah ahli bersifat "principal", oleh itu, boleh memberi wakil. Hak mengundinya adalah hak asasi yang diperolehi dari keahliannya dan dia bebas mewakilkan hak itu kepada mana-mana ahli lain yang dipilihnya.

Fasal 19.6 Undang-undang Kecil yang sama dibuat untuk wakil. Mengenai fasal ini, wakil tidak boleh mengundi secara proksi. Rasionalnya ialah wakil adalah delegate dan sebagai delegate, dia sudah bersifat pembawa proksi. Hak yang ada padanya untuk hadir dan mengundi di mesyuarat perwakilan itu adalah hak yang diwakilkan kepadanya oleh ahli-ahli yang melantiknya, bukan hak asasinya. Oleh itu dia tidak boleh mewakilkan pula hak wakilnya itu pula kepada wakil lain.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, di dalam negara kita, koperasi-koperasi pada masa ini gagal daripada tujuan-tujuan ialah salah satu kerana ahli-ahli Lembaga Pengarah yang duduk dalam koperasi ini berpuluh-puluh tahun, tidak berubah, sebab itu tidak menunjukkan apa-apa perubahan. Saya ingin mencadangkan ada satu dua koperasi buat satu Undang-undang Kecil mengenai tempoh masa iaitu seorang Pengarah boleh menduduki dalam Lembaga Pengarah ini selama lebih kurang enam tahun sahaja, selepas enam tahun dia kena...

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf, apakah soalan tambahan?

Tuan G. Rajoo: Saya merayu kepada Kementerian, menggubal satu Rang Undang-undang untuk menyelaraskan semua koperasi...

Timbalan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat, soalan tambahan—apakah soalan tambahan itu?

Tuan G. Rajoo: Ya, itulah soalan saya....

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk, itu bukan soalan tambahan. Sila duduk!

Tuan G. Rajoo: Saya buat satu cadangan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat G. Rajoo, soalan.

Tuan G. Rajoo: Soalan kedua.

**HOSPITAL/DISPENSARI
DI LADANG—MUTU
PERKHIDMATAN**

2. **Tuan G. Rajoo** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar keadaan hospital dan dispensari di ladang-ladang getah amat kurang memuaskan dari segi fizikal dan mutu profesionnya;
- (b) langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasinya masalah ini secara jangka pendek; dan
- (c) program-program jangka panjang yang akan dilaksanakan untuk meninggikan perkhidmatan kesihatan di ladang-ladang di negara ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soal seperti ini juga telah dijawabkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan pada hari semalam semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan V. K. Sellappan, tetapi benarkanlah saya menjawabnya dari segi Kementerian Sumber Manusia.

Jawapan kepada soalan (a), Kerajaan memang sedar bahawa keadaan fizikal serta mutu perkhidmatan di beberapa hospital dan dispensari di ladang-ladang kurang memuaskan.

- (b) Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Kesihatan sedang mengambil tindakan untuk

melesenkan hospital-hospital estet dalam usaha meningkatkan lagi keadaan di hospital-hospital tersebut. Dalam urusan perlesenan ini, hospital-hospital estet diperlukan untuk memenuhi keperluan fizikal serta kakitangan seperti ditetapkan. Dengan itu mutu perkhidmatan di hospital-hospital estet dapat dipertingkatkan lagi. Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia telah mengambil tindakan positif dengan menggubal undang-undang baru bernama Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Pekerjaan, Standard-standard Minimum Rumah-rumah Pekerja dan Kemudahan Pekerja yang sedang dibahaskan di Dewan ini juga, mungkin pada hari esok.

Undang-undang ini memperuntukkan majikan ladang yang tidak menyediakan di hospital estet kepada pekerjaannya boleh diwajibkan untuk menyelenggarakan sebuah klinik bagi memberi rawatan perubatan kepada pekerja dan tanggungjawabnya. Majikan berkenaan juga boleh dikehendaki mengkaji keperluan kakitangan dan menyediakan peralatan serta ubat-ubatan yang perlu supaya perkhidmatan rawatan perubatan yang diberi adalah sempurna. Dengan penguatkuasaan Akta baru ini nanti adalah diharapkan kedudukan perkhidmatan kesihatan yang diselenggarakan melalui klinik dan dispensari estet akan bertambah baik.

- (c) (i) majikan-majikan ladang yang sudah menyediakan perkhidmatan klinik dengan taraf yang kurang memuaskan dari segi perkhidmatan peralatan perubatan ataupun kakitangan

- akan diperintah untuk membaiki keadaannya;
- (ii) klinik-klinik Kerajaan yang berdekatan dengan ladang-ladang akan diperluaskan perkhidmatannya untuk meliputi pekerja-pekerja ladang, terutamanya dalam bidang kesihatan ibu dan kanak-kanak;
 - (iii) pekerja-pekerja ladang akan digalakkan mengunjungi klinik-klinik Kerajaan berdekatan dengan tempat duduk mereka, dan jika perlu, perkhidmatan klinik bergerak yang dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan juga digunakan; dan
 - (iv) pendidikan kesihatan oleh Kementerian Kesihatan melalui klinik-klinik Kerajaan akan ditumpukan kepada pekerja-pekerja ladang juga, terutamanya dalam hal-hal sanitasi kesihatan keluarga termasuk imunisasi dan kawalan muta makanan.

Akhirnya, tindakan tegas sedang diambil untuk meningkatkan taraf sanitasi dan mutu bekalan air di ladang-ladang untuk mengatai satu masalah yang besar di kalangan masyarakat pekerja.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun soalan ini keluar daripada soalan asal, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjawabnya. Baru-baru ini akhbar-akhbar menghebohkan mengenai satu kejadian yang berlaku di Hospital Ladang Sungai Tinggi. Adakah Kementerian Yang Berhormat melawat hospital estet ini? Sekiranya ada, apakah laporan Yang Berhormat dapat daripada itu?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kerana mengenai

hospital ladang bolehlah saya juga cuba memberi jawapan secara sambilan. Soalan itu lebih elok jika ditanya kepada Timbalan Menteri Kesihatan semalam. Tetapi pegawai kita dan pegawai kesihatan telah melawat ke ladang itu dan dapatkan laporan yang penuh mengenai kejadian matinya seorang pesakit di Hospital Ladang Sungai Tinggi. Saya rasa Kementerian Kesihatanlah yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan laporan itu.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kepada perkhidmatan yang begitu buruk diberi kepada pekerja-pekerja estet di hospital-hospital estet, mengapakah Kerajaan tidak bercadang untuk mengambilalih pentadbiran hospital-hospital di estet-estet itu?

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kita hidup dalam zaman penswastaan, bukan menjadikan khidmat-khidmat yang ada sebagai khidmat Kerajaan. Jadi, dalam perkara ini adalah tanggungjawab di bawah undang-undang bagi majikan tempat-tempat yang tertentu termasuk estet untuk membekalkan kemudahan hospital dan sebagainya sebagai satu yang dapat membantu perkhidmatan Kerajaan sendiri dan juga sebagai satu daripada tanggungjawab majikan kepada pekerjanya. Dalam perkara ini Kerajaan akan bekerjasama dengan kemudahan-kemudahan yang terdapat di estet tetapi tidak bercadang untuk mengambilalih kemudahan-kemudahan itu. Di mana yang perlu, kita akan cuba mengambil tindakan sewajarnya untuk membaiki kemudahan keadaan itu, tetapi kita tidak mahu mengambilalih tanggungjawab majikan itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Nawawi bin Mat Awin.

Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

**CCB—KESAN KEPUTUSAN
MAHKAMAH AGUNG**

3. Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada keputusan Mahkamah Agung dalam kes CCB baru-baru ini akan menjejaskan hak dan kepentingan pendeposit dalam bank-bank dan institusi kewangan umumnya dan, jika ia, apakah tindakan yang akan diambil untuk memelihara keselamatan deposit-deposit dalam institusi-institusi yang berdaftar dan dibenarkan itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, keputusan Mahkamah Agung dalam kes Bank Pusat Kerjasama Berhad (CCB), dengan izin, baru-baru ini dirasakan tidak akan menjejaskan kepentingan dan hak pendeposit-pendeposit bank-bank dan institusi-institusi kewangan berlesen kerana Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 mempunyai peruntukan yang jelas berkaitan dengan kedudukan pendeposit-pendeposit mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keutamaan bayaran kepada para pendeposit dalam mana-mana bank-bank dan institusi-institusi kewangan berlesen yang didapati tidak solven, dengan izin, insolvent telah dinyatakan dengan jelas dalam Seksyen 81 Akta-akta Bank dan Institusi Kewangan 1989. Dengan ini, kepentingan pendeposit-pendeposit dalam bank-bank dan institusi-institusi kewangan berlesen telahpun diambil kira dalam Akta tersebut.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana pula kepentingan pekerja, dapatkah Bank ini menjaga kepentingan mereka?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, mengikut keputusan Mahkamah Agung pada 25hb Mei tahun ini bahawa kepentingan pekerja-

pekerja koperasi ini telah ditempatkan sama taraf dengan kepentingan pendeposit-pendeposit dan dengan ini kepentingan mereka telah diambil kira.

**KELUARGA TERMISKIN—
BILANGAN**

4. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan Kementerian ini dapat mengumpul jumlah rumah-rumah orang yang termiskin di seluruh negara:

- (a) nyatakan jumlahnya; dan
- (b) berapa peruntukan kepada sesebuah rumah yang akan diberi.

Datuk Mohamed bin Jamrah:
Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Senarai bilangan keluarga termiskin di seluruh negara ialah 163,940 buah.
- (b) Di bawah Program Pemulihan Rumah untuk membantu rakyat termiskin, peruntukan yang diberi untuk membina semula rumah ialah \$2,000 sebuah bagi Semenanjung, \$2,500 sebuah bagi Sabah dan Sarawak dan \$1,500 sepintu bagi rumah panjang. Manakala bagi membaikpulih rumah ialah sebanyak \$1,000 bagi sebuah di Semenanjung, \$1,500 bagi sebuah di Sabah dan Sarawak dan sebanyak \$700 bagi rumah panjang.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bilakah agaknya peruntukan tersebut akan dibagikan kepada mereka yang berhak dan adakah peruntukan ini akan diberi secara tunai atau hanya diberi barang-barang sahaja?

Datuk Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang ada kepada Kementerian bahawa bagi tahun ini daripada \$31.3 juta peruntukan yang telah dikeluarkan ialah \$28.49 juta, maknanya setakat ini 78.2% telahpun diuntukkan. Peruntukan ini akan diberi secara barangan, bukan diberi secara wang tunai.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa bilangan rumah-rumah orang yang termiskin amat tinggi, apakah rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan untuk menempatkan semula orang-orang ini di projek-projek rumah kos rendah sebagai usaha untuk meninggikan taraf hidupan mereka?

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat menerangkan perbezaan antara golongan orang-orang miskin di kawasan bandar dan luar bandar dan apakah kriteria yang digunakan untuk perbezaan ini?

Datuk Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, kalau orang-orang yang daif ini ingin ditempatkan di rumah ataupun membeli rumah-rumah kos rendah, maknanya mereka sudah tidaklah tergolong di dalam takrif "daif". Jadi, kerana kalau hendak membeli rumah kos rendah ini yang kita ketahui harga rumah kos rendah adalah \$25,000, saya kira tidak mungkinlah mereka boleh diberikan ataupun ditempatkan di rumah-rumah kos rendah yang memakan belanja wang yang begitu banyak.

Bagi soalan yang kedua, mengurangkan perbezaan kemiskinan saya kira bukan Kementerian ini sahaja yang terlibat untuk mengurangkan kemiskinan sama ada di luar bandar atau di dalam bandar tetapi Kerajaan Barisan Nasional melalui Kementerian-kementerian yang ada terlibat secara

keseluruhannya untuk mengurangkan tahap kemiskinan yang pada suatu ketika dahulu adalah 40% tetapi pada hari ini kurang daripada 20%. Ini membuktikan bahawa Kerajaan kita bersungguh-sungguh untuk mengurangkan perbezaan kemiskinan.

Berkenaan dengan kriteria perbezaan kemiskinan, saya tidak berapa jelas tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat takrif kemiskinan yang boleh mendapat bantuan perumahan ini adalah bagi mereka yang mendapat pendapatan kurang daripada \$175 sebulan.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengenalpasti mereka yang termiskin sehingga sanggup memberi bantuan rumah. Apakah ada suatu perancangan yang teratur untuk membaiki keadaan orang-orang yang termiskin ini kepada bilangan yang dipastikan itu?

Datuk Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, memang ada tetapi bukanlah semestinya terhad kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sahaja. Misalnya, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mengambil mereka yang miskin yang tidak mempunyai tanah untuk memasuki skim-skim FELDA. Bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, kita mempunyai satu agensi yang bernama FELCRA yang boleh menyatu dan memulihkan tanah-tanah bagi orang-orang yang tidak dapat mengusahakan tanah-tanah mereka. Ini bermakna memang ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Chien Aun.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

**AKTA PERIKANAN 1985—
CADANGAN PINDAAN**

5. Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada cadangan untuk mengkaji semula Akta Perikanan dan jika ianya bercadang sedemikian sama ada Kementerian dapat memberi jaminan supaya peruntukan-peruntukan yang terlalu ketat seperti bayaran kompaun yang agak tinggi, bot yang terpaksa ditahan apabila dihadapkan di Mahkamah dan sebagainya yang akan membebaskan para nelayan harus diteliti semula.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah membuat pengumuman kepada semua nelayan-nelayan untuk mengemukakan cadangan-cadangan pindaan kepada Akta Perikanan, 1985 pada 12hb Mac, 1990. Sehingga kini Kementerian hanya menerima 22 memorandum daripada Persatuan Nelayan dan syarikat-syarikat perikanan swasta untuk meminda Akta Perikanan 1985.

Cadangan-cadangan yang telah diterima ini sedang dikaji dan diteliti dengan lebih mendalam lagi oleh Kementerian dan peruntukan-peruntukan yang difikirkan wajar dan sesuai untuk dipinda akan diemukakan oleh Kementerian.

**BAHASA MELAYU DAN
KESUSASTERAAN MELAYU
DI PERINGKAT STPM**

6. Tuan C. Krishnan minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bilakah Menteriannya akan menjadikan matapelajaran Bahasa Malaysia pada peringkat STPM sebagai 2 matapelajaran berasingan iaitu Bahasa Malaysia dan Sastera Melayu; dan

- (b) adakah Menteriannya bercadang untuk mengikut cara kurikulum negeri Filipina di mana HAK MANUSIA diperkenalkan sebagai suatu mata-pelajaran di semua sekolah menengah di negeri itu.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Majlis Peperiksaan Malaysia memang akan menjadikan matapelajaran Bahasa Malaysia pada peringkat STPM sebagai dua mata pelajaran berasingan iaitu Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu. Sukatan pelajaran ini akan mula digunakan pada tahun persekolahan 1991/1992 untuk peperiksaan STPM pada tahun 1993.
- (b) Kementerian Pendidikan kini menekankan aspek penerapan nilai-nilai moral, kemanusiaan dan kewarganegaraan dalam KBSR dan KBSM. Tujuannya ialah untuk melahirkan manusia yang berakhlak, bertanggungjawab, berbakti dan bekerjasama. Sesungguhnya nilai-nilai murni memang berkaitan secara langsung dan tidak langsung dengan hak manusia. Oleh itu, Kementerian Pendidikan tidak bercadang memperkenalkan matapelajaran Hak Manusia di semua sekolah menengah di Malaysia.

**JALAN MASUK ANTARA
THAILAND/MALAYSIA**

7. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Kerjaraya menyatakan mengapakah jalan Thai/Malaysia dekat Bukit Putih, Kuala Perlis belum lagi disambung sedangkan jalan di sebelah

Thailand sudahpun siap. Bukankah ini menyekat pembangunan.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman yang berhormat pada masa ini terdapat tiga jalan masuk yang sedia ada ke negeri Perlis Indera Kayangan dari Thailand iaitu Padang Besar, Wang Kelian dan Kuala Perlis.

Kerajaan berpendapat bahawa ketiga-tiga jalan berkenaan adalah mencukupi untuk perhubungan dengan Thailand. Jika jalan masuk baru dibina seperti dicadangkan, kemungkinan aktiviti penyeludupan akan meningkat dan akan menambahkan lagi beban kawalan keselamatan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat telah menyebutkan tadi bahawa sebab yang tidak sebenarnya disambung semula adalah disebabkan oleh keselamatan. Tetapi Yang Berhormat menyebut juga ada jalan sambung antara Kuala Perlis dengan Thailand. Sebenarnya, Yang Berhormat, jalan ini belum disambung lagi. Inilah soalan saya: mengapakah jalan dari Thailand ke Kuala Perlis belum disambung dengan rasminya lagi, sedangkan jalan disebelah Thai sudahpun siap. Tetapi jalan di sebelah kita belum sampai ke sempadan untuk disambung ke Thailand. Soalan ini saya bawa oleh sebab daripada segi pembangunan Kuala Perlis dan juga Langkawi, oleh kerana ramai penduduk di Selatan Thailand ingin hendak pergi ke Langkawi tetapi terpaksa mengikut jalan yang jauh.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi, kita sudah ada tiga jalan masuk dari Thailand. Tetapi kalau perlu, kita boleh mengkaji untuk menambakkannya lagi.

IJAZAH PERAKAUNAN DAN SENIBINA—PENGIKTIRAFAN

8. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Menteri Pendidikan mengkaji semula justifikasi penuntut-penuntut Malaysia belajar di Amerika Syarikat untuk mendapatkan Sarjana (Degree) dalam bidang Accountancy dan Architecture. Kedua-dua sarjana ini tidak mendapat professional recognition oleh firma-firma tempatan dan ini tentu akan menjejaskan peluang-peluang graduan tersebut untuk bekerja atau yang ingin menubuhkan accounting firm sendiri selepas belajar di Amerika Syarikat selama 4 tahun.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama penuntut-penuntut Malaysia dihantar belajar di Amerika Syarikat dalam bidang Perakaunan dan Senibina adalah semata-mata untuk memenuhi keperluan dalam Perkhidmatan Awam di negara kita ini. Kelayakan Senibina dari Amerika Syarikat diiktiraf oleh Kerajaan bagi maksud lantikan ke jawatan arkitek atau yang bersesuaian dengannya dalam Perkhidmatan Awam. Program Ijazah Senibina yang diikuti oleh pelajar-pelajar Malaysia di Amerika Syarikat diiktiraf oleh National Architectural Accrediting Board (NAAB) Amerika Syarikat. Buat masa ini terdapat sejumlah 87 buah universiti yang diiktiraf oleh NAAB dan juga oleh Kerajaan Malaysia.

Bagi bidang Perakaunan pula, Kerajaan mengiktiraf Ijazah Perakaunan dari Universiti Amerika Syarikat sebagai setaraf dengan Ijazah Sarjana Muda atau Kepujian untuk tujuan mereka dilantik ke jawatan yang bersesuaian dalam Perkhidmatan Awam seperti Perkhidmatan Juruodit, Pegawai Tadbir, Pensyarah, Pegawai Pemasaran, Pegawai Kemajuan Perindustrian, Pegawai Penaksir dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, di sektor swasta, jawatan akauntan dan akitek dikawal oleh Akta masing-masing iaitu Akta Akauntan, 1967 dan Akta Arkitek, 1967. Oleh yang demikian untuk tujuan pendaftaran sebagai ahli profesional dalam kedua-dua bidang tersebut atau untuk menubuhkan firma perakaunan atau senibina persendirian, graduan-graduan berkenaan hendaklah memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang ditetapkan di dalam kedua-dua Akta tersebut.

Tuan C. Krishnan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bilakah Kementerian Pendidikan dan Jawatankuasa Kementerian yang berkenaan akan mengambil perhatian mengenai ijazah-ijazah dari negara-negara yang membangun atau dari Benua Asia memandang begitu mahal pelajaran tinggi di United States of America, United Kingdom atau Australia?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, pengkajian untuk mengiktiraf satu kursus atau satu ijazah itu adalah mengikut keperluan negara kita dan prestasi ijazah itu. Sekiranya kita sudah dapat satu perhubungan yang rapat dengan negara-negara yang sedang maju dan kita sudah puas hati bahawa ijazah itu adalah setaraf dengan ijazah negara-negara yang maju dan yang diperlukan oleh Kerajaan kita, Kementerian Pendidikan dan Kerajaan akan mengkaji untuk mengiktiraf ijazah berkenaan.

LADA HITAM—DASAR NEGARA

9. Tuan Dol bin Dolah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah dasar jangka panjang negara terhadap industri lada hitam.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, Dasar Pertanian

Negara mengenai lada telah menetapkan sasaran iaitu, dengan izin, target pengeluaran lada hitam sebanyak 45,000 tan metrik menjelang tahun 2000.

Bagi tahun 1990, pengeluaran lada hitam dijangka berjumlah kira-kira 29,000 tan metrik yang melibatkan kawasan seluas lebih kurang 11,200 hektar. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Sarawak telah merancang untuk menjalankan aktiviti pengembangan tanaman lada di Sarawak seluas kira-kira 1,200 hingga 1,500 hektar setahun. Dengan aktiviti ini seramai kira-kira 6,000 hingga 7,500 keluarga petani miskin dijangka akan mendapat bantuan menerusi program tanaman semula lada setiap tahun. Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan beberapa kemudahan untuk membantu petani-petani lada mengurangkan kos pengeluaran dan dengan demikian mendapat pulangan hasil yang berpatutan. Bantuan yang telah diberikan adalah dalam bentuk input-input pertanian seperti benih, baja, bahan kimia dan tiang. Dalam Rancangan Malaysia Kelima sejumlah \$16 juta telahpun diperuntukkan bagi maksud ini.

Seperti juga dengan komoditi utama yang lain, usaha Kerajaan ialah untuk mendapatkan harga dan pulangan yang berpatutan dan menguntungkan kepada pengusaha-pengusaha terutamanya petani-petani di luar bandar. Bagi maksud ini pelbagai program dan aktiviti telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan.

Di peringkat Kebangsaan, melalui Jemaah Pemasaran Lada Hitam, Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk membantu petani dalam memasarkan lada mereka supaya mendapat pulangan hasil yang lebih baik daripada sesuatu keadaan pasaran. Di bawah Rancangan Malaysia

Keenam, Jemaah Pemasaran Lada Hitam akan menekankan aspek-aspek kualiti lada yang diproses oleh petani dan menyediakan pilihan pasaran yang lebih bersaing kepada petani lada. Di dalam keadaan ini di mana pengguna lada sedunia semakin mementingkan soal kebersihan dan mutu keluaran, usaha untuk mempertingkatkan mutu keluaran lada Malaysia akan terus dilaksanakan. Peningkatan ke atas kualiti lada akan meningkatkan pula penerimaan lada Malaysia dalam pasaran antarabangsa. Dari segi eksport Jemaah ini akan meneruskan aktivitinya berdasarkan kepada konsep Persyarikatan Malaysia di mana Lembaga dan pengeksport swasta akan bergabung tenaga dalam memajukan saluran keluar dan mengembangkan pasaran untuk lada hitam.

Di peringkat antarabangsa, sebagai anggota dalam Pertubuhan Lada Antarabangsa Malaysia akan terus memainkan peranan yang aktif dalam semua bidang kegiatan yang merangkumi aspek pengeluaran, pemasaran, pemerosesan dan pembangunan hasil keluaran bagi faedah pembangunan industri lada hitam di negara ini.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan di Sarawak begitu tinggi pengeluaran hasil lada hitam ini, tetapi tidakkah usaha-usaha dibuat bagi Semenanjung kita ini kerana kita juga di sini tidak kurang dengan tanah-tanah yang subur untuk ditanam dengan lada hitam. Jadi, saya ingin tahu berapakah jumlah keluasan tanaman lada hitam di Semenanjung kita sekarang ini?

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Pertanian yang bertanggungjawab mengenai penanaman lada hitam ini sentiasa memberi galakan kepada petani-petani di Semenanjung untuk menanam lada hitam.

Dari apa yang saya mendapat makluman ada petani-petani di negeri Johor telahpun cuba menanam lada hitam tetapi secara kecil-kecilan, dan sekiranya ada kawasan yang sesuai para petani bolehlah membuat permohonan untuk mendapat input-input subsidi daripada Kementerian Pertanian, oleh kerana tujuan kita ialah untuk menggalakkan lebih banyak lagi penanaman lada hitam bukan sahaja di Sarawak, tetapi juga di seluruh negara.

IJAZAH PERUBATAN DARI INDIA—PENGIKTIRAFAN

10. Tuan K. Sivalingam minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan akan mengiktirafkan lebih banyak kolej-kolej perubatan di India dari menghantar lebih banyak pelajar ke Amerika atau Britain kerana:

- (a) kita dapat mengurangkan kos perbelanjaan; dan
- (b) dapat merapatkan hubungan erat dengan Negara India dari segi kebudayaan, seni dan hubungan dua hala.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan telahpun mengiktiraf sebanyak 42 buah kolej/universiti perubatan negeri India.

Sebenarnya di antara beberapa faktor utama yang menjadi asas pertimbangan dalam memberikan pengiktirafan kepada ijazah atau diploma dari sesebuah kolej atau universiti luar negeri ialah keperluan kepakaran bagi memenuhi keperluan negara. Sebab itulah selain daripada mengiktiraf kolej/universiti negeri India, Kerajaan juga mengiktiraf beberapa buah kolej/universiti dari luar negeri seperti dari United Kingdom, Amerika Syarikat, Kanada, Indonesia, Negara-negara Timur Tengah, Australia, Peranchis, Itali, Jepun,

Mesir, New Zealand dan beberapa buah negara lain lagi.

Menyentuh mengenai hasrat untuk merapatkan perhubungan antara Malaysia dan India, sebenarnya kedua-dua negara tersebut telah menjalin persahabatan yang baik. Selain dari perhubungan yang terjalin melalui sejarah, kedua-dua negara mem-pereratkan persahabatannya melalui pendidikan, kebudayaan, seni, perdagangan dan perusahaan.

Tuan Tan Chai Ho: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah beliau menyatakan berapakah bilangan pelajar Malaysia yang sedang belajar di kolej-kolej perubatan di India dan juga nyatakan jumlah kos perbelanjaan bagi tiap-tiap pelajar?

Tuan Woon See Chin: Mengenai kos yang perlu dibelanja oleh setiap murid di India, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan kos setiap murid yang hendak dibelanjakan di India, sebab saya tidak ada angka-angka di sini, saya fikir lebih sesuai saya memberikan jawapan ini secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada satu lagi soalan tambahan.

Tuan Tan Chai Ho: Tadi saya pun bertanya berapakah bilangan pelajar yang sedang belajar di kolej-kolej perubatan atau universiti di India.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, maaf, ini saya perlu mendapat satu notis dahulu.

TABUNG PEMULIHAN USAHAWAN

11. Dr Nordin Selat minta Menteri Kewangan menyatakan apakah masalah-masalah yang wujud dalam

melaksanakan Tabung Pemulihan Usahawan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang wujud dalam pelaksanaan Tabung Pemulihan Usahawan boleh di-bahagikan kepada dua peringkat.

Pertama, masalah di peringkat memproses permohonan; dan

Kedua, masalah di peringkat pengeluaran bantuan kewangan iaitu selepas sesuatu permohonan di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah yang kerap berlaku di peringkat memproses permohonan adalah sebagaimana berikut:

- (i) maklumat yang diberikan oleh pemohon tidak mencukupi;
- (ii) akaun syarikat tidak disimpan dengan betul menyebabkan pihak Urusetia sukar untuk mengkaji punca masalah dan menyediakan laporan;
- (iii) ada data yang diberikan oleh pemohon adalah tidak tepat menyebabkan permohonan terpaksa dikaji berulang kali;
- (iv) ada permohonan yang sebenarnya tidak mempunyai apa-apa masalah tetapi membuat permohonan dengan harapan untuk mendapatkan sumber kewangan tambahan;
- (v) pemohon tidak memberitahu jumlah sebenar hutang mereka di Institusi Kewangan;
- (vi) keengganan pemohon untuk datang ke Bank Negara Malaysia apabila diminta berbuat demikian atas maksud untuk mendapatkan maklumat tambahan daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah tersebut telah menyebabkan kelambatan dalam memproses dan mempertimbangkan sesuatu permohonan oleh pihak Urusetia Tabung tersebut. Masalah-masalah di peringkat pengeluaran bantuan pula adalah seperti berikut:

- (i) Kelambatan pemohon yang berjaya untuk menandatangani surat perjanjian pinjaman;
- (ii) Pemohon didapati mempunyai tunggakan hutang yang melebihi daripada jumlah yang dilaporkan semasa membuat permohonan;
- (iii) Pemohon-pemohon yang berjaya didapati berada dalam tindakan mahkamah oleh sipiutang masing-masing;
- (iv) Ada kalanya pemohon ingin menukar kepada projek-projek lain selepas bantuan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Urusetia Tabung Pemulihan Usahawan ini sentiasa berusaha untuk melaksanakan skim tersebut dengan licin dan berkesan, bagaimanapun tanpa kerjasama dan commitment pihak pemohon, masalah-masalah yang wujud itu adalah sukar diatasi.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat dua, tiga soalan tambahan. Pertama, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, semenjak Tabung Pemulihan Usahawan ini diwujudkan, berapa ramai yang telah mendapat bantuan dan berapakah jumlah wang yang telah dibantu.

Kedua, kenapa Tabung ini, dari asalnya kita panggil Tabung Pemulihan Usahawan itu, kata pendeknya TPU, tetapi sekarang kita dengar tabung ini sudah dialih dengan TIPU. Jadi, adakah kerana kelambatan melaksanakan bantuan ini daripada pihak Kementerian sendiri kepada pemohon-

pemohon ataupun sebenarnya pemohon itu sendiri yang cuba hendak menipu Kementerian. Itu sebab dia alih daripada TPU kepada TIPU. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tambahan yang pertama, berkenaan dengan berapa ramai dan jumlah wang yang telah diluluskan ataupun dikeluarkan daripada tabung yang berkenaan, Tuan Yang di-Pertua, sejak tabung ini diumumkan, jumlah permohonan yang diterima oleh Urusetia Tabung ini sehingga 31hb Mei, 1990 ialah sebanyak 1,325 permohonan dan dari jumlah itu sebanyak 1,240 permohonan iaitu sebanyak 93.58% telah dibincangkan. Keputusan ke atas 1,240 permohonan ini, yang telah dibincangkan, bilangan permohonan yang telah diselesaikan, iaitu yang telah diluluskan adalah sebanyak 546, iaitu sebanyak 44%, yang ditolak 369, iaitu sebanyak 29.8%. Itu saya beri maklumat yang terperinci. Yang ditangguhkan sebanyak 325 kes, iaitu 26.2%.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jumlah wang yang telah dikeluarkan atas kes-kes yang telah diluluskan sehingga 31hb Mei, tahun ini ialah sebanyak \$224.9 juta dan jumlah wang yang telah dikeluarkan dan telah diluluskan adalah lebih \$200 juta, tetapi jumlah wang yang telah dikeluarkan hingga tarikh yang saya sebutkan tadi ialah \$58.7 juta. Kes-kes yang telah diluluskan tetapi wang belum dikeluarkan adalah disebabkan sebahagian masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tambahan bahagian kedua, saya tidak ingin menjawab soalan itu secara terus kerana memang Kerajaan berhasrat untuk menolong usahawan-usahawan Bumiputera yang berada dalam masalah ataupun kesusahan. Walau bagaimanapun, Kerajaan mem-

punyai beberapa "guidelines" untuk diikuti. Ini adalah berhasrat supaya wang yang ada di dalam tabung ini tidak akan disalahgunakan dan ini bertujuan untuk memastikan bahawa pemohon-pemohon yang telah memohon untuk mendapat bantuan daripada tabung ini adalah benar-benar kes yang seharusnya ditimbang oleh Kerajaan dan siapa yang ambalalih, itu tidak mustahak.

Tuan Haji Shuaib bin Lazim: Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana menubuhkan Tabung ini. Tetapi adakah Kerajaan sedar Tabung ini tidak boleh beri pinjaman atau beri bantuan mengikut cara bank procedure kerana lambat, sebab pada pandangan saya ada orang yang telah menunggu jawapan TPU sudah bankrap kerana kelambatan mengambil tindakan dalam perkara ini. Saya juga dapat tahu, Tuan Yang di-Pertua, permohonan yang telah diluluskan juga banyak yang belum diberi lagi sehingga hari ini. Pada pendapat saya, tidak bolehkan Kerajaan memberi pinjaman ini secara yang lebih cepat, dengan satu tindakan yang lebih produktif bagi menolong orang yang sakit ini.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak silap, soalan tambahan ini telah dijawab dalam jawapan asal saya iaitu mengapa berlakunya kelambatan memproses permohonan dan juga kelambatan mengeluarkan wang, ataupun kes-kes yang telah diluluskan, tetapi wang itu lambat dikeluarkan. Ini mengakibatkan beberapa syarikat seperti apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat bahawa syarikat-syarikat ini telah jadi bankrap sebelum wang itu diterima. Jadi, saya telah sebutkan masalah-masalahnya tadi dan saya tidak ingin mengulangi dan juga masalah-masalah mengapa Kerajaan tidak dapat mengeluarkan wang dengan cepat.

Saya ingin di sini menjelaskan bahawa adalah hasrat Kerajaan untuk

menolong pihak-pihak yang berada di dalam kesulitan, tetapi Kerajaan ingin meminta komitmen yang cukup ataupun kerjasama yang cukup daripada pihak pemohon. Barangkali pada tahap permulaan, apabila tabung ini diumumkan, ada beberapa masalah pentadbiran tidak dapat dilicinkan, tetapi pada tahap yang kemudiannya tidak ada masalah kepada Kerajaan, tetapi kita mintalah, apa yang saya sebutkan masalah-masalah itu mendapat kerjasama dan komitmen daripada pihak pemohon. Jikalau benar bahawa pihak Kerajaan harus melicinkan lagi pentadbiran dalam proses pengeluaran ataupun kelulusan permohonan, saya akan mengambil tindakan.

UNIVERSITI/MAKTAB PERGURUAN DI PERLIS

12. Tuan Saidin bin Mohamad minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kerajaan bercadang hendak mewujudkan sebuah universiti dan Maktab Latihan Perguruan di negeri Perlis.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah universiti memerlukan perancangan yang teliti dan teratur kerana ia memerlukan perbelanjaan yang besar, dan berasaskan kepada kemudahan pendidikan tinggi yang terdapat di negara ini. Buat masa ini Kementerian Pendidikan belum lagi mempertimbangkan cadangan untuk membina sebuah universiti baru di negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun Kerajaan telah menubuhkan dua buah universiti di kawasan berdekatan dengan negeri Perlis iaitu UUM di Kedah dan USM di Pulau Pinang.

Kementerian Pendidikan sedang merancang untuk menambahkan

bilangan maktab perguruan bagi mempertingkatkan lagi output guru terlatih di negara kita. Sehubungan dengan itu, suatu rancangan untuk menempatkan sebuah maktab perguruan di negeri Perlis telahpun dibuat. Rancangan ini telahpun dijadikan sebagai projek cadangan di dalam Rancangan Malaysia Keenam dan sedang menunggu keputusan dari Kerajaan.

KELAPA—JUMLAH HASIL DAN EKSPORT

13. Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah keluasan tanaman kelapa di negara ini;
- (b) adakah peningkatan keluasan kebun kelapa setelah bertambahnya permintaan kelapa muda hasil dari kempen meminum air kelapa muda yang dijalankan; dan
- (c) adakah hasil kelapa masih tinggi setelah kelapa sawit menjadi saingan hebat dan berapa jumlah eksportnya setiap tahun sejak 3 tahun yang lalu.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Keluasan tanaman kelapa pada masa ini di seluruh Malaysia ialah 320,591 hektar, merangkumi seluas 203,895.9 hektar di Semenanjung Malaysia, 58,668.2 hektar di Sarawak dan 58,026.9 hektar di Sabah.
- (b) Kempen meminum air kelapa tidak menunjukkan peningkatan keluaran kelapa yang "significant". Ini adalah kerana pengeluaran buah kelapa muda untuk keperluan kempen

meminum air kelapa muda ialah daripada keluasan pokok kelapa yang sedia ada. Jika permintaan kelapa muda terus meningkat di mana kini pengeluarannya telah mula dilaporkan berkurangan dan harga di ladang (ex-farm price) juga dilaporkan telah meningkat, maka peningkatan keluasan kelapa mungkin akan berlaku pada masa hadapan.

- (c) Sejak tahun 1963 sehingga 1986, Kerajaan telah melaksanakan Program Pemulihan Semula Kawasan Kelapa dengan memberi faedah kepada seramai 73,989 pekebun kecil kelapa. Melalui program ini, seluas 83,399 hektar pekebun kecil kelapa telah dimajukan iaitu seluas 18,000 hektar telah ditanam baru dan seluas 64,000 hektar telah dipulihkan. Di samping meningkatkan purata hasil kelapa kerana telah dibekalkan dengan benih kelapa yang bermutu tinggi, program ini telah melipatgandakan pendapatan pekebun kecil kerana galakan menanam tanaman selingan seperti koko, kopi, pisang dan lain-lain.

Jumlah eksport kelapa (kopra dan barangan kelapa) pada tahun 1987 ialah sebanyak \$100.77 juta dan ini telah meningkat kepada \$159.68 juta pada tahun 1988, dan terus meningkat kepada \$210.7 juta pada tahun 1989.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ini ada kaitannya lebih dari segi penghasilan daripada kelapa itu sendiri. Seperti kita sedia maklum sekarang ini rakyat keseluruhannya, sama ada di Malaysia ataupun di seluruh dunia, makin mengambil berat tentang kesihatan dan oleh kerana itu kolesterol menjadi musuh utama dari segi kesihatan. Memandangkan per-

kembangan ini, ada kemungkinan minyak kelapa terutamanya tidak akan mendapat permintaan yang baik dari segi pemasarannya. Jadi, oleh kerana itu apakah rancangan dari negara Malaysia ini terutama sekali dari Kementerian Pertanian dari segi jangka panjangnya untuk mengurangkan pengeluaran kelapa supaya tidak menjadi satu masalah apabila kelapa tidak dikehendaki lagi.

Yang keduanya, selain daripada pengeluaran untuk minyak kelapa, santan dan kelapa muda, apakah hasil-hasil lain yang telah dikeluarkan berasaskan kepada kelapa ini dan adakah cadangan-cadangan lain untuk dilakukan bagi menggunakan bahan kelapa ini di dalam industri kita.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, masalah kolesterol adalah akibat daripada banyaknya kempen-kempen yang berlaku oleh negara-negara luar yang mempunyai kepentingan persendirian. Walau bagaimanapun dari segi kesihatan, kita maklum tentang masalah kolesterol. Buat masa sekarang kita masih mempunyai permintaan daripada negeri-negeri luar dan sehingga permintaan didapati daripada negara-negara luar untuk dieksport, kita akan terus memberi perlindungan kepada mereka yang telah terlibat dalam perusahaan pekebun kecil kelapa dan juga industri kelapa.

Angka-angka yang saya sebut tadi tentang jumlah eksport yang telah dikeluarkan daripada negara pada tiga tahun yang kebelakangan ini menunjukkan bahawa permintaan bertambah pada setiap tahun; tahun 1987—\$100 juta, 1988—\$159 juta, 1989—\$210 juta. Ini menunjukkan bahawa permintaan luar meningkat dari masa ke semasa dan walaupun masalah kesihatan atau cholesterol problem itu diiktiraf ataupun diketahui tetapi ini adalah permintaan-permintaan dari luar negeri dan mereka menggunakan

import-import daripada negara kita bagi beberapa tujuan lain.

Tentang cadangan-cadangan, saya tidak dapat memberi jawapan yang terperinci walaupun selain daripada pihak FAMA dan juga MARDI sedang terus menjalankan beberapa kajian dan juga beberapa eksperimentasi untuk mengeluarkan barangan-barangan yang menggunakan kelapa untuk dieksport. Selain daripada santan yang disebutkan tadi, sekarang ada kelapa yang dikeluarkan melalui tin dan beberapa perkara-perkara lain yang sedang dibuat untuk dieksport melalui Kementerian. Kita akan terus mengambil perhatian bahawa MARDI dan juga FAMA akan terus menjalankan usaha ini pada masa-masa yang akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan bin Harun.

Tuan Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 14.

KEMUDAHAN TEMPAT REHAT DI LEBUHRAYA

14. Tuan Tan Chai Ho (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian mempunyai rancangan untuk mengadakan tempat-tempat rehat yang sempurna sepanjang Lebuhraya Timur-Barat dan Jalan Kuala Krai-Gua Musang-Kuala Lipis bagi menggalakkan pelancongan dan keselesaan pengguna jarak jauh.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan berbagai kemudahan tempat rehat dan rawat kepada pengguna di sepanjang jalanraya-jalanraya/lebuhraya-lebuhraya termasuk Lebuhraya Timur-Barat. Walau bagaimanapun, ianya

adalah bergantung kepada bilangan pengguna jalanraya-jalanraya berkenaan. Pada masa ini, bagi Lebuhraya Timur-Barat telah terdapat kawasan rehat yang boleh menampung keperluan dan menjadi tarikan pelancong iaitu di Banding dan di Batu Melintang, Kelantan. Sekiranya terdapat keperluan dan permohonan dari pihak swasta untuk mengadakan kemudahan tempat-tempat rehat dan rawat di lain-lain lebuhraya, Kerajaan bersedia menimbangkan permohonan tersebut.

Bagi Jalanraya Kuala Krai-Gua Musang-Kuala Lipis pula, pembangunan kawasan rehat tidak timbul oleh kerana jarak perhubungan di antara satu bandar dengan bandar yang lain tidak begitu jauh.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, maaf kiranya soalan ini terkeluar sedikit daripada soalan asalnya. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaya, adakah Kementerian Kerjaya sedar bahawa tanda-tanda petunjuk di simpang-simpang lebuhraya ataupun jalanraya-jalanraya agak berkurangan, kerana kadang-kadang kita dapati tanda petunjuk itu diletakkan begitu jauh dengan sesebuah simpang sedangkan semasa kita berhampiran dengan simpang tersebut tidak diletakkan tanda petunjuk. Ini menyukarkan kepada pengguna-pengguna jalanraya, lebih-lebih lagi kepada pelancong-pelancong yang hendak melawat sesebuah negeri di Malaysia ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya ada satu Jawatankuasa yang sentiasa mengkaji berkenaan tanda-tanda dan mengikut standard-standard yang ditentukan. Tetapi kalau ada tempat-tempat yang mungkin kita tidak periksa dengan teliti, kalau Yang Berhormat boleh beritahu simpang-simpang berkenaan, kita boleh pergi melihatnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan yang terakhir bagi petang ini, Yang Berhormat Dr Tan Chong Keng.

ANGGOTA POLIS BUKAN WARGANEGARA

15. Dr Tan Chong Keng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa wujudnya anggota polis dan bekas anggota polis Malaysia yang bukan warganegara Malaysia, dan juga apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan perkara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari akan adanya anggota polis yang tidak mempunyai taraf warganegara. Kejadian ini lazimnya disedari apabila anggota itu hendak menukar kad pengenalan semasa hendak bersara. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pengambilan mereka dalam Pasukan Polis pada tahun-tahun 1950an tidak mewajibkan mereka mengemukakan Sijil Kerakyatan dan gagal membuktikan sebagai warganegara kerana sijil-sijil itu telah hilang akibat kecuaiannya ketika zaman darurat dahulu.

Kerajaan boleh menimbangkan kewarganegaraan kepada mereka mengikut Perkara 30(1) Perlembagaan Negara.

Dr Tan Chong Keng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri, adakah kes-kes yang lain, sama ada ahli-ahli anggota polis keturunan Cina, Melayu dan India yang menyertai polis selepas kemerdekaan Malaysia yang juga ditimpa keadaan macam ini, yang mereka itu bukan warganegara Malaysia tetapi pihak polis hanya tunggu sampai mereka bersara sahaja mendapati bahawa mereka ini bukan warganegara Malaysia. Ini soalan tambahan pertama.

Yang kedua, bolehkah orang-orang yang bukan warganegara Malaysia membuang undi dalam pilihanraya yang lepas itu. Kalau ada anggota-anggota polis yang bukan warganegara Malaysia yang sedang membuang undi dalam pilihanraya yang lalu, adakah keputusan pilihanraya itu tidak sah?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, selepas kemerdekaan tiap-tiap pemohon jawatan polis diperlukan untuk menunjukkan kad pengenalan mereka, dengan sebab itu tidaklah wujud apa yang dikatakan rakyat yang tidak dipastikan kewarganegaraan mereka menjadi anggota polis, oleh kerana anggota polis yang memasuki jawatan polis sebelum kemerdekaan, mereka hanya diketahui apabila mereka hendak bersara. Pada masa ini oleh kerana mereka masih lagi menggunakan kad pengenalan polis, jadi tidak dapat dipastikan adakah mereka benar-benar warganegara atau tidak.

Masalah yang kedua, bagi rakyat yang bukan warganegara di negara ini memang tidak boleh mengundi.

Tentang yang diperkatakan oleh Yang Berhormat adakah anggota polis yang bukan warganegara juga mengundi di masa-masa yang lepas, perkara ini terpaksa diselidik dengan teliti.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.16 hingga 57 adalah diberi di bawah ini)

MARDI—PENGHASILAN BARU

16. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah kejayaan-kejayaan atau hasil penemuan terbaru yang telah dihasilkan oleh MARDI melalui penyelidikan mereka; dan
- (b) berapa pula dari jumlah penemuan atau kejayaan penyelidikan tersebut telah diterjemahkan ke bidang komersial yang boleh menguntungkan para petani, pekebun kecil, nelayan dan pengusaha.

Dato' S. Subramaniam: MARDI telah menghasilkan beberapa kejayaan terbaru dalam bidang-bidang pengeluaran tanaman, ternakan dan pemprosesan bahan-bahan pertanian. Di antaranya adalah:

- (i) Penghasilan variti baru padi MR103 dan MR106 yang rentang terhadap penyakit-penyakit utama dan memberi hasil tinggi (lebih 5 tan/hektar);
- (ii) Menemui kaedah-kaedah pengendalian padi secara pukal;
- (iii) Teknik penanaman koko kepadatan tinggi (3,300 pokok/hektar)
- (iv) Teknik fermentasi koko mengguna kotak cetak;
- (v) Penemuan betik baru eksotika yang sesuai untuk dipasarkan di Asia dan Eropah.
- (vi) Mengenalpasti dua jenis pisang Mas (Air Kuning dan Belanja) yang sesuai ditanam secara komersial.

- (vii) Menemui kaedah-kaedah teknik pembiakan tampang manggis secara cantuman biji.
- (viii) Menemui kaedah-kaedah pengawalan lalat buah mengguna "protein bait" PROMAR;
- (ix) Penemuan teknologi penanaman ubi kentang di tanah tinggi;
- (x) Penggunaan baja organik "POME" untuk penanaman di tanah bekas lombong;
- (xi) Teknologi untuk pengawetan dan pewarnaan tanaman-tanaman hiasan;
- (xii) Penghasilan jagong manis baru "Mas Madu";
- (xiii) Penghasilan klon ubi kayu baru "Perintis";
- (xiv) Pengeluaran benih "poly-hibrid" untuk kopi Robusta dan Liberica dan klon terpilih;
- (xv) Teknik pembiakan lembu melalui pemindahan embrio;
- (xvi) Penentuan baka-baka itik (muscovy) dan ayam belanda (betina) untuk pengeluaran komersial;
- (xvii) Dalam bidang pemprosesan makanan, beberapa hasil telah ditemui

dan lain-lain penemuan yang secara tidak langsung dapat membantu pertanian seperti kaedah-kaedah pembajaan, pengairan, mekanisasi dan pengurusan yang teratur.

Di antara penemuan-penemuan di atas, beberapa teknologi telah dikomersialisasikan dalam beberapa

tahap. Yang terpenting di antaranya adalah:

- (1) Pengeluaran bahan-bahan makanan seperti berikut:
 - (a) Pengilangan jus buah-buahan,
 - (b) Pengeluaran serbok santan,
 - (c) Pengeluaran jeruk buah-buahan tradisional,
 - (d) Mengetin hasil-hasil dari ikan untuk eksport,
 - (e) Pengilangan hasil-hasil dari daging mengguna "retort pouch" untuk makanan segera,
 - (f) Air kelapa yang ditin untuk minuman,
 - (g) Pengeluaran yoghurt dan dadih, dan
 - (h) Pengeluaran kuih-kuih tradisional mengguna mesin (tabaloi, pau, baulu).
- (2) Beberapa estet di Johor, Pahang dan Melaka telah menerima pakai teknologi-teknologi MARDI dalam pengeluaran betik eksotika dan belimbing (B10 dan B17) untuk tujuan eksport.
- (3) Dalam pengeluaran ternakan, sistem pengeluaran lembu pedaging secara fidlot dan integrasi dengan kelapa sawit lembu dan bebiri telah dilaksanakan.
- (4) Penanaman cultivar baru padi MR103, MR106, tembakau kultivar TAPM13, jagong manis, Mas Madu telah ditanam secara besar-besaran; dan
- (5) "Promar" iaitu "protein bait" yang telah diolahkan untuk mengawal lalat buah telah dipasarkan oleh NAFAS.

**BELIA DALAM LATIHAN
KEPIMPINAN DAN
PERNIAGAAN**

17. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapa ramaikah Pegawai-pegawai Belia diambil bertugas dalam tiap-tiap tahun. Berapa pula bilangan belia yang mendapat latihan dalam berbagai bidang seperti:

- (i) latihan kepimpinan;
- (ii) Perniagaan—petty traders;
- (iii) Sukan—renang;
- (iv) Kebudayaan—seni tari dalam satu-satu tahun.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan (Cik Teng Gaik Kwan): Pengambilan pegawai-pegawai Belia tidak dibuat setiap tahun tetapi hanya dibuat apabila perlu untuk mengisi jawatan-jawatan yang baru diwujudkan dan mengisi kekosongan jawatan akibat kenaikan pangkat penyandanganya, persaraan dan kematian.

Pada setiap tahun, Kementerian Belia dan Sukan telah dapat melatih seramai 1,700 orang belia dalam latihan kepimpinan di pelbagai peringkat.

Di samping itu juga, Kementerian Belia dan Sukan telah dapat melatih seramai 2,200 orang belia dalam bidang latihan perniagaan "Petty Traders" pada setiap tahun.

Latihan kepada belia dalam aspek kebudayaan adalah di bawah kelolaan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Sementara latihan dalam bidang sukan renang dijalankan oleh Persatuan Renang Malaysia dan lain-lain kelab renang.

**PENGANIAYAAN RAKYAT
PALESTIN OLEH ISRAEL**

18. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah usul dan cadangan-cadangan yang akan dikemukakan oleh Malaysia di dalam Persidangan OIC akan datang khasnya mengenai penganiayaan dan kekejaman yang dilakukan oleh Israel terhadap rakyat Palestin yang kian ganas dan tidak berperikemanusiaan itu.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia mengesahkan segala tindakan penganiayaan dan keganasan yang dilakukan oleh rejim Israel ke atas rakyat Palestin dan penduduk-penduduk Arab di wilayah-wilayah yang ditaklukinya. Kita mengutuk sekeras-kerasnya keganasan rejim tersebut yang menggunakan senjata api di dalam menghadapi kebangkitan (Intifada) rakyat Palestine yang tidak bersenjata. Kita telah menyuarakan pandangan-pandangan dan pendirian kita mengenai masalah Palestine ini dimesyuarat-mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Kita menyokong penuh segala usaha-usaha untuk mendapatkan satu penyelesaian yang adil dan berkeadilan terhadap masalah tersebut. Penyelesaian ini mestilah mengandungi perkara-perkara berikut:

- (i) Pengunduran sepenuhnya Israel dari wilayah-wilayah Palestin dan Arab yang ditakluki; dan
- (ii) Penyelesaian masalah ini melalui Persidangan Antarabangsa yang dikendalikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Segala usaha ke arah penyelesaian masalah tersebut perlu mengambil kira pengiktirafan hak-hak rakyat Palestin, termasuk hak mendirikan sebuah negara Palestin yang merdeka dan

berdaulat ditahan air mereka sendiri. Pengiktirafan ini juga merangkumi hak rakyat Palestin untuk menentukan masa depan mereka sendiri tanpa campurtangan dari mana-mana pihak.

Malaysia juga menyokong gesaan supaya rakyat Palestin diberi perlindungan antarabangsa selaras dengan Konvensyen Geneva ke 4 tahun 1949 dan seterusnya menyokong agar diadakan sekatan-sekatan antarabangsa yang bersesuaian ke atas rejim Israel.

Dalam usaha ke arah penyelesaian tersebut, kita juga menggesa semua pihak yang terlibat menerima penyertaan PLO sebagai Wakil Rakyat Palestin yang sah disemua persidangan dan perundingan yang membincangkan penyelesaian masalah Palestin.

PENCULIKAN—BILANGAN KES

19. Tuan P. Balaram minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kes-kes penculikan berlaku pada tahun 1989;
- (b) di antaranya berapa banyakkah mangsanya dilepaskan dan berapa orangkah dibunuh oleh penculik-penculik itu; dan
- (c) berapa ramaikah penculik ditangkap dan ditangkap dan didakwa di Mahkamah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Dalam tahun 1989 sebanyak 3 kes culik untuk tebusan telah dilaporkan dan melibatkan 3 orang mangsa.
- (b) Di antara 3 orang mangsa yang terlibat, seorang telah dibebaskan oleh penculik setelah wang tebusan dibayar, seorang dibunuh oleh penculik tanpa wang tebusan dibayar dan

seorang lagi masih belum dapat dikesan.

- (c) Bagi tempoh yang sama iaitu sepanjang tahun 1989, seramai 11 orang penculik telah ditangkap. Dari jumlah ini 3 orang didakwa di bawah Sekseyn 3(1) Akta Culik 1961, 7 orang di bawah lain-lain undang-undang dan 1 orang dibebaskan kerana kekurangan keterangan.

BEKALAN AIR BERSIH KE LUAR BANDAR

20. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan tahap pencapaian pembangunan kemudahan asas bekalan air bersih kepada penduduk-penduduk kampung luar bandar. Adakah Kementerian sedar bahawa wabak taun dan demam kepialu yang tercatat dalam rekod kesihatan negara baru-baru ini dapat di atasi dengan mempercepatkan bekalan air bersih di kampung-kampung secara berkesan.

Datuk Mohamed bin Jamrah: Bekalan air kepada penduduk-penduduk kampung dan kawasan luar bandar boleh dibekalkan melalui beberapa cara seperti:

- (a) Saluran paip ke rumah-rumah.
- (b) Perigi.
- (c) "Gravity Feed" (sumber air dari bukit).

Hanya air melalui saluran paip sahaja boleh dianggap sebagai 100% bersih. Tahap pencapaian liputan bekalan air ke seluruh negara bagi tahun 1989 ialah 63%. Adalah dijangka pada akhir Rancangan Malaysia Kelima peratus liputan ini akan bertambah kepada 65%.

Kerajaan sememangnya sedar mengenai kepentingan bekalan air yang bersih sebagai satu cara pencegahan penyakit-penyakit bawaan makanan dan air termasuk wabak taun dan demam kepialu. Maka dengan itu Kerajaan telah memberi keutamaan untuk meluaskan lagi liputan bekalan air kepada orang ramai termasuk di kawasan luar bandar.

**KONVENSYEN ILO NO. 105—
MENARIK BALIK
PENGIKTIRAFAN**

21. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) setakat manakah pendirian negara yang menentang Convention 105 ILO itu telah mendorong AFL-C10 dan Tabung Penyelidikan dan Pendidikan Hak-hak Buruh Antarabangsa menghantar petisyen kepada Kerajaan Amerika Syarikat untuk menarik balik faedah Sistem Keutamaan Am bagi Malaysia; dan
- (b) apakah pula tindakan Kerajaan dalam menghadapi dakwaan ILO yang menyatakan negara telah mengabaikan hak-hak buruh dan telah menindas mereka.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Setahu Kerajaan, keputusan Malaysia untuk menarik balik pengiktirafan ke atas Konvensyen ILO No. 105 adalah tiada kaitan dengan petisen AFL-C10 supaya Kerajaan Amerika Syarikat menarik faedah Sistem Keutamaan Am (GSP) kepada Malaysia.
- (b) Pihak ILO tidak pernah membuat dakwaan bahawa

Malaysia telah mengabaikan hak-hak buruh atau menindas mereka. ILO hanya telah menimbulkan pendapat bahawa beberapa undang-undang negara yang membawa hukuman penjara harus dipinda untuk mengelak banduan-banduan dikehendaki menjalani kerja, walaupun kerja itu ringan. Kerajaan telah menjelaskan pendiriannya dalam perkara ini—bahawa negara Malaysia sejak awal lagi telah tegas mengharamkan sistem buruh paksa dan keperluan banduan-banduan di penjara bekerja ringan adalah demi kebaikan banduan sendiri. Kerajaan berpendapat bahawa kerja dipenjara yang dikenakan berikutan dengan bersabitnya kesalahan setelah pembicaraan mahkamah adalah di luar skop Konvensyen ILO tersebut.

**HADIAH KEBENDAAN KEPADA
PASUKAN PIALA THOMAS**

22. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan mengapa Kerajaan hanya memberikan hadiah kebendaan untuk menaikkan semangat pasukan Piala Thomas baru-baru ini dan bukan mementing dan menanamkan semangat cintakan negara dalam sanubari mereka.

Cik Teng Gaik Kwan:

- (a) Saya tidak bersetuju dengan kenyataan yang mengatakan Kerajaan hanya memberikan hadiah kebendaan untuk menaikkan semangat pasukan Piala Thomas baru-baru ini dan bukan mementing dan menanamkan semangat cintakan negara dalam sanubari mereka.
- (b) Skuad Piala Thomas sudahpun mempunyai semangat cintakan

negara dan disiplin yang tinggi sebelum turun ke gelanggang dan dengan semangat yang kental inilah mereka telah berjaya mengalahkan gergasi badminton dunia iaitu pasukan Indonesia sebanyak tiga (3) kali dan melayakkan diri ke perlawanan akhir Piala Thomas untuk dua kali berturut-turut.

- (c) Tanpa semangat cintakan negara, saya percaya skuad Badminton negara tidak akan dapat mempamerkan persembahan yang membanggakan.
- (d) Kerajaan menyedari hakikat bahawa semangat cintakan negara dan patriotism amatlah penting bagi membentuk seorang jaguh sukan yang disegani. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa mengadakan Kem Bina Semangat untuk pasukan-pasukan Elit, Pelapis dan Bakat ke arah mengukuh dan memantapkan lagi semangat patriotism ahli-ahli sukan negara.

PROJEK HIDRO BAKUN

23. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) mengapa projek hidro yang dicadangkan pembinaannya di Bakun dibatalkan; dan
- (b) apabila Lembaga Letrik Negara diswastakan, adakah syer-syer perbadanan tersebut akan juga dijual kepada para pekerja dan orang ramai

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu):

- (a) Kerajaan sedang mengkaji untuk membangunkan keseluruhan potensi sumber tenaga Lembah Rajang secara

bersepadu dengan mengam-bilkira dasar kawalan mutu alam sekitar, Dasar Tenaga Negara dan lain-lain. Oleh itu pembangunan sumber hidro Lembah Rajang akan didasarkan kepada hasil kajian diatas.

Pembangunan sumber tenaga hidro di Bakun mengikut konsep yang telah dicadangkan didapati kurang sesuai.

- (b) Mengenai soalan (b), ingin saya menegaskan disini bahawa apabila Lembaga Letrik Negara (LLN) diswastakan Kerajaan tidak akan mengabaikan kepentingan kakitangan LLN dan juga orang ramai dalam membuat keputusan untuk menawarkan saham syarikat.

Pekerja-pekerja LLN yang memilih untuk berkhidmat dengan syarikat pengganti di bawah skim baru syarikat akan diberi pertimbangan untuk membeli saham syarikat dan peraturan terperinci untuk membolehkan mereka memiliki saham sedang dikaji iaitu melalui program Pemilikan Saham Pekerja.

Pengguna-pengguna elektrik dan orang awam juga akan diberi peluang untuk memiliki saham syarikat apabila masanya sesuai.

KEMALANGAN JALANRAYA— LANGKAH MENGURANGKAN

24. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Kerja Raya menyatakan berhubung dengan usaha-usaha yang baik oleh Kementerian Pengangkutan dan Kementerian Kerjaraya untuk mengurangkan bilangan kemalangan jalan raya di seluruh negara; tindakan yang diambil untuk menyelesaikan masalah yang timbul akibat daripada kereta yang membuat pusingan—U di

tempat “divider” yang tidak ada ruang yang cukup untuk kereta-kereta tersebut supaya tidak menghalang kereta-kereta yang mengikut di belakangnya. Misalan, di jalan raya sepanjang satu kilometer di antara Km 3 dan Km 4 Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur, terdapat 3 tempat keluar untuk kereta-kereta membuat pusingan U. Tetapi di situ tidak ada ruang cukup untuk kereta-kereta yang membuat pusingan-U supaya kereta-kereta yang mengikut di belakangnya masih boleh bergerak tanpa halangan.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kementerian Kerja Raya untuk mengurangkan kemalangan dan mengambil berat terhadap jalan-jalan dan jambatan yang merbahaya. Untuk makluman, terdapat beberapa projek yang dirancang untuk memperbaiki selekoh-selekoh yang merbahaya di bahagian-bahagian jalan dan jambatan-jambatan tertentu untuk meningkatkan keselamatan dan keselesaan pemandu-pemandu. Projek-projek berkenaan dilaksanakan di bawah program berikut:

- (i) Memperbaiki/mengganti dan menaikkan taraf jalan dan jambatan;
- (ii) Memulih dan mengganti jambatan/lintasan keretapi;
- (iii) Membaiki/mengganti jambatan di laluan Persekutuan.

Berhubung dengan masalah yang timbul akibat daripada kereta yang membuat pusingan U di tempat di mana terdapat pembahagian jalan, adalah menjadi dasar rekabentuk Kementerian Kerjaraya mengadakan ruang yang mencukupi di tempat-tempat di mana terdapat pembahagi jalan “divider”. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya kemalangan.

Berhubung dengan contoh jalan yang diberikan oleh Yang Berhormat di Km 3 dan Km 4 Jalan Kelang Lama, Kuala Lumpur adalah dimaklumkan bahawa jalan tersebut adalah di bawah jagaan Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, Kementerian akan memaklumkan kepada Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur supaya perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat diberi perhatian oleh agensi berkenaan.

SIDANG KEMUNCAK G-15— KEJAYAAN

25. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahaya minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sidang kemuncak K.15 Negara-negara membangun yang telah berlangsung baru-baru ini di Kuala Lumpur telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Berapa banyakkah resolusi yang telah dipersetujui bersama dalam sidang itu dan apakah bentuk resolusi-resolusi tersebut; dan
- (b) apakah kesan yang diperolehi dari sidang kemuncak itu kepada negara-negara anggota dan khususnya yang dapat dimanfaatkan oleh negara kita Malaysia.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Terlebih dahulu saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah menghuraikan dengan panjang lebar pencapaian Sidang Kemuncak G-15 di Dewan yang mulia ini pada 25hb Jun yang lalu. Walau bagaimanapun, ingin saya menerangkan secara ringkas

bahawa keputusan-keputusan yang dicapai oleh Sidang Kemuncak G-15 tersebut adalah mengenai kerjasama Selatan-Selatan terutamanya penekanan kepada pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan oleh Ketua-ketua Negara yang hadir. Di samping itu, penekanan juga diberikan kepada masalah hutang negara-negara membangun, perdagangan, teknologi, pinjaman kewangan, alam sekitar dan juga dialog Utara-Selatan. Kesemua keputusan perbincangan telah dirakamkan dalam "Joint Communique" Sidang Kemuncak tersebut.

- (b) Berhubung dengan soalan bahagian (b) pula, Sidang Kemuncak tersebut berjaya mempertingkatkan kerjasama dan hubungan antara negara anggota dengan lebih konkrit dan bermakna. Ini dengan sendirinya akan membuka peluang yang lebih kepada peningkatan perdagangan, pelaburan, pemindahan teknologi dan sebagainya di kalangan negara-negara anggota. Sebagai contohnya, Sidang Kemuncak G-15 di Kuala Lumpur telah menerima dua cadangan projek Malaysia untuk dilaksanakan dengan serta merta di mana kedua-dua projek ini bertujuan untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan khususnya antara Malaysia dengan negara-negara anggota yang lain.

PEMBENTUKAN G-15— KEAHLIAN

26. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) tujuan-tujuan pembentukan G-15 antara negara-negara Selatan;

(b) adakah G-15 setanding dengan G7; dan

(c) adakah G-15 bercadang untuk menambah ahli-ahlinya supaya ia akan menjadi satu kuasa yang lebih kuat untuk diberi perhatian.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

Tuan Yang di-Pertua, bahagian (a) dan (b) soalan ini telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Luar Negeri semasa menjawab soalan Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin pada 25hb Jun yang lalu.

Mengenai bahagian (c) pula, setakat ini tidak timbul persoalan untuk menambah keahlian G-15 ini. Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan di sini bahawa Kumpulan 15 bukanlah satu kumpulan yang eksklusif. Sebaliknya ini merupakan satu forum penggerak (catalyst) kepada peningkatan kerjasama Selatan-Selatan secara keseluruhannya dan bukan hanya untuk kepentingan negara-negara anggota G-15 semata-mata. Projek-projek kerjasama yang bakal dilaksanakan oleh Kumpulan 15, umpamanya mengambil kira kepentingan keseluruhan negara-negara membangun dan terbuka untuk penyertaan oleh kesemua negara-negara membangun umumnya.

SIDANG KEMUNCAK G-15— KERJASAMA PERDAGANGAN

27. Tuan V.K. Sellappan minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Ketua-ketua negara di Persidangan G-15 berjaya mencapai suatu kata putus mengenai kerjasama dari segi perdagangan.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Sidang Kemuncak G-15 ini memang menyedari, malahan telah

memberi penekanan kepada pentingnya kerjasama perdagangan dipertingkatkan dalam usaha memajukan ekonomi negara-negara Selatan. Atas hakikat ini Sidang Kemuncak tersebut telah meluluskan untuk pelaksanaan serta merta dua cadangan projek Malaysia: pertamanya, peraturan pembayaran secara dua hala, dan keduanya pengumpulan dan pertukaran maklumat mengenai perdagangan, pelaburan dan teknologi. Projek-projek seperti ini diharap akan dapat menggalakkan perdagangan yang lebih meluas di kalangan negara-negara Selatan.

KEHILANGAN SKRIP DI BSKL

28. Tuan Hassan bin Harun minta Menteri Kewangan menyatakan keadaan terkini di Bursa Saham Kuala Lumpur, khususnya mengenai skrip-skrip yang hilang.

Dato' Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) sedang dalam proses memulangkan skrip-skrip yang dikatakan "hilang" kepada syarikat-syarikat broker saham yang terlibat. Setakat ini, syarikat-syarikat broker saham yang telah menandatangani dokumen-dokumen yang diperlukan telahpun menerima skrip-skrip berkenaan.

Langkah-langkah yang sedang diusahakan oleh BSKL untuk memastikan masalah yang sama tidak timbul lagi di masa-masa hadapan adalah dengan menggunakan komputer di dalam urusan penyerahan dan penyelesaian. Di samping itu, satu sistem simpanan pusat sijil-sijil akan diperkenalkan yang bertujuan menghapuskan penyerahan skrip dan mempercepatkan penyelesaian urusan saham.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA—JUMLAH PELANCONG ASING

29. Puan Ainon binti Ariffin minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sejak Tahun Melawat Malaysia dilancarkan berapa ramaikah pelancong luar yang datang ke Malaysia dan adakah rancangan jangka panjang industri pelancongan ini meyakinkan. Benarkan desas-desus yang menyatakan bahawa pelancong yang datang ke Malaysia ini kebanyakannya yang berpendapatan rendah dan tidak mendatangkan pulangan yang baik kepada pengusaha-pengusaha pelancongan.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Jumlah pelancong-pelancong asing yang melawat Malaysia dalam tempoh 5 bulan pertama tahun 1990 adalah dianggarkan seramai 3.26 juta orang berbanding dengan seramai 1.95 juta orang dalam tempoh yang sama pada tahun 1989. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 67% pada tahun 1990 berbanding dengan tahun 1989 dalam tempoh yang sama.

Pertambahan jumlah kedatangan pelancong dalam tempoh 5 bulan pertama tahun 1990 membayangkan tanda-tanda awal yang meyakinkan bahawa Kempen Tahun Melawat Malaysia akan mencapai peningkatan yang lebih baik lagi untuk tempoh bulan-bulan yang akan datang dalam tahun berkenaan.

Sekiranya usaha-usaha yang telah ada diteruskan lagi dimasa akan datang, pihak Kementerian yakin bahawa Kempen Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1990 akan menjamin pertumbuhan industri pelancongan yang lebih baik lagi dalam rancangan jangka masa panjang iaitu selepas tahun 1990.

Desas-desus yang menyatakan bahawa pelancong yang datang ke Malaysia adalah kebanyakannya yang

berpendapatan rendah dan seterusnya tidak mendatangkan pulangan yang baik kepada pengusaha-pengusaha pelancongan adalah tidak benar sama sekali. Ini adalah kerana kajian menunjukkan bahawa purata perbelanjaan setiap pelancong pada tahun 1989, dianggarkan sebanyak \$578 dan jumlah ini telah meningkat kepada \$596 pada tahun 1990. Dengan tambahan jumlah pelancong yang besar, jumlah pendapatan dari aktiviti-aktiviti pelancongan juga telah meningkat kepada \$1.95 billion pada lima bulan pertama tahun 1990, berbanding dengan \$1.13 billion pada tempoh yang sama dalam tahun 1989.

GURU MENGIDAP SAKIT JIWA

30. Tuan Abdul Rashid bin Ismail minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah pihak Kementerian akan terus membenarkan guru-guru yang disahkan "sakit jiwa" mengajar di sekolah-sekolah. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menempatkan guru-guru tersebut bertugas dalam bidang-bidang yang lain di bawah Kementerian Pendidikan.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk terus membenarkan guru-guru yang disahkan sakit jiwa mengajar di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, seperti perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang lain, sebelum sebarang tindakan boleh diambil ke atas guru berkenaan, tatacara tertentu perlu diikuti. Misalnya, guru tersebut akan dirujuk ke Lembaga Perubatan, dan tindakan hanya akan diambil berdasarkan kepada perakuan Lembaga tersebut.

Bagi kes guru-guru yang telah dikenalpasti menghadapi masalah

sedemikian, sementara mendapatkan rawatan dan keputusan Lembaga Perubatan, pihak sekolah akan mengagih-agihkan tugas kerja kelas kepada guru-guru lain dan guru berkenaan akan diberi tugas-tugas lain yang agak ringan.

Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk menempatkan guru-guru tersebut bertugas dalam bidang yang lain di bawah Kementerian Pendidikan.

JAMBATAN SUNGAI LINGGI— PEMBINAAN

31. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan perkembangan telah dicapai oleh Kementerian tentang rancangan pembinaan jambatan untuk menyambung Tanjung Agas di Negeri Sembilan Drul Khusus dan Kuala di Melaka seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk menarik pelancong-pelancong ke negara kita.

Datuk Mohamed bin Jamrah: Projek pembinaan jambatan Sungai Linggi untuk menyambung Tanjung Agas di Negeri Sembilan Darul Khusus dan Kuala di Melaka telah diluluskan peruntukannya di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Kajian awal bagi projek ini telah dimulakan pada tahun 1989. Sehingga kini rekabentuk sedang dalam proses penyediaan dan seperti yang dijadualkan tender akan dipanggil dalam bulan Julai ini. Pembinaannya akan dimulakan pada hujung tahun ini dan akan disambung pembinaannya dalam Rancangan Malaysia Keenam.

SYARIKAT PIRAMID

32. Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah banyak syarikat yang menjalankan perniagaan Piramid atau Cepat kaya yang dapat dikesan di negara ini;
- (b) berapakah jumlah aduan yang diterima berkaitan dengan penipuan yang telah dilakukan;
- (c) golongan manakah yang banyak terlibat dengan pelaburan ini; dan
- (d) benarkah skim ini mengancam Skim ASN dan ASB.

Dato' Loke Yuen Yow: Jawapan ke atas pertanyaan ini telahpun dibuat semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin pada 26 Jun 1990. Dengan demikian, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapan tersebut.

KESELAMATAN DI SEMPADAN MALAYSIA/THAI

33. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Dalam Negeri menyatakan unsur-unsur keselamatan yang masih ada hinggalah sempadan Malaysia/Thai hanya boleh dilalui pada siang hari sahaja.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Termeterainya perjanjian penamatan perjuangan bersenjata PKM pada 2 Disember 1989 lalu tidaklah bermakna unsur-unsur keselamatan hapus sama sekali di sempadan Malaysia/Thai. Ancaman kegiatan komunis dari sudut ideologi masih perlu diambil perhatian serta bersikap berwaspada. Kawalan dan pengawasan juga perlu untuk memastikan anasir-anasir yang tidak diingini mengambil kesempatan menyusup masuk.

Selain dari itu kegiatan-kegiatan penyeludup yang berleluasa membawa masuk senjata, najis dadah dan lain-lain yang juga merupakan unsur keselamatan yang perlu terus dikawal dan dicegah. Ini termasuk kemasukan orang-orang asing tanpa izin. Tindakan-tindakan penguatkuasaan lebih berkesan secara keseluruhannya dengan adanya peraturan untuk hanya membuka pintu-pintu masuk di sempadan Malaysia-Thai di waktu siang sahaja seperti yang berjalan sekarang.

SYARIKAT PIRAMID

34. Dr Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah yang ditakrifkan sebagai perniagaan "piramid";
- (b) berapakah syarikat atau firma yang terlibat sekarang dan lima tahun sebelumnya mengikut takrif ini; dan
- (c) berapakah yang telah tutup perniagaannya, jumlah pelanggan dan kerugian kepada pelanggan.

Dato' Loke Yuen Yow: Jawapan ke atas pertanyaan ini telahpun dibuat semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin pada 26 Jun 1990. Dengan demikian, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapan tersebut.

KEKURANGAN TENAGA KERJA DI SEKTOR LADANG

35. Tuan V. K. Sellapan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) apakah penyelesaian terhadap kekurangan tenaga pekerja di sektor-sektor perladangan, pembinaan dan sebagainya; dan

- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk memberi permit sementara kepada pekerja-pekerja asing untuk bekerja di sektor-sektor tersebut.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Pihak majikan sendiri mempunyai tanggungjawab utama untuk menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja khususnya di sektor-sektor perladangan dan pembinaan. Kerajaan hanya dapat membantu dalam perkara ini. Ke arah tersebut Kerajaan telah mengambil beberapa langkah positif seperti berikut:

- (i) Menggesa majikan ladang memberi gaji dan elaun yang lebih menarik di samping mewujudkan suasana kerja yang lebih selesa;
- (ii) Menggalakkan majikan ladang menyediakan rumah-rumah pekerja yang lebih selesa, lengkap dengan lain-lain kemudahan asas seperti kemudahan air, elektrik, perubatan dan pengangkutan. Jabatan Buruh di bawah Akta (Piawai Minima Perumahan) 1966 akan memastikan supaya kemudahan perumahan yang telah disediakan oleh majikan-majikan ladang diperbaiki dan berada dalam keadaan yang baik;
- (iii) Menggalakkan pihak majikan ladang menyertai Skim Memiliki Rumah Pekerja di ladang-ladang supaya pekerja-pekerja ladang dapat memiliki rumah sendiri serta menarik minat mereka untuk bekerja di ladang;

- (iv) Bagi meningkat taraf kehidupan dan kemudahan asas pekerja-pekerja ladang, Kerajaan telah menggubal satu rang undang-undang baru mengenai standard-standard minimum dalam perumahan pekerja yang telah dibentangkan di Parlimen sesi ini.

- (v) Golongan pencari kerja sentiasa dinasihatkan supaya tidak terlalu memilih kerja. Kempen mobiliti di kalangan mereka dijalankan untuk menarik pekerja ke sektor-sektor yang mengalami kekurangan tenaga kerja.

- (vi) Untuk melahirkan tenaga pekerja mahir dan separuh mahir di sektor pembinaan, Kerajaan telah menambah bilangan Institut Latihan Perindustrian daripada lima buah kepada sepuluh buah menjelang 1990/91.

- (b) Sebagai langkah sementara ladang-ladang telah dibenarkan menggajikan pekerja-pekerja asing khususnya dari pekerja-pekerja Indonesia. Di sektor pembinaan pula buruh am yang belum menjadi warganegara dikecualikan daripada mendapat permit kerja. Kerajaan melalui Jawatankuasa Pengambilan Buruh Asing sentiasa menimbang permohonan-permohonan yang bersesuaian daripada pihak majikan untuk mengambil pekerja-pekerja asing. Pas-pas lawatan kerja sementara akan dikeluarkan bagi membolehkan pemegangnya bekerja dengan majikan-majikan berkenaan di sektor-sektor yang mengalami kekurangan tenaga kerja untuk satu masa yang tertentu.

**TAHUN MELAWAT
MALAYSIA—KEJAYAAN**

36. Tuan P. Balaram minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) adakah kempen Tahun Melawat Malaysia sedang mencapai kejayaan yang dijangkakan setakat ini; dan
- (b) adakah Kerajaan merancang untuk memperkemas lagi persiapan-persiapan untuk menarik lebih ramai pelawat-pelawat asing.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

(a) Tahun Melawat Malaysia 1990 mempunyai matlamat seperti berikut:

- (i) Menambah kadar bilangan pelancong ke Malaysia sebanyak 10% setahun mulai tahun 1990;
- (ii) Menggalakkan pelancong-pelancong tinggal lebih lama dan berbelanja lebih;
- (iii) Menggalakkan dan mempopularkan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian Malaysia; dan
- (iv) Menggalakkan dan meningkatkan lagi kesedaran rakyat Malaysia terhadap tarikh pelancongan negara dan seterusnya menggalakkan mereka melancong di negeri sendiri.

Berdasarkan kepada matlamat-matlamat di atas, Kempen Tahun Melawat Malaysia dijangka akan mencapai kejayaan kerana faktor-faktor berikut:

- (i) Berdasarkan kepada perangkaan awal yang dikemukakan oleh Jabatan Imigresen jumlah pelancong ke Malaysia telah

bertambah dari 1.95 juta dalam tempoh 5 bulan pertama tahun 1989 kepada 3.26 juta bagi tempoh yang sama tahun 1990 iaitu dengan kadar pertambahan 67%;

(ii) Dianggarkan pelancong-pelancong berbelanja secara purata \$596 seorang untuk tahun 1990 berbanding dengan \$578 dalam tahun 1989 iaitu pertambahan sebanyak 3.1%. Berdasarkan kepada anggaran ini, jumlah tukaran wang asing bagi 5 bulan pertama 1990 ialah \$1.95 billion berbanding dengan \$1.13 billion untuk tahun 1989 untuk tempoh yang sama;

(iii) Sebahagian dari acara-acara dan kegiatan yang diadakan sempena Tahun Melawat Malaysia 1990 adalah merupakan acara kebudayaan dan kesenian. *P e r s e m b a h a n* -persembahan kebudayaan juga diadakan semasa acara-acara lain bagi melambangkan cara perayaan, sambutan dan kehidupan rakyat Malaysia. Secara keseluruhannya acara-acara ini telah mendapat sambutan yang memuaskan dari segi penyertaan mahupun dari segi penonton-penonton; dan

(iv) Dari segi peningkatan kesedaran rakyat Malaysia terhadap tarikan pelancongan negara, belum ada kajiselidik yang dibuat setakat ini. Walau bagaimanapun adalah dianggarkan pelancongan dalam negeri berkembang

dengan pesatnya berpunca dari kempen-kempen promosi dalam negeri yang telah diadakan sejak tahun 1989 lagi di samping acara-acara Tahun Melawat Malaysia yang juga bertujuan untuk menambah pelancongan dalam negeri.

- (b) Untuk Tahun Melawat Malaysia, persiapan-persiapan yang rapi memang dirancang sejak tahun 1989 untuk menjadikan acara-acara yang dijadualkan dilaksanakan dengan meriah untuk menarik pelancong-pelancong dari dalam dan luar negeri. Kerajaan juga sedang merancang persiapan-persiapan yang lebih kemas lagi untuk tahun 1991 dan 1992 iaitu Tahun Melawat Asean di mana acara-acara yang lebih menarik akan diadakan untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong. Pengalaman kita dalam tahun 1990 ini akan dijadikan asas kepada perancangan untuk tahun-tahun berikutnya untuk memastikan Malaysia akan menjadi lebih terkenal kepada pelancong-pelancong asing.

RUANGAN KARGO UNTUK BUAH-BUAHAN

37. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) apakah langkah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan "ruangan kargo" udara bagi mengeksport buah-buahan tempatan kami seperti belimbing besi, betik eksotika, pisang emas ke Hong Kong, Asia Barat dan Eropah agar hasil negara ini tidak

menghadapi kerosakan akibat kelambatan hantaran laut;

- (b) adakah Kementerian bercadang akan berunding dengan Kementerian Kewangan untuk menghapuskan hak ke atas keluasan tanaman buah yang kurang daripada 40 hektar agar petani-petani atau pelabur-pelabur kecil juga dapat menikmati keistimewaan potongan cukai eksport;
- (c) adakah Kementerian sedar, harga daging ayam masa kini telah meningkat ke \$4.00 sekilo akibat perbuatan yang tidak berpatutan oleh "Syarikat Intergrator" dari luar negeri. Apakah langkah Kementerian untuk mengurangkan harganya; dan
- (d) adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menjaga kepentingan penternak-penternak ayam tempatan yang dianggar berbilang 5,000-6,000 orang itu kerana keuntungan mereka tersekat oleh "Syarikat Intergrator".

Dato' S. Subramaniam:

- (a) Sejak 31 Mei 1990, MAS telah menambah ruangan kargo ke Eropah sebanyak 52% kepada 292 ton seminggu ke destinasi Eropah seperti London, Frankfurt, Amsterdam, Zurich, Brussel dan Paris. Masalah kekurangan kargo tidak dihadapi lagi dengan bertambahnya ruang kargo tersebut.

MAS telah mengagih sebanyak 48 ton seminggu untuk mengangkut buah-buahan dan penggunaannya hanyalah sebanyak 30 ton. Dijangkakan

penggunaan ruang kargo untuk buah-buahan ini dapat digunakan sepenuhnya mulai bulan November 1990.

Pesawat MAS akan juga ditambahkan pada bulan November dengan pesawat besar ke Paris, Vienna, Zurich dan Amsterdam. Tambahan penerbangan akan juga dimulakan pada bulan November 1990 ke Brussel dan Zurich.

Adalah dijangka ruangan kargo untuk pengangkutan buah-buahan akan ditambah lagi sebanyak 20 ton.

Berkenaan dengan ruangan kargo ke Hong Kong, pada masa ini adalah mencukupi dan permintaan yang berlebihan telah ditemui dengan pesawat B707 Freighter oleh Air Hong Kong sebanyak 2 kali seminggu yang boleh mengangkut sebanyak 70 ton, dan penerbangan pesawat Cathay Pacific, China Airline dan Singapore Airline.

- (b) Pertanyaan ini tidak berapa jelas, walau bagaimanapun jika sekiranya perkara ini melibatkan elaun eksport bagi buah-buahan, dimaklumkan bahawa elaun eksport diberikan kepada sesiapa yang memohon sama ada individu/syarikat/pengusaha yang mengeksport buah-buahan ke luar negeri. Kadar potongan cukai yang diberikan ialah sebanyak 5% dari nilai F.O.B.
- (c) Kementerian Pertanian memang menyedari bahawa harga daging ayam adalah tinggi pada masa ini. Keadaan ini telah berlanjutan sejak bulan Ogos, 1989 lagi. Jawatankuasa Penetapan harga Ayam Daging yang bermesyuarat pada 16hb April, 1990 lalu telah menetapkan harga-harga ayam

hidup kini ialah \$3.10/kg di ladang, \$3.50/kg borong dan \$3.90/kg runcit. Bagaimanapun bagi kawasan Utara iaitu Penang dan Perak, harganya adalah 12 sen lebih rendah.

Kenaikan harga ini bukanlah akibat perbuatan "Syarikat Integrator" dari luar negeri tetapi dari beberapa faktor iaitu:

- (i) Kejatuhan mendadak dan berterusan dalam pengeluaran ayam daging akibat dari menurunnya bekalan anak ayam sejak September, 1989. Ini adalah berikutan penutupan beberapa buah ladang dan premis penetasan yang mengeluarkan anak ayam setelah mengalami kerugian besar pada separuh pertama tahun 1989. Beberapa buah ladang lain yang masih beroperasi pula telah m e n g u r a n g k a n kemasukan stok gantian mereka dan kesannya dirasai sejak akhir tahun lalu.

- (ii) Sementara itu permintaan terhadap ayam daging telah meningkat kerana harga daging ayam lebih murah berbanding daging lain, b e r t a m b a h n y a kemasukan pelancong asing.

Kejatuhan mendadak dalam pengeluaran ayam daging kini adalah berikutan peristiwa-peristiwa dalam tahun 1988 dan 1989 yang lalu iaitu:

- (iii) Kenaikan harga makanan ternakan berikutan ke-

naikan harga bahan mentah seperti jagung, serbuk kacang soya dan serbuk ikan.

- (iv) Pengeluaran anak-anak ayam oleh ladang-ladang dan premis penetasan yang kurang tersusun atau teratur.
- (v) Kurang atau tiada perancangan awal mengenai permintaan masa hadapan yang dibuat penternak ayam daging. Peristiwa di atas menyebabkan penternak-penternak kerugian besar akibat kejatuhan harga anak ayam dan daging ayam serta sebaliknya terpaksa menanggung kos makanan yang tinggi menyebabkan kerugian besar.

Bagaimanapun adalah dijangkakan harga ini akan menurun dan mencapai tahap yang agak stabil apabila pengeluaran anak ayam kembali normal pada suku tahun ketiga tahun ini.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini.

- (vi) Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan meneruskan banciaan untuk mengumpul data-data pengeluaran dari ladang-ladang ayam baka dan seterusnya memberi maklumbalas kepada penternak mengenai jangkaan pengeluaran masa hadapan. Adalah diharapkan penternak

telah mempelajari kesilapan mereka yang lalu dan seterusnya merancang pengeluaran mereka dengan teliti berpandukan maklumat yang diberi oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Pada masa lalu penternak didapati kurang mengambil berat maklumbalas dari banciaan tersebut.

- (vii) Kementerian juga telah **m e n u b u h k a n** Jawatankuasa Penetapan Harga Ayam Daging sejak 2 tahun lalu dalam usaha untuk memastikan harga yang lebih stabil, keuntungan yang seimbang di kalangan penternak dan pemborong serta memastikan pengguna mendapat harga yang berpatutan.
- (viii) Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan juga sedang membuat perancangan dan penelitian yang lebih halus mengenai cadangan penubuhan sebuah Lembaga Kemajuan Perusahaan Ayam Itik. Ia bertujuan untuk bertindak sebagai sebuah organisasi yang dapat memberi panduan terhadap perkembangan perusahaan ayam itik melalui keputusan bersama antara Kerajaan, penternak dan pengusaha.
- (d) Kepentingan penternak ayam tempatan sentiasa diambil berat oleh Kementerian Pertanian. Industri ayam merupakan suatu perusahaan bebas (free enterprise). Keadaan-keadaan semasa serta kemajuan pesat di

negara-negara luar telah dan sedang menggerakkan beberapa pengusaha tempatan supaya bertambah efisien secara membentuk "Syarikat-syarikat Integrator". Di beberapa buah negara Eropah penternak ayam daging adalah sepenuhnya dijalankan oleh Integrator. Penglibatan syarikat-syarikat Integrator tersebut dalam jangkamasa panjang akan mencorakkan pengeluaran ayam yang tersusun dan secara tidak langsung menjamin harga pasaran yang stabil. Pengguna pula mendapat faedah dari harga ayam yang berpatutan serta produk yang bersih dan berkualiti.

Dalam hal ini, Kerajaan memang menggalakkan penternak-penternak menjalankan usaha secara kontrak dengan syarikat-syarikat integrasi yang ada atau menubuhkan yang baru bagi menjamin pasaran dan harga yang stabil, di samping mengurangkan kos pengeluaran kerana ia tidak melibatkan orang tengah. Penternak-penternak kecil digalakkan untuk meningkatkan taraf pengeluaran mereka kepada bertaraf komersial bagi memastikan pengeluaran yang efisien. Sementara penternak-penternak baru digalakkan menceburkan diri dalam aktiviti-aktiviti baru seperti penternakan arnab dan rusa.

Sementara itu, Kerajaan terus menggalakkan usaha mengeksport ternakan dan hasil-hasil ternakan ayam itik keluar negeri. Sebagai galakan Kerajaan mengadakan skim rebat yang telah bermula pada akhir tahun 1987 dan ia dibayar terus kepada penternak yang mengeksport. Skim ini telah dapat membantu penternak-penternak

bersaing dari segi harga di pasaran antarabangsa, terutama di Singapura.

URUSAN KENAIKAN PANGKAT

38. Puan Hajjah Habidah binti Jusoh minta Perdana Menteri menyatakan bahawa setelah bepruluh-puluh tahun merdeka apakah Kerajaan sedar bahawa terdapat perasaan tak puas hati sedang membara di kalangan Pegawai-pegawai Tadbir khusus di Badan-badan Berkanun dan Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Pejabat Agama dan Pegawai Tadbir Am Kerajaan kerana ianya dipermainkan oleh JPA, oleh sebab tindakan Pegawai Tadbir Negeri dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik, kerap kali rakan dan permohonan kenaikan pangkat dan perubahan jawatan di tempat-tempat berkenaan tidak dipedulikan dan tidak diambil kira sekalipun keputusan telah dibuat oleh Ahli Lembaga atau Jawatankuasa Kenaikan Pangkat satu-satu badan atau jabatan berkenaan dan dimajukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau Kementerian berkaitan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Urusan kenaikan pangkat dari satu tingkatan ke tingkatan yang lebih tinggi pada masa ini dibuat hanya bila terdapat kekosongan dalam jawatan-jawatan kenaikan pangkat. Kekosongan dalam jawatan kenaikan pangkat berlaku atas beberapa sebab seperti kematian, persaraan, berhenti kerja, kenaikan pangkat, peningkatan jawatan dan lain-lain.

Bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, urusan kenaikan pangkat adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Kenaikan Pangkat yang berkenaan seperti yang ditetapkan oleh PU(A)151, 1986.

Urusan kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat di dalam Badan-badan Berkanun dan Kerajaan Negeri adalah tertakluk di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa yang melantik pegawai-pegawai yang berkenaan, dan tidak melibatkan Urusetia Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan. Oleh yang demikian, persoalan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam mem-permain-mainkan kenaikan pangkat pegawai Badan-badan Berkanun dan Kerajaan Negeri tidak timbul.

ZAKAT—SISTEM PUNGUTAN

39. Tuan Mohamad Wajdi bin Dato' Haji Ishak minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah pihak Kerajaan telah berpuashati dengan sistem pungutan zakat yang ada di negara ini terutama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Labuan sekarang; Jika tidak apakah perancangan pihak Kerajaan dalam memastikan bahawa kutipan zakat akan lebih memberikan kekesanan dari segi pemungutan dan pengagihan;
- (b) berapakah jumlah zakat harta yang telah dipungut untuk tiga tahun yang lalu mengikut negeri-negeri di Malaysia; dan
- (c) berdasarkan sistem negeri mana, sistem zakat ini dijalankan dan apakah bentuk sistemnya.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Zakat adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan pungutannya dijalankan oleh agensi Kerajaan Negeri. Setakat ini tidak ada masalah yang timbul dari segi pengurusan zakat di negeri-negeri. Walau bagaimanapun usaha sedang dijalankan bagi memper-tingkatkan pengurusan zakat di negeri-negeri dalam Malaysia. Ini termasuklah

soal penyelarasan dari segi pen-tadbiran.

Jumlah kutipan zakat adalah dalam rekod Kerajaan Negeri. Sistem zakat yang berjalan dalam negara kita dibentuk oleh pihak-pihak Kerajaan Negeri dan ini telah berjalan sejak beberapa lama.

KEMPEN TAHUN MELAWAT MALAYSIA—PERUNTUKAN

40. Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan yang disediakan bagi menjalankan Kempen Tahun Melawat Malaysia 1990;
- (b) berapakah pulangan pendapatan yang dijangkakan hasil dari kempen ini; dan
- (c) berapakah ramai rakyat yang melibatkan diri dalam industri pelancongan dan jenis usaha yang dijalankan serta jumlah modal yang digunakan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik:

- (a) Peruntukan yang disediakan untuk Kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 berjumlah \$92 juta untuk tahun 1989, 1990 dan 1991. Peruntukan ini termasuklah program-program pengiklanan, promosi dalam dan luar negeri, penyediaan bahan-bahan promosi dan bantuan untuk pelaksanaan acara-acara dan kemudahan-kemudahan pelancongan.
- (b) secara keseluruhannya, se-kiranya dirujuk kepada tempoh lima bulan pertama tahun 1990, negara dianggarkan mem-perolehi pulangan pendapatan dari aktiviti-aktiviti pelan-congan sebanyak \$1.95 billion,

berbanding dengan sebanyak \$1.13 billion dalam tempoh yang sama tahun 1989. Ini seterusnya menunjukkan bahawa semenjak kempen Tahun Melawat Malaysia dilancarkan, pendapatan negara dari sektor pelancongan telah bertambah sebanyak 73%.

- (c) Industri Pelancongan, sekiranya didasarkan kepada aspek-aspek makro, menyentuh dan merangkumi berbagai jenis aktiviti-aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung, sama ada kecil atau besar di dalam segala sektor-sektor ekonomi negara kita, yang melibatkan berlakunya aliran wang masuk dan keluar dalam negara. Memandangkan industri pelancongan memainkan peranan yang amat besar dalam membantu ekonomi, pembangunan dan sosial, serta bertindak sebagai "multiplier effects", maka segala kesimpulan adalah dianggap kurang tepat sekiranya ia tidak mengambil kira segala aspek-aspek tersebut.

Walau bagaimanapun bagi aktiviti-aktiviti yang melibatkan secara langsung kepada industri pelancongan, dianggarkan sebanyak 73,986 merupakan "direct employment" dari sektor hotel, kompleks pelancongan, agensi pelancongan, penerbangan dan pemandu-pemandu pelancong. Jumlah yang terbesar bagi pelaburan yang diluluskan adalah dalam sektor hotel dan restoran iaitu termasuk penginapan bertaraf kecil dan sederhana. Pelaburan di dalam Industri Pelancongan bertambah sesuai dengan cuaca pelaburan yang meyakinkan dan sambutan kepada galakan-galakan yang diberi oleh

Kerajaan dalam Akta Galakan Pelaburan 1986 dan Tabung "New Investment Fund (NIF)".

Jumlah cadangan modal yang terkumpul dalam sektor industri pelancongan dalam jangka masa sehingga akhir tahun 1989 adalah dianggarkan sebanyak \$5,390.6 juta seperti pecahan berikut:

Bumiputera—\$532.3 juta,
Perbadanan Awam—\$143.9 juta,
Bukan bumiputera—\$765.7 juta, dan
Rakyat Asing—\$3,948.7 juta.

FAEDAH PENCEN KEPADA BALU

41. Tuan Shuib bin Endut minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah bilangan balu-balu yang sedang menerima faedah pencen kerana kematian suami mereka;
- (b) berapakah bilangan balu-balu yang telah ditarik balik kemudahan pencennya kerana berkahwin;
- (c) tidakkah Kerajaan bercadang mengkaji semula kedudukan kemudahan pencen bagi balu-balu yang telah berkahwin semula kerana ada di kalangan balu-balu ini yang masih muda dan ingin berkahwin, tetapi tidak boleh berbuat demikian kerana akan kehilangan faedah pencen; dan
- (d) bolehkah Kerajaan memindahkan faedah pencen itu kepada anak dan anak-anaknya.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (a) Bilangan balu yang sedang menerima faedah pencen kerana

kematian suami mereka sehingga 31.12.89 ialah seramai 37,440 orang.

- (b) Bilangan balu yang telah berkahwin dan kemudahan pencen yang ditarik balik setakat 31.12.89 seramai 2,298 orang.
- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kemudahan pencen bagi balu-balu yang telah berkahwin semula kerana mereka itu adalah mendapat tanggungan dan saraan daripada suami yang baru.
- (d) Apabila seseorang balu berkahwin semula faedah pencen yang diterimanya adalah dipindahkan kepada anak atau anak-anaknya yang berumur kurang daripada 21 tahun tetapi belum berkahwin dan anak-anak yang cacat akal.

LAPANGAN TERBANG BARU— PEMBINAAN

42. Dr Ng Khok Kiung minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) setakat manakah pelaksanaan rancangan membina lapangan terbang antarabangsa yang kedua di negeri Selangor Darul Ehsan; dan
- (b) apakah ciri-ciri khas yang telah direkabentuk bagi lapangan terbang ini.

Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:

- (a) Keputusan muktamad masih belum dibuat tentang tapak di mana hendak membina lapangan terbang yang baru. Kajian masih lagi dijalankan tentang kesesuaian beberapa kawasan tertentu yang telah dikenalpasti.
- (b) Memandangkan kajian masih lagi dijalankan, adalah terlalu

awal untuk menggariskan apakah ciri-ciri khas lapangan terbang ini kelak.

BAHASA INGGERIS—TARAF PENGUASAAN

43. Tuan Dol bin Dolah minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan taraf pertuturan dan tulisan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah luar bandar.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk memperbaiki taraf penguasaan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Oleh itu pelbagai langkah dan tindakan telah dijalankan untuk meningkatkan penguasaan tahap bahasa ini. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- (a) Menggubal Kurikulum bahasa Inggeris yang lebih sesuai bagi KBSR dan KBSM;
- (b) Mengadakan bahan-bahan bantuan pengajaran dan pembelajaran termasuk pual pengajaran bahasa Inggeris, Buku Panduan Guru dan buku teks yang sesuai;
- (c) Menambah satu waktu dalam jadual bahasa Inggeris KBSM untuk melaksanakan program bacaan buku Kesusasteraan dalam bahasa Inggeris.
- (d) Menggalakkan pihak sekolah merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dapat mendorong murid menggunakan bahasa ini;
- (e) Mewujudkan satu Jawatankuasa Khas untuk memikir, merancang dan melaksanakan program bagi meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Inggeris;

- (f) Menambah bilangan guru terlatih dalam pengajaran bahasa Inggeris dan menyediakan kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan kualiti guru-guru bahasa Inggeris.

SKIM KHIDMAT SISWAZAH

44. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan sampai bilakah Skim Khidmat Siswazah akan diteruskan dan tidakkah ada ura-ura untuk menilai kembali ganjaran atau gaji yang mereka perolehi sekarang.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan dari semasa ke semasa mengkaji kedudukan Skim Khidmat Sambilan (SKS) sama ada akan diteruskan atau ditamatkan. Setakat ini skim berkenaan masih diteruskan kerana ianya telah dapat memberi faedah kepada siswazah dari segi pengalaman bekerja sebagai persediaan bagi mereka mendapat pekerjaan tetap. Mengenai elau bulan SKS, ianya telah pun dinaikkan dari \$400.00 kepada \$500.00 mulai pada 1 Mac 1989.

PENDAFTARAN KENDERAAN— JUMLAH

45. **Tuan P. Balaram** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kenderaan didaftarkan pada tahun 1989;
- (b) di antaranya berapa banyakkah motokar dan berapa banyakkah motosikal; dan
- (c) bagaimanakah peratus kenaikan jika dibandingkan pendapatan tahun 1987 dan 1988.

Dato' Seri Dr Ling Liong Sik:

- (a) Jumlah kenderaan yang didaftarkan pada tahun 1989 adalah 289,486 buah.
- (b) Di antaranya 109,112 adalah motokar dan 146,146 adalah motosikal.
- (c) Jumlah pendaftaran baru dalam tahun 1989 telah naik sebanyak 51% berbanding dengan tahun 1988 dan jumlah kutipan pendapatan dari pendaftaran baru telah naik sebanyak 55% berbanding dengan tahun 1988. Kenaikan ini adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kenaikan bagi tempoh tahun 1987 hingga tahun 1988, iaitu peratus kenaikan bagi pendaftaran baru dalam tahun 1988 adalah sebanyak 25% jika dibanding dengan jumlah pendaftaran dalam tahun 1987. Peratus kenaikan bagi kutipan pendapatan dalam tahun 1988 adalah sebanyak 55% jika dibandingkan dengan kutipan pendapatan dalam tahun 1987.

PENDEPOSIT WANG CARA HARAM

46. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah pendeposit-pendeposit wang cara haram yang berurus niaga dapat dikesan dan tindakan-tindakan terhadap mereka.

Dato' Loke Yuen Yow: Jawapan ke atas pertanyaan ini telahpun dibuat semasa menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin pada 26 Jun 1990. Dengan demikian, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapan tersebut.

**PESAKIT KANSER DI
HOSPITAL BESAR KUALA
LUMPUR—RAWATAN**

47. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar pesakit-pesakit Wad Cancer Hospital Besar Kuala Lumpur terpaksa menunggu jangkamasa dan giliran yang lama untuk mendapat rawatan mereka, apakah ini disebabkan oleh kekurangan alat-alat kelengkapan wad tersebut. Apakah tindakan dan langkah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Pesakit-pesakit di Institut Radiotherapi Hospital Besar Kuala Lumpur memerlukan jangka masa menunggu di Institut tersebut selama 2-3 minggu sebelum menerima rawatan. Sebenarnya, tempoh ini bukannya masa menunggu oleh sebab ianya digunakan untuk menjalankan ujian-ujian dan untuk merancang jenis rawatan yang diperlukan, mengenalpasti dengan terperinci lokasi tumbuhan barah dan luasnya, mengira dos-dos radiasi yang diperlukan diberikan dan sebagainya. Ini memerlukan masa dan kegunaan alat-alat sophitikasi dan cara-cara rumit seperti "computer modelling" di antara yang lain. Semuanya perlu dilakukan di Institut Radiotherapi Hospital Besar Kuala Lumpur memandangkan selain dari Institut ini dan Hospital Besar Sarawak Kuching kemudahan ini tidak terdapat di hospital-hospital lain.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam adalah cadangan untuk mempertimbangkan perkembangan Perkhidmatan Radiotherapi untuk disediakan di Hospital Besar Johor Bahru, Hospital Besar Kuala Terengganu dan Hospital Besar Kota Kinabalu. Dengan perkembangan ini lebih ramai pesakit akan dapat dirawati.

MPEN—LAPORAN

48. **Tuan Azman Atar bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan sejak Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) yang diwujudkan awal Januari 1989 yang lalu, sejauh manakah kajian dan rumusan serta cadangan yang telah dibuat oleh Majlis yang berkenaan kerana buat masa ini masalah kedengaran Ahli-ahlinya menghadapi berbagai-bagai masalah untuk mendapatkan data-data dan juga maklumat-maklumat yang diperlukan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Sehingga kini, Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN) telah bersidang sebanyak 13 kali dan telah selesai membahaskan kesemua laporan yang disediakan oleh 6 buah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis. Draf Laporan MPEN yang mengambilkira semua isu dan pandangan ahli-ahli MPEN, termasuk perkara-perkara yang terkandung di dalam laporan jawatankuasa-jawatankuasa dan isu-isu yang dibahaskan dalam sidang pleno Majlis sudah disediakan dan pada ketika ini ianya sedang dibincangkan secara teliti dan terperinci di peringkat Jawatankuasa Pemandu. Jawatankuasa Pemandu akan membentangkan laporan tersebut dalam persidangan pleno sebelum ianya dikemukakan kepada Kerajaan. Saya yakin laporan daripada MPEN akan disampaikan kepada Kerajaan dalam masa beberapa bulan lagi.

**PEMBEKUAN PENGISIAN
JAWATAN**

49. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah jawatan-jawatan yang dibekukan di Jabatan Perkhidmatan Awam akan dibuka semula bagi mengurangkan pengangguran.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Dasar pembekuan pengisian jawatan-jawatan di perkhidmatan awam yang berkuatkuasa sekarang ini adalah disebabkan oleh kedudukan kewangan negara dan ianya dilaksanakan bukan secara menyeluruh bagi semua kumpulan jawatan atau tiap-tiap perkhidmatan. Dengan ini jawatan-jawatan kosong bukanlah dibekukan secara mutlak tetapi telah ditetapkan supaya tidak diisi. Jawatan-jawatan tersebut boleh diisi jika memenuhi syarat-syarat tertentu seperti yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/87 seperti berikut:

- (i) Jawatan yang terlibat dalam pemberian perkhidmatan perlu seperti jawatan guru, jawatan untuk rawatan pesakit, jawatan untuk kutipan hasil dan jawatan-jawatan keselamatan; dan
- (ii) Jawatan-jawatan penting yang lain yang menjadi kosong mungkin kerana persaraan, berhenti kerja, perletakan jawatan dan kematian.

Pengecualian pengisian seperti yang disebutkan itu adalah diperuntukkan bagi jawatan-jawatan Kumpulan A dan B dan jawatan-jawatan teknikal dalam Kumpulan C dan D supaya dapat menyempurnakan tugas pengurusan, penyelenggaraan dan pembangunan ditaraf yang berkesan.

Dengan ini Kerajaan sentiasa memberi peluang kepada lulusan Universiti/Institusi Tinggi dan Sekolah-sekolah Menengah untuk berkhidmat dengan Kerajaan dan secara tidak langsung membantu untuk mengurangkan pengangguran. Walau bagaimanapun, perlu diperhatikan bahawa tanggungjawab untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bukanlah terletak pada Kerajaan semata-mata. Pihak swasta juga memainkan peranan yang sama

penting walaupun tidak/lebih penting. Pihak Kerajaan kini telah berusaha sedaya upaya yang dapat.

PENGANGGURAN—KADAR

50. Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah lain selain daripada program SKS, untuk mengurangkan peratus pengangguran iaitu kira-kira 7% di Malaysia.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kadar pengangguran di negara ini adalah semakin berkurangan hasil daripada langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan. Pada tahun 1990, kadar pengangguran adalah sebanyak 7.2 peratus. Kadar pengangguran dijangka akan terus menurun pada tahun-tahun akan datang, selaras dengan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menambah peluang pekerjaan.

Pengangguran dapat dikurangkan dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Peluang-peluang pekerjaan dapat ditambah melalui perkembangan aktiviti ekonomi dan penambahan pelaburan dari dalam dan luar negeri. Bagi tahun 1989 sebanyak \$12,215.3 juta cadangan pelaburan baru dari luar negeri telah diluluskan oleh Kerajaan. Pada tahun 1990 ini sehingga bulan Mac, cadangan pelaburan baru dari luar negeri adalah berjumlah \$2,197.1 juta. Perkembangan ini adalah menggalakkan. Cadangan pelaburan sebanyak \$2,197.1 juta ini dijangka akan dapat mewujudkan sejumlah 47,258 peluang pekerjaan baru.

**BEKAS PERAJURIT—
PENUBUHAN TABUNG
PUSINGAN**

51. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan sebuah Tabung Pusingan bagi membantu usahawan-usahawan bekas perajurit.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Kerajaan pada dasarnya bersedia untuk mengkaji penubuhan Tabung Pusingan bagi faedah bekas-bekas perajurit sekiranya ada memorandum khas dari Persatuan Bekas Perajurit Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Persatuan Bekas Perajurit Malaysia hanya mengemukakan resolusi-resolusi mengenai perkara ini secara sepintas lalu sahaja.

Oleh itu Persatuan Bekas Perajurit bolehlah mengemukakan cadangan lengkap untuk pertimbangan Kerajaan.

DAFTAR PEMILIH—ADUAN

52. Tuan G. Rajoo minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah jenis aduan yang sentiasa diterima oleh Suruhanjaya Pilihanraya berkaitan dengan daftar pengundi dan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya;
- (b) jumlah aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Pilihanraya mengenai pemindahan pengundi dari satu kawasan ke suatu kawasan yang lain dari pendaftaran pengundi tanpa pengetahuan pengundi tersebut; dan
- (c) sama ada benar atau tidak beberapa pengundi telah

dikeluarkan namanya dari pendaftaran pengundi yang terbaru ini. Jika benar apakah sebabnya dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membetulkan keadaan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Antara aduan-aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Pilihanraya mengenai dengan daftar pemilih ialah terdapatnya nama atau nombor kad pengenalan pemilih yang berganda, pertukaran alamat tanpa pengetahuan pemilih dan nama-nama orang yang telah meninggal dunia masih terdapat dalam daftar pemilih. Suruhanjaya Pilihanraya sentiasa mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan itu. Di antara tindakan-tindakan itu ialah mengeluarkan nama pemilih-pemilih yang telah meninggal dunia setelah mendapat pengesahan dari Jabatan Pendaftaran Negara, menyemak dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan nombor kad pengenalan yang sebenar bagi pemilih-pemilih yang berganda dan mengadakan siasatan bagi kes-kes tukar alamat tanpa pengetahuan pemilih apabila bantahan diterima.
- (b) Jumlah kes-kes pemindahan pemilih dari satu kawasan ke kawasan yang lain tidaklah begitu besar. Perkara ini telah diperbesarkan oleh pihak-pihak tertentu untuk tujuan politik semata-mata.
- (c) Perkara ini belum dapat dipastikan kerana rang daftar pemilih bagi urusan pendaftaran pemilih 1990 (mulai 1hb Mac

hingga 27hb Mac 1990) masih dalam proses penyediaan dan hanya akan dipamerkan pada 26hb Jun 1990 hingga 10hb Julai 1990.

KES PENGANIAYAAN KANAK-KANAK

53. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan berapakah kes penganiayaan kanak-kanak dilakukan dalam tahun 1989. Berapa ramai kanak-kanak di bawah umur 5 tahun ada di pusat-pusat dalam pengawasan Kementerian Kebajikan Masyarakat hingga ini.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato Mustaffa bin Mohammad): Soalan yang sama telah dijawab dalam Mesyuarat Dewan pada 26hb Jun, 1990 semasa menjawab Pertanyaan Mulut daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah. Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada jawapan tersebut.

KEMATIAN IBU MENGANDUNG

54. Tuan Tan Chai Ho minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa terdapat satu kes kematian ibu mengandung di Hospital Labuan akibat tidak ada rawatan doktor kecemasan, bagaimana dan apakah langkah diambil oleh Kementerian untuk menjamin kes seperti ini tidak akan berlaku lagi dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memperbesar Hospital Labuan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Penyiasatan ke atas satu kes kematian ibu mengandung yang berlaku di Hospital Daerah Labuan pada bulan April 1990 telah dijalankan.

Mengikut penyiasatan yang telah dijalankan, adalah tidak benar bahawa rawatan kecemasan tidak diberi kepada pesakit itu.

Bagaimanapun, untuk menjamin kes seperti itu tidak akan berlaku lagi, pegawai perubatan yang bertugas di Klinik Kesihatan Ibu & Kanak-Kanak di Labuan telah dinasihatkan merujuk semua ibu mengandung yang mempunyai tekanan darah yang tinggi ke Hospital Daerah Labuan untuk dimasukkan ke hospital.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, satu cadangan telah dibuat untuk membina sebuah hospital baru di Labuan. Hospital baru ini akan mengandungi seratus tiga puluh tujuh (137) buah katil dibandingkan dengan 71 buah katil sekarang.

TAKRIF "PUBLIC INTEREST"

55. Tuan Dahalan bin Haji Embun minta Menteri Kehakiman menyatakan apakah persoalan 'public interest' diambil kira dalam sesuatu keputusan mahkamah. Apakah takrif 'public interest' disisi undang-undang.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Takrif "public interest" disisi undang-undang membawa makna "kepentingan orang ramai". Isu "public interest" adalah satu prinsip undang-undang yang boleh dibangkitkan oleh mahkamah dari segi pemberian hukuman, penerimaan kenyataan (bukti) dan penyelesaian sesuatu kes. Tetapi memandangkan topik ini adalah terlalu luas dan akademik, ianya tidak mungkin dapat dijawab dengan sepenuhnya dalam masa yang singkat dalam Dewan ini.

KWSP—PENGELUARAN CARUMAN

56. Tuan Azman Atar bin Othman minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang caruman KWSP yang telah dikeluarkan oleh pencarumnya untuk membeli rumah sejak 1986 hingga 1989. Di antaranya berapakah jumlahnya yang terlibat dalam projek perumahan yang terbengkalai dan adakah jalan keluarnya.

Dato' Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1986 hingga ke tahun 1989, jumlah wang caruman KWSP yang telah dikeluarkan oleh pencarum-pencarumnya untuk tujuan pembelian rumah kos rendah dan bukan kos rendah di bawah skim pengeluaran caruman KWSP ialah sebanyak \$2,876 juta. Pihak KWSP tidak menyimpan jumlah caruman yang telah dikeluarkan oleh pencarum-pencarum bagi projek-projek perumahan yang terbengkalai.

SAKIT JANTUNG—JUMLAH KES DAN KEMATIAN

57. Puan Law Jack Yoon minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes sakit jantung yang telah dilaporkan di antara tahun 1985 hingga 1990;
- (b) jumlah yang mati akibat daripada sakit jantung dalam tempoh masa itu;
- (c) sebab-sebab penyakit sakit jantung; dan
- (d) langkah-langkah yang diusahakan oleh Kementerian untuk menggalakkan rakyat mengamalkan kehidupan yang bermutu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Jumlah kes sakit jantung yang dimasukkan ke hospital di seluruh negara pada tahun 1985 ialah 14,754, tahun 1986—16,305, tahun 1987—17,500, tahun 1988—18,826 dan tahun 1989 ialah 20,861. Maklumat untuk tahun 1990 belum lagi diperolehi.
 - (b) Jumlah kes yang mati di hospital akibat dari sakit jantung pada tahun 1985 ialah 2,058, tahun 1986—2,088, tahun 1987—2,076, tahun 1988—2,126 dan tahun 1989 ialah 2,133. Maklumat untuk tahun 1990 belum lagi diperolehi.
 - (c) Penyakit jantung ada kaitannya dengan faktor-faktor risiko iaitu kadar kolesterol dalam darah yang tinggi, merokok, mengidap penyakit tertentu misalnya darah tinggi dan kencing manis, terlalu gemuk, kurang melakukan senaman dan tekanan perasaan.
 - (d) Langkah-langkah telah diusahakan oleh Kementerian Kesihatan untuk menggalakkan rakyat mengamalkan kehidupan yang bermutu melalui berbagai aktiviti misalnya pelajaran kesihatan dan program pencegahan dan pengesanan penyakit di peringkat awal.
- Pada tahun ini Kementerian Kesihatan akan melancarkan kempen secara besar-besaran di seluruh negara bagi memerangi enam jenis penyakit dan di antaranya ialah penyakit jantung.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) ditubuhkan untuk menggalak dan memajukan pasaran kayu-kayan Malaysia, meningkatkan pelbagai kegunaan dan nilai tokok bahan kayu Malaysia serta mutu barangan kayu selaras dengan perkembangan pesat industri berasaskan kayu sejak tahun-tahun kebelakangan ini. Maka dirasakan perlu Akta tersebut dipinda untuk membolehkan MTIB berfungsi dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menghuraikan secara ringkas beberapa aspek penting dalam pindaan Rang Undang-undang ini.

Peruntukan baru ke atas Seksyen 12 (1) (*bb*) bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga menyelaraskan kegiatan-kegiatan untuk meningkatkan pemasaran dan pengapalan kayu-kayan. Bagi membolehkan Lembaga mengumpul maklumat industri perkayuan dan mengambil langkah yang difikirkan perlu untuk kepentingan industri kayu-kayan, maka Seksyen 12 (1) (*g*) dan (*h*) dimasukkan.

Seksyen 13 telah dipinda bertujuan untuk menggugurkan keperluan pendaftaran, pembungkus dan

pengilang dengan MTIB. Pengurangan pendaftaran ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan bilangan lesen-lesen yang tidak begitu perlu serta memudahkan industri berkenaan berkembang dengan lebih pesat.

Seksyen 14 (3) dipinda untuk memanjangkan tempoh pendaftaran di antara setahun hingga tempoh maksimum lima tahun sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memudahkan pelesenan industri kayu-kayan, manakala Seksyen 14A disediakan untuk memberi kuasa kepada Lembaga mengubah syarat dan sekatan kepada pendaftaran. Peruntukan ini membolehkan Lembaga membuat perubahan yang sesuai dengan kehendak dan keadaan industri kayu-kayan.

Peruntukan baru Seksyen 19 (2) (*d*) dan (*dd*) dan (*ee*) dibuat bagi membolehkan Lembaga mendapatkan sumber kewangan dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri daripada persatuan atau badan tempatan dan antarabangsa, yuran kursus dan lain-lain bayaran perkhidmatan. Peruntukan ini adalah penting dalam usaha MTIB memperolehi sumber kewangan bagi melaksanakan fungsinya sebagai agensi pemasaran dan pembangunan industri kayu-kayan seperti yang digariskan di bawah Pelan Induk Perindustrian.

Bagi membolehkan Lembaga memberi sumbangan kepada badan tempatan atau antarabangsa yang menggalakkan perdagangan, penggunaan dan pemerosesan kayu-kayan serta memastikan bekalan yang mencukupi kepada industri hiliran kayu.

Seksyen 19 (3) (*e*) telah dimasukkan. Namun begitu, Lembaga hanya dapat berbuat demikian setelah mendapat kelulusan daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama yang diberi setelah berunding dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Peruntukan Seksyen 20A telah digubal supaya membolehkan Lembaga memungut yuran ke atas khidmat nasihat teknikal dan lain-lain perkhidmatan yang diberikan kepada mana-mana pihak.

Seksyen 27 dipinda bagi membolehkan pemeriksaan kawalan mutu setelah mendapat kelulusan Ketua Pengarah menjalankan pemeriksaan mutu kayu dan menahan dokumen atau benda-benda lain sekiranya dia mempercayai sesuatu kesalahan telah dilakukan.

Di samping itu, Seksyen 27A dimasukkan bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah dan Pegawai Lembaga memeriksa tempat pendaratan kayu, dengan izin, exit points dan menahan dokumen-dokumen kayu dan barangan lain yang boleh menjadi bukti di atas kesalahan yang disyaki berlaku.

Jadual Pertama Akta MTIB telah diperluaskan senarai jenis-jenis keluaran kayu supaya membolehkan Lembaga memperluaskan program khidmat-nasihat, membangun dan merancang industri berkenaan secara teratur, bersepadu serta memperhebatkan galakan pemasaran di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

3.41 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong dan bagi membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan), maka saya sukalah menyentuh mengenai seksyen baru 5A iaitu mengenai tempoh jawatan.

Perbadanan ini ditubuhkan pada bulan Jun 1973 pada bulan ini genaplah Perbadanan itu berumur 17 tahun. Selama 17 tahun pihak Lembaga yang bertanggungjawab berjalan itu tentulah telah menempuh berbagai-bagai ranjau sepanjang jalan. Memanglah dalam hutan belantara banyak duri. Yang menjadi masalah ialah duri dalam daging, sukar untuk dikesan. Walau bagaimanapun, industri ini telah mencatatkan satu angka pendapatan yang tinggi iaitu mencapai ke tahap \$7,000 juta pada tahun-tahun 1987, 1988 dan mungkin bagi tahun 1989. Tetapi kos ataupun perbelanjaan amat besar walaupun pada tahun 1987 lebihan cuma \$17,000 sahaja, tetapi kekurangan bagi tahun 1988 meningkat kepada \$422,000. Di sini menunjukkan sesuatu yang perlu diberi perhatian oleh pihak Lembaga. Soal gaji, elaun yang tinggi dibayar kepada kakitangan iaitu lebih daripada \$3 juta iaitu yang paling tinggi sekali di antara perbelanjaan-perbelanjaan, tetapi dalam soal itu tidak timbul, asalkan kakitangan yang jujur dan bertanggungjawab serta berdidikasi di dalam menjalankan tugas.

Saya tidak tahu secara terperinci mengenai penyelewengan-penyelewengan jika ada dalam perindustrian kayu seperti setengah-setengah orang mendakwa bahawa ada di kalangan-kalangan yang telah mengambil peluang untuk melakukan penyelewengan. Pihak pentadbir telah menetapkan sesuatu kawasan bagi mengusahakan pembalakan. Misal kata,

kawasan A, B, C ataupun D, pihak pembalok telah menjalankan pembalakan di kawasan A, tetapi sebelum sempat kawasan A disiapkan, kawasan C diterokai. Dengan cara yang demikian itu, pihak-pihak yang menjaga pentadbiran tidak dapat menngesan tentang penyelewengan. Dengan sebab itulah maka kemungkinan maka berlaku kedudukan-kedudukan yang tidak seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga lain-lain perbadanan biasa berlaku penyelewengan dari segi menjual bahan tanpa diketahui oleh pihak Lembaga. Dalam soal pelaksanaan, inilah yang merumitkan kepada ahli Lembaga. Dengan adanya pindaan undang-undang ini, lebih-lebih lagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah, Ketua Pengarah akan dapat mengambil tindakan serta merta dan berkesan. Tidaklah seperti masa yang lalu diberi tugas kepada Pengerusi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya seksyen baru ini akan dapat memberi faedah yang lebih-lebih lagi kepada Lembaga ini dan akan dapat mengambil tahu dengan lebih dekat lagi suatu yang berlaku di dalam hal-hal pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu, inginlah saya mendapat tahu daripada pihak-pihak yang berkenaan bagaimanakah kedudukan ataupun untung rugi industri ini bagi tahun-tahun sebelum tahun 1986?

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan pindaan Akta ini selanjutnya, saya tidaklah hendak membincangkan satu persatu tiap-tiap seksyen kerana seksyen yang lainnya adalah bagi memperketatkan lagi di mana yang longgar dan menambah di mana-mana yang kurang. Namun demikian, secara amnya kawalan undang-undang sahaja tidaklah mencukupi, melainkan kesedaran dan

tanggungjawab yang sebenar-benar yang boleh menguatkan satu organisasi dan sebagainya.

Sebelum saya akhiri, saya ingin mendapat maklumat iaitu adakah di dalam kegiatan Lembaga ini terdapat sabotaj dalaman atau luaran seperti GSP kerana eksport barang-barang seperti perabot kayu ke Jerman Barat, United Kingdom, Belgium, Denmark, Filipina atau sebagainya berkurangan hampir 50%.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya inginlah mengemukakan pandangan saya daripada apa yang saya lihat iaitu tanaman pokok jati di Negeri Perlis. Tanaman pokok jati di Negeri Perlis pada masa ini amatlah baik. Namun demikian, kawasan tanaman pokok jati itu hanya pokok jati sahaja. Tanaman-tanaman yang lain yang boleh memberi faedah seperti jenis pokok ubatan ataupun lain-lain tanaman seperti rotan dan sebagainya tidak terdapat.

Walaupun di dalam tanggungjawab Bahagian Industri Perhutanan ini adalah tanggungjawab pihak-pihak yang berkenaan untuk mengawal dalam soal-soal itu. Namun demikian saya memang difahamkan bahawa bagi negeri-negeri lain memang ada tanaman-tanaman yang seumpama itu.

Di dalam menyokong Rang Undang-undang ini, itulah sahaja yang saya hendak sebutkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak.

3.51 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih dan saya ingin turut serta untuk menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji Kerajaan kerana dengan kecekapannya segala perkara-perkara yang agak lemah itu diperbaiki, maka Rang Undang-undang ini dibentang di hadapan Dewan yang mulia ini pada petang ini.

Saya menyambut baik tentang komposisi Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan ini dan pindaan yang menyatakan bahawa setelah seorang Ahli itu berkhidmat dua tahun ianya boleh disambung semula. Ini amat baik sekali kerana continuity perkhidmatan itu adalah penting. Saya berharap bahawa Ahli-ahli Lembaga akan sentiasa memberikan perkhidmatan mereka yang baik kepada Lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa masalah perikanan ini ada sangkut-paut yang rapat antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat. Tetapi dasar-dasar yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri tidak dapat diganggu, tidak dapat dicampur oleh Kerajaan Pusat. Maka saya ingin hendak bertanya kepada Kerajaan sama ada ada usaha dibuat supaya kerjasama yang lebih rapat dibuat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya kelulusan keluasan untuk diusahakan oleh pembalok-pembalok itu mendapat kerjasama daripada Kerajaan Pusat. Jika negara tidak perlu mempunyai bilangan tonnage yang banyak bagi satu ketika tidakkah boleh Kerajaan Pusat mengarahkan Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri tidak meluluskan kawasan yang begitu luas kepada pembalok-pembalok yang berkenaan. Ataupun sebaliknya satu dasar yang standard dapat diterima oleh semua Kerajaan Negeri supaya cara-cara pemberian itu dapat disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan kenapa masalah kecurian kayu begitu teruk sekali di negara kita ini. Kita sentiasa dengar berita-berita ini berlaku tetapi pihak Jabatan Hutan, pihak Kementerian nampaknya tidak

langsung mengambil endah apabila perkara ini berlaku. Kadangkala jawapan daripada Kerajaan Pusat adalah ini masalah Kerajaan Negeri; dan Kerajaan Negeri pula kata oleh kerana kekurangan kakitangan, maka mereka tidak dapat berbuat apa-apa. Jika ada kerjasama, ada arahan yang tertentu diberi kepada Kerajaan Negeri, saya yakin masalah seumpama ini dapat diatasi. Jika ianya disebabkan kekurangan kakitangan, maka ianya adalah menjadi masalah Kerajaan Pusat untuk menambahkan kakitangan di jabatan-jabatan di negeri itu. Kenapakah suatu perbincangan khusus tidak dibuat tentang masalah ini.

Saya dengar cerita, sama ada benar atau tidak, pentadbiran Jabatan Hutan di Sabah dan Sarawak tidak ada kena-mengena pentadbirannya dengan Kerajaan Pusat. Kenapakah boleh jadi begitu. Tidakkah boleh Kerajaan Federal ini mengarahkan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak supaya semuanya ini dapat disatukan. Bahkan Lembaga MTIB ini cuma menjalankan urusannya bagi Semenanjung Malaysia sahaja. Maka mungkin saya agak Sabah dan Sarawak mempunyai satu MTIB yang serupa aktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya harap masalah kecurian ini dapat diatasi dan kerjasama yang lebih rapat dapat dibuat oleh Kerajaan. Saya juga hairan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa apabila sesebuah kawasan itu diberi kepada pembalok, masalah yang berlaku adalah kawasan yang diluluskan itu tidak mempunyai kayu langsung, bahkan yang ada hanyalah buluh dan bukit bukau. Yang menjadi hairan itu tidakkah Jabatan Hutan membuat kajian terlebih dahulu sama ada kawasan itu berisi atau tidak sebelum sesuatu rekomendasi dibuat kepada Kerajaan Negeri untuk kawasan itu diluluskan. Kita boleh menyalahkan pemohon-pemohon itu kerana kita bertanya kepadanya kenapa awak membuat permohonan di kawasan itu.

Masalah Kerajaan ialah apabila seseorang itu membuat permohonan maka menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk meluluskannya ataupun tidak. Maka jika satu-satu permohonan itu hendak diluluskan Kerajaan mesti memastikan yang kawasan itu berisi. Jika tidak akan merugikan pengusaha-pengusaha yang berkenaan. Maka saya agak Jabatan Hutan akan lebih peka tentang masalah ini supaya nasihat-nasihat yang betul diberi kepada Kerajaan Negeri. Janganlah hendaknya disebabkan hendak menyenangkan urusan-urusan pentadbiran, maka perkara-perkara seumpama ini diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, suatu masalah yang agak besar di negara kita ini adalah masalah orang-orang Pencinta Alam (environmentalist) ini. Kita perhatikan bahawa banyak kata-kata yang tidak baik didengar di luar negeri berkenaan dengan kayu-kayan tropika kita ini. Banyak pihak-pihak yang anti terhadap masalah kayu-kayan tropika ini. Sungguhpun kita memuji pihak Kerajaan di atas usaha-usaha yang gigih yang dibuat oleh mereka, melantik wakil kita di luar negeri untuk berjumpa dengan Pencinta-pencinta Alam ini dan juga membuat perbincangan-perbincangan dengan orang-orang seumpama ini, tetapi ianya masih berlaku. Mungkin oleh sebab sesuatu kerana mereka fikirkan jika hendak menuduh negara mereka sendiri menjadi satu masalah, maka mencari negara yang jauh daripada negara mereka supaya mereka mendapat nama dan sebagainya. Dan ini adalah satu masalah yang amat besar.

Saya cuma berharap bahawa Kerajaan akan melantik lebih ramai lagi wakil-wakil kita di luar negeri supaya dapat bertemu dengan orang-orang Pencinta Alam di luar negeri dan menerangkan dengan seluas-luasnya tentang masalah yang sebenar berlaku di negara kita. Sebenarnya pengeluaran kayu-kayan kita adalah peratusan yang kecil jika dibandingkan dengan negara-negara luar itu.

Mereka pun pada satu ketika dahulu menebang semua pokok-pokok, bukit-bukau yang ada di negara mereka dan sehingga hari ini adalah negara mereka negara yang lebih maju daripada kita. Negara kita yang sedang membangun dan adalah tidak adil bagi pihak pencinta alam ini untuk mengambil kesempatan terhadap kita. Saya berharap Kerajaan akan membelanjakan lebih banyak lagi wang untuk membuat penerangan-penerangan di luar negeri supaya semua pencinta-pencinta alam ini faham di atas kedudukan negara kita.

Saya hairan ada seorang pencinta alam dahulu yang datang ke negeri Sarawak duduk di sana dengan orang Penan, sanggup mengata kita sehinggakan beliau dapat lari dari negara kita. Sehingga hari ini Kerajaan masih belum dapat menerangkan kepada rakyat bagaimana beliau itu dapat lari dari negara kita. Mungkin Menteri yang berkenaan tidak dapat menjawabnya tetapi saya harap Menteri itu dapat menyiasat dan memberitahu Dewan yang mulia ini bagaimanakah orang itu dapat lari daripada negara kita. Ini adalah satu perkara yang amat penting yang kita harus tahu. Kita ketahui pihak Imigresen amat ketat menjaga seseorang itu masuk dan keluar dari negara kita ini. Bagaimana dia boleh terlepas amat menghairankan kita.

Saya dengar cerita bahawa dia ini semasa duduk di hutan mendapat kehidupan yang begitu baik sekali, bukan dari segi berbagai-bagai kesenangan hidup tetapi beliau dianggap sebagai raja dan dapat duduk begitu baik dengan orang-orang Penan dan mungkin agaknya salah seorang daripada anak orang Penan itu menjadi isteri simpanannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Rang Undang-undang ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajjah Habidah.

4.02 ptg.

Puan Hajjah Habidah binti Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama sebentar tadi dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin membahaskan dengan secara ringkas sahaja berkenaan dengan Rang Undang-undang ini iaitu sebagaimana yang kita tahu di dalam Huraian, Fasal 3, 4 dan 6 yang mana bertujuan meminda seksyen 4, 5 dan 7 Akta masing-masing berhubung dengan keanggotaan Lembaga dan perlantikan ahli giliran Lembaga.

Di sini saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, berapa ramaikah keanggotaan ahli Lembaga tersebut? Di dalam Huraian ini juga iaitu Fasal 5, yang mana bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 5A ke dalam Akta. Peruntukan baru ini menyatakan tempoh seseorang ahli Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 4 Akta selama dua tahun tetapi adalah layak bagi perlantikan semula.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, ahli Lembaga sesebuah Lembaga itu kadang-kadang berlarutan hingga 5, 6 tahun ataupun seterusnya. Jadi, dengan adanya pindaan ini saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama kerana di dalam Akta ini meminda

iaitu selama dua tahun sahaja dan akan diberi peluang kepada yang lain pula sekiranya mereka yang dilantik itu tidak layak. Bermakna tidaklah kita bekukan ataupun kita tinggalkan orang yang sama menjadi ahli Lembaga Pengarah, sedangkan kerja tidak dapat dijalankan, tetapi sekiranya mereka bekerja dengan baik, memanglah tidak menjadi halangan untuk kita memberi peluang kepada mereka untuk terus menjadi ahli Lembaga.

Di samping itu, saya mencadangkan juga supaya ahli Lembaga Perindustrian Kayu ini dilantik dari kalangan wanita, kerana kalau di bahagian Perhilitan misalnya, wanita boleh menjadi Pengarah Perhilitan, kenapa pula kalau di dalam ahli Lembaga Perindustrian Kayu ini tidak boleh wanita? Masuk hutan pun tidak mengapa kerana seperti saya katakan tadi, misalnya di Terengganu, kita lihat Pengarah Perhilitan Negeri terdiri daripada wanita, mereka sanggup memujuk gajah atau bersama-sama dengan ahli-ahli Renjer yang lain untuk membuat kerja-kerja di dalam hutan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan barang-barang yang diimport, kalau kita lihat pada hari ini dan semalam kami ahli-ahli Dewan Negara telah diberi peluang untuk melawat ke Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia serta mendengar taklimat di sana dan kami merasa begitu kagum melihat perabot-perabot yang disediakan daripada kayu-kayu dan bahan-bahan di Malaysia. Tetapi sayangnya perabot-perabot itu walaupun dijual di dalam negeri tetapi tidak begitu berleluasa.

Saya sebagai seorang wanita, saya melihat perabot-perabot itu yang begitu elok dan dengan harga yang berpatutan. Kenapa kita biarkan penduduk negara kita membeli barang-barang yang diimport daripada negara luar seperti dari Indonesia ataupun dari Italy dan sebagainya. Sebab kita lihat, misalnya di musim hari perayaan, ramai di antara

suri-suri rumah juga kaum bapa yang pergi bersama-sama ke kedai-kedai membeli barang-barang tersebut iaitu barang-barang yang diimport dari negara luar. Kenapa kita tidak luaskan pemasaran ini di dalam negara kita, sedangkan kita lihat sendiri mutu dan kualitinya begitu baik sekali kalau dijual dengan secara berleluasa di dalam negara kita sendiri dan mungkin kalau kita jual kepada rakyat kita duit kita tidak pergi ke luar. Saya cadangkan supaya pihak Lembaga ini menjualkan juga barang-barang ini di dalam negara sendiri selain daripada kita eksport ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin bangkitkan di sini iaitu berhubung dengan papan lapis. Kita jual barang kita ke Singapura sedangkan Singapura mendapat keuntungan yang begitu banyak daripada bekalan kita. Mereka tidak ada bahan-bahan ini tetapi mereka beli daripada kita mereka jual pula kepada negara lain. Kenapa kita sendiri tidak mengeksportkan barang-barang ini dari negara kita, tidak melalui Singapura sebagai orang tengah ataupun sebagai orang yang mencengkam hasil daripada negara kita dengan secara mudah, sedangkan kita banyak pelabuhan-pelabuhan bebas, pelabuhan-pelabuhan yang tersendiri ada di negara kita.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, hanya beberapa perkara itu sahajalah yang saya ingin bangkitkan dengan secara ringkas dalam Dewan yang mulia ini dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan), 1973 diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Timbalan Menteri Perusahaan Utama untuk memberi jawapan.

4.09 ptg.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan telah membuat beberapa syor, cadangan dan pandangan yang berguna dan prospektif untuk dipertimbangkan oleh pihak Kementerian saya.

Saya ingin menyentuh beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Senator Saidin bin Mohamad, terutama mengenai elaun, gaji dan pegawai MTIB yang pada anggapannya agak banyak, tinggi dan sebagainya. Saya suka menjelaskan kepada Dewan ini walaupun MTIB pada asasnya bukanlah sebuah Jabatan Kerajaan dalam ertikata satu ratus peratus, tetapi sebagai sebuah Lembaga yang terletak kawalannya di bawah Kementerian Perusahaan Utama, MTIB telah menerima pakai skim perkhidmatan Kerajaan yang ada sekarang dan semua pegawai-pegawai termasuk Ketua Pengarahnya sendiri adalah dibayar emolumen dan gaji seperti yang dibayar kepada Ketua Pengarah lain-lain Jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga telah menimbulkan soal penyelewengan kayu balak, pencurian di luar kawasan yang diluluskan. Saya suka menjelaskan bahawa soal penyelewengan pencurian balak ini kita dengar dari semasa ke semasa dan saya tidak menafikan ada perkara ini berlaku. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan bahawa tanggungjawab untuk memastikan tidak ada pencurian berlaku, ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri oleh kerana Perlembagaan kita telah menentukan di bawah Jadual Kesembilan Senarai Kedua, Butiran Ketiga, iaitu perkara perhutanan—eksploitasi perhutanan termasuk soal enforcement adalah

dalam bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Bagaimanapun, pihak Kementerian boleh memberi bantuan sekiranya diminta, kalau perlu kita boleh mengirimi pegawai-pegawai ataupun kakitangan untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri.

Mengenai pencurian ini, sebenarnya di luar dalam bidangkuasa MTIB dan tidak ada termasuk dalam Rang Undang-undang ini, tetapi saya suka menjelaskan bahawa perbuatan mencuri kayu ini samalah seperti orang mencuri lain-lain barang—di supermarket pun orang mencuri, di departmental store pun orang mencuri, di rumah biasa pun orang mencuri, dalam bank pun orang mencuri. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa kita harus melupakan kawalan supaya mengurangkan kegiatan-kegiatan seperti ini. Saya merasa bahawa sesuatu langkah yang tegas perlu diambil dan pihak Kementerian akan mengkaji Undang-undang yang ada sekarang ini dan ada kemungkinan pada masa akan datang hukuman atau denda terhadap perbuatan mencuri balak tidak akan dinaikkan.

Undang-undang yang ada sekarang ini nampaknya tidak begitu berkesan untuk menahan pencurian balak dalam kawasan hutan oleh kerana paneliti yang dikenakan agak rendah dan keuntungan daripada pencurian itu boleh dengan senangnya membayar paneliti denda yang dikenakan dan sekiranya Kementerian mendapati ada keperluan untuk menambahkan paneliti itu, ataupun untuk menambahkan jumlah denda penjara ke atas orang yang didapati bersalah, kita akan membuat kajian terhadap Undang-undang sekarang dan akan membuat pindaan sekiranya perlu pada masa akan datang.

Mengenai soalan berkenaan untung rugi MTIB ini, saya ingin menjelaskan bahawa MTIB bukanlah sebuah pertubuhan yang mencari keuntungan.

Ia adalah sebuah pertubuhan “service organization”, dengan izin, yang tidak bermaksud mencari untung. Walau bagaimanapun, MTIB sekarang ini berfungsi dengan wang ses yang dipungut daripada eksport kayu dan juga bantuan daripada pihak Kerajaan. Ini hanyalah cukup untuk membiayai operasi MTIB pada masa ini dan kita berharap dengan pindaan Rang Undang-undang ini yang mengandungi beberapa provisi, peruntukan yang membolehkan MTIB memungut yuran ataupun mengenakan bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan, kita berharap MTIB akan dapat bergerak lebih cergas lagi pada masa-masa yang akan datang.

Saya suka juga menambah, iaitu Penyata Kira-kira MTIB ini seperti juga lain-lain badan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini setiap tahun dan bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat mengkaji Penyata Kewangan MTIB itu bila dibentangkan nanti. Ahli Yang Berhormat juga telah menimbulkan kemungkinan sabotaj daripada dalam atau luar negeri mengenai perusahaan kayu dalam negara kita dan beliau mengatakan bahawa perusahaan perabot kita telah jatuh atau berkurangan sebanyak 50% di beberapa negara tertentu. Saya ingin menjelaskan bahawa sebenarnya jumlah eksport perabot kita bukannya merosot, bukannya bertambah kurang seperti yang disebutkan itu, malah sebaliknya nilai eksport perabot kita telah meningkat daripada \$56 juta pada tahun 1976 kepada \$90 juta dalam tahun 1988 dan \$170 juta dalam tahun 1989. Jadi, ini menunjukkan bahawa perusahaan perabot ini sebenarnya telah meningkat dalam negara kita ini, tidak termasuk perabot yang dijual dalam negeri kita dan kita berharap kita akan dapat mencapai matlamat nilai eksport \$400 juta yang digariskan dalam pelan induk industri dan dalam waktu yang singkat tidak berapa lama lagi.

Tentang sabotaj ini memang ada, hasil daripada kempen memburuk-burukkan kayu tropika yang dijalankan oleh beberapa buah negara di Eropah dan lain-lain negeri, maka pihak yang dipelopori oleh golongan-golongan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Azumu tadi oleh para "environmentalists" atau pencinta alam sekitar, maka mereka telah sedikit-sebanyak meninggalkan kesan kepada imej walaupun tidak pada pasaran, tetapi pada imej negara kita sebagai pengeluar kayu tropika. Setengah-setengah Kerajaan tempatan telahpun membuat arahan kepada pihak berkuasa mereka supaya mengelakkan penggunaan kayu tropika daripada digunakan dalam bangunan-bangunan Kerajaan dan kita sedang mengatur langkah-langkah untuk menghadapi dan memerangi kempen yang tidak bertanggungjawab ini.

Saya suka mengumumkan bahawa satu rombongan negara-negara ASEAN yang dipimpin oleh Pak Menteri Indonesia—Menteri Perhutanan Indonesia, Pak Harahap akan berlepas ke negara-negara EEC dalam bulan November tahun ini yang terdiri daripada semua negara-negara ASEAN dan saya sendiri akan mewakili negara kita. Kita akan pergi ke negara EEC untuk menjelaskan kedudukan sebenar masalah penjagaan alam sekitar dan hubungkaitnya dengan operasi pembalakan dan penebangan hutan di negara ini. Tujuan kita ialah untuk memberi gambaran bahawa negara kita ini bukanlah satu negara yang membuang hutan dengan sewenang-wenangnya sehingga hutan akan pupus. Kita berharap melalui kempen-kempen seperti ini di masa-masa akan datang, kita akan dapat mengatasi sedikit-sebanyak sabotaj seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat juga menyebut mengenai kawasan tanaman pokok jati patut ditanam juga dengan pokok ubat

atau rotan. Saya setuju kalau tanaman rotan ditanam di celah-celah pokok jati, itu mungkin baik, tetapi ini bergantung kepada keadaan tanah sama ada sesuai atau tidak, tetapi hendak menanam pokok ubat maksud Yang Berhormat barangkali macam Tongkat Ali dan sebagainya. Kalau pokok-pokok jenis ini ditanam dalam kawasan tanaman pokok jati itu, saya bimbang kita tidak dapat kawal kawasan itu, sebab bila orang ramai tahu ada banyak pokok ubat dalam kawasan itu yang boleh menguatkan tenaga terutama untuk orang lelaki, maka orang lelaki akan menyerbu kawasan itu dan tidak dapat dikawal. Jadi kalau Yang Berhormat berminat hendak menanam pokok ubat dalam kawasan rumah, Yang Berhormat sendiri boleh kawal, kita boleh sedia mencari bekal dan boleh kita sediakan anak-anak pokok ubat.

Yang Berhormat Senator Dato' Azumu bin Tak telah menimbulkan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat mengenai soal kelulusan kawasan balak. Saya telah jelaskan tadi bahawa dalam perkara ini Kerajaan Pusat tidak bolehlah campur tangan oleh kerana perkara ini amat sensitif.

Kuasa meluluskan kawasan balak ini adalah kuasa Kerajaan Negeri dan boleh dikatakan semua negeri sensitif dengan kuasa mereka ini. Kalau Kerajaan Pusat campur tangan, maka seolah-olah kita hendak mengambilalih kuasa mereka dan ini bercanggah dengan peruntukan Perlembagaan seperti yang saya sebutkan tadi. Bagaimanapun dari segi kerjasama memang ada, oleh kerana kita ada satu Majlis yang dinamakan Majlis Perhutanan Negara yang dianggotai oleh semua Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Majlis ini bersidang dan membuat dasar serta keputusan-keputusan yang tertentu mengenai,

misalnya berapa jumlah kawasan yang patut dibuka, berapa jumlah balak yang patut dipotong pada tahun-tahun tertentu dan sebagainya. Pada amnya apa yang diputuskan oleh Majlis Perhutanan Negara itu diikuti sepenuhnya oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan dan kerana itu ada terdapat keseragaman di dalam pentadbiran perhutanan di negeri-negeri walaupun, seperti yang saya sebutkan tadi, kuasa menguruskan hutan itu terletak di tangan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Mengenai pentadbiran hutan di Sabah dan Sarawak, keadaannya boleh dikatakan sama, walaupun mereka tidak menjadi ahli sepenuhnya kepada Majlis Perhutanan Negara ini dan Akta Perhutanan yang ada sekarang ini tidak merangkumi Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Tetapi pada umumnya Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan bersama-sama dengan negeri-negeri lain dalam mematuhi perkara-perkara besar, perkara-perkara dasar yang menyentuh perkara perhutanan.

Kita bersimpati dengan keadaan-keadaan tertentu di negeri Sabah dan Sarawak yang pada umumnya masih lagi mundur pada tahap kemajuan perindustriannya maka kita terpaksa memberi kelonggaran-kelonggaran tertentu pada Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak, misalnya dalam pengeksporan kayu balak. Walaupun di Semenanjung Malaysia ini kita telah haramkan sama sekali pengeksporan balak, tetapi di Sabah dan Sarawak masih lagi berjalan oleh kerana mereka bergantung banyak kepada hasil revenue daripada cukai eksport balak.

Mengenai kawasan hutan yang tidak ada pokok, yang ini saya pun binggung juga bagaimana? Saya ingat kedua-dua pun boleh disalahkan, orang yang minta pun tidak pergi tengok dahulu kawasan ini, sepatutnya tengok dahulu

kawasan itu, kalau ada kayu baru dia minta, tidak ada kayu diminta buat apa? Walau bagaimanapun saya jelaskan tadi perkara ini di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.

Mengenai Bruno Mansar iaitu satu orang asing yang sekarang bersembunyi dalam hutan, saya sendiri tidak dapat pastikan sama ada Bruno ini masih ada dalam hutan ataupun sudah keluar. Saya cuma baca suratkhbar dia sudah balik ke negerinya dan yang terbaharu saya dapat maklumat dia sudah balik semula ke Sarawak, ikut mana dia masuk dan keluar saya pun tidak tahu, mungkin ikut sempadan Indonesia atau sempadan negeri Brunei, kita tidak tahu. Ini saya percaya pihak Jabatan Imigresen sedang mengambil langkah untuk menyiasat sama ada betul atau tidak seperti Yang Berhormat kata tadi, Bruno ini jadi macam "raja" dan berpoya-poya dengan anak-anak dara Penan, saya cuba check, kalau benar kita akan beritahu Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Habidah binti Jusoh bertanyakan kenapa kita beli perabot daripada Indonesia dan Itali. Negeri kita ini negeri bebas dan kita tidak boleh menahan orang daripada hendak membeli barang-barang yang diimport. Kita malangnya masih lagi berfikiran seperti dahulukala yang menganggap barang-barang yang diimport itu lebih baik daripada barang-barang keluaran tempatan, bukan sahaja dalam soal perabot, soal lain-lain pun begitu juga. Yang Berhormat sendiri pun barangkali ada juga yang memakai baju daripada kain yang diimport, sedangkan di Terengganu sendiri pun ada membuat sutera, tetapi masih lagi hendak beli kain sutera daripada China, Jepun atau Itali yang lebih baik kononnya dan sama-samalah kita mencuba mendidik orang-orang kita supaya memberi keutamaan kepada barang-barang dalam negeri kita termasuk perabot.

Sebenarnya perabot ini seperti Yang Berhormat kata tadi, kita pergi tengok dekat MTIB, kita jual dalam negeri kita perabot-perabot terutamanya daripada rotan. Perabot negeri kita ini, kita anggap tidak begitu bernilai, tetapi sebenarnya perabot rotan yang kita anggap tidak bernilai itu amat tinggi nilainya dan sangat-sangat dihargai di luar negeri. Jadi terpulanglah kepada cara pemikiran kita. Kalau Yang Berhormat bermaksud hendak membeli perabot keluaran dalam negeri berapa banyak sekalipun silalah beritahu saya, saya boleh uruskan.

Saya juga ingin menyentuh perkara penjualan papanlapis yang menurut beliau banyak dijual ke Singapura untuk dijual pula ke luar negeri.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat itu dan kita patutlah menggesa dan menggalakkan peng-eksport-pengeksport papan lapis ini supaya menggunakan kemudahan pelabuhan kita sendiri dan tidak mengeksport melalui Singapura. Tetapi walau bagaimanapun, oleh kerana sifat semula jadinya perniagaan antara negara kita ke luar negeri ini, memang begitu, iaitu ada barang-barang tertentu yang kita jual kepada saudagar-saudagar di Singapura dan kerana kedudukan jarak di antara satu dengan lain itu dekat dan sudah ada terjalin sikap percaya mempercayai antara pedagang Malaysia dengan pedagang Singapura, maka itulah sebabnya ada barang-barang yang dieksport melalui Singapura, kerana mereka merasa lebih selesa berniaga dengan orang yang mereka kenal.

Keadaan ini telah berjalan begitu lama. Walau bagaimanapun, usaha-usaha telahpun diambil untuk menggalakan orang-orang ini menggunakan pelabuhan kita dan mengeksport terus barang-barang termasuk perabot dan papan lapis itu. Sejak akhir-akhir ini, dari segi peratusannya sudah mula

berkurangan dan lebih banyak orang yang mengeksport melalui pelabuhan kita.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana perkara yang tidak sempat saya jawab, insya Allah kami akan mengambil perhatian dan kiranya perlu kita betulkan, insya Allah, kita akan betulkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK LUAR PESISIR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.35 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "suatu Akta bagi mengadakan

peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan orang-orang yang menjalankan perniagaan bank luar pesisir dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya”, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum bahawa untuk membangunkan Labuan sebagai sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa, dengan izin, International Offshore Financial Centre (IOFC), salah satu aktiviti utama yang akan diberi tumpuan dan keutamaan adalah aktiviti bank luar pesisir. Untuk memastikan peraturan-peraturan bagi pelesenan dan pengawalseliaan urusan bank luar pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan adalah berkesan, perundangan-perundangan yang berkaitan dengannya perlulah bersesuaian dengan ciri-ciri yang terdapat di IOFC yang telah maju dan terkenal.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya tujuan utama Rang Undang-undang yang dicadangkan ini adalah untuk mewujudkan suatu regim perundangan bagi perniagaan urusan bank luar pesisir yang boleh dijalankan dalam, daripada dan melalui Wilayah Persekutuan Labuan; pelesenan dan pengawalseliaan perniagaan urusan bank luar pesisir di Labuan; memastikan bahawa ciri-ciri berkaitan dengan kerahsiaan identiti, akaun dan hal ehwal mana-mana pelanggan bank luar pesisir di Labuan dipatuhi dan dikekalkan; dan lain-lain perkara yang berkaitan dengannya seperti prosedur-prosedur pembukaan pejabat cawangan dan subsidiaries oleh bank luar pesisir, kawalan terhadap urusan niaga dalam matawang Ringgit dan larangan terhadap pembukaan akaun semasa; kuasa Bank Negara Malaysia untuk membuat pemeriksaan ke atas bank luar pesisir; hukuman-hukuman bagi pelanggaran peruntukan dalam Rang Undang-undang ini; dan juga syarat-

syarat lesen kuasa bank luar pesisir untuk membenarkan pengeluaran wang daripada akaun simati. Pemakaian peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan dalam hubungan Akta-akta lain seperti Akta Syarikat 1965, Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan ketidakpakaian Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 kepada bank luar pesisir di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Fasal 2 mentakrifkan beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Rang Undang-undang ini. Antara lainnya, “perniagaan bank luar pesisir ditakrifkan sebagai pengambilan deposit dan pemberian kemudahan kredit dalam matawang selain daripada ringgit Malaysia. Sesiapa yang menjalankan perniagaan bank luar pesisir adalah dianggap sebagai bank luar pesisir. Pentakrifan “perniagaan bank luar pesisir” yang luas ini membolehkan sebuah bank luar pesisir menjalankan berjenis-jenis aktiviti yang biasa dijalankan oleh bank luar pesisir.

Fasal 3 Rang Undang-undang ini membuat peruntukan bagi tujuan menjaminkan bahawa fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang diberikan kepada Bank Negara Malaysia tidak akan mengurangkan ataupun menjejaskan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan tugas-tugas yang diberikan kepadanya oleh mana-mana undang-undang bertulis lain.

Memandangkan perniagaan urusan Bank Luar Pesisir adalah bersifat antarabangsa dan juga bank-bank luar pesisir akan terdiri daripada bank-bank dari seluruh dunia, rejim pengawasan dan pengawalan di bawah Rang Undang-undang ini adalah lebih liberal jika dibandingkan dengan rejim perundangan bagi bank-bank di Malaysia di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989.

Kawalan yang ketat akan hanya diberi perhatian di peringkat permohonan dan pengeluaran lesen sahaja dan lesen untuk beroperasi sebagai bank luar pesisir di Labuan akan hanya diberi kepada bank-bank yang mempunyai, dengan izin, good international standing dan mereka mesti secara fizikal beroperasi di Labuan.

Fasal 4 memperuntukkan bahawa hanya syarikat luar pesisir ataupun syarikat luar pesisir asing yang ditubuh ataupun didaftarkan bagi tujuan menjalankan perniagaan bank luar pesisir di bawah Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir 1990 atau sebuah bank Malaysia yang memegang lesen sah sahaja boleh menjalankan perniagaan sedemikian. Ini bermakna bank-bank luar pesisir boleh ditubuhkan dalam bentuk subsidiari ataupun cawangan.

Fasal 5 menerangkan tentang prosedur bagi permohonan untuk suatu lesen bank luar pesisir. Beberapa dokumen-dokumen dan penyata-penyata kewangan perlu dikemukakan dalam permohonan itu seperti penyata kira-kira pemohon bagi 3 tahun kewangan yang berakhir sebelum daripada tarikh permohonan bagi tujuan menentukan keupayaan dan kedudukan kewangan pemohon. Pemohon juga dikehendaki mendapatkan suatu jaminan dan memberi suatu akujanji bahawa ia akan memenuhi obligasi-obligasi kewangan yang dikenakan di bawah Rang Undang-undang ini dan tanggungan-tanggungan berkenaan dengan perniagaannya di Labuan dan bahawa ia tidak akan menukar peserta-peserta yang memegang 10% atau lebih modal berbayarnya tanpa kelulusan Bank Negara. Dengan jaminan dan akujanji ini bank-bank luar pesisir ini akan dipertanggungjawabkan atas semua liabiliti urusan perniagaan mereka di Labuan. Larangan terhadap penukaran peserta bank luar pesisir yang

memegang 10% atau lebih modal berbayarnya tanpa kelulusan Bank Negara adalah bertujuan untuk mengawal struktur hakmilik bank luar pesisir itu. Dengan ini pihak yang tidak diingini tidak akan menggunakan nama orang-orang tertentu untuk memohon bagi lesen bank luar pesisir dan kemudiannya menukar hakmilik ini ke dalam nama mereka.

Fasal 8 pula menjelaskan alasan-alasan bagi pembatalan lesen. Ini termasuk antara lain, pelanggaran mana-mana undang-undang bertulis, pemberian apa-apa maklumat palsu ataupun mengelirukan berhubung dengan suatu permohonan itu dan kegagalan untuk memenuhi apa-apa jaminan ataupun akujanji yang diberikan semasa membuat permohonan. Pemohon juga mesti menunjukkan bahawa bank luar pesisir yang dicadangkan itu akan mempunyai modal berbayar dan rizab yang tidak kurang daripada \$10 juta. Jika modal berbayar dan rizab sebuah bank luar pesisir tanpa dijejaskan oleh kerugian adalah kurang daripada \$10 juta, ia tidak boleh meneruskan perniagaannya kecuali dibenarkan oleh Menteri. Ini diperuntukkan dalam *Fasal 11*.

Bagi memastikan bank luar pesisir berlesen menjalankan perniagaannya hanya dalam, daripada ataupun melalui Wilayah Persekutuan di Labuan.

Fasal 14 melarang suatu Bank Luar Pesisir daripada beroperasi dalam, daripada ataupun melalui mana-mana tempat dalam Malaysia kecuali Wilayah Persekutuan Labuan. Bank luar pesisir yang merupakan suatu syarikat luar pesisir juga perlu mendapat kebenaran Bank Negara Malaysia terlebih dahulu sebelum membuka pejabat ataupun memperoleh atau menubuhkan apa-apa subsidiari dalam Wilayah Persekutuan Labuan dan mana-mana tempat di luar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 15* melarang suatu bank luar pesisir

berlesen daripada membuka akaun-akaun bagi seorang pelanggan yang identitinya tidak diketahui oleh bank luar pesisir itu. Ini bertujuan mengelakkan Labuan daripada dijadikan sebuah tempat kewangan antarabangsa untuk menyimpan wang-wang haram.

Bagi mengelakkan matawang ringgit daripada diperdagangkan di pasaran antarabangsa, *Fasal 21* melarang bank-bank luar pesisir daripada menjalankan apa-apa perniagaan ataupun urusan niaga dalam matawang ringgit. Walau bagaimanapun, dalam *Fasal 22* kelonggaran diberi bagi membolehkan transaksi-transaksi yang biasa dijalankan oleh bank-bank luar pesisir, misalnya suatu bank luar pesisir boleh membeli dan menjual matawang asing dengan bersandarkan matawang ringgit dan juga melibatkan diri dalam transaksi pertukaran wang yang memabitkan matawang Malaysia.

Kerahsiaan urusan dengan bank luar pesisir adalah ciri sangat penting yang boleh menentukan kejayaan ataupun kegagalan sesuatu pusat kewangan luar pesisir antarabangsa. Untuk memberi keyakinan kepada pendeposit dan komuniti bank, kerahsiaan akaun pelanggan bank luar pesisir mesti jelas dipertahankan dalam undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa keadaan-keadaan bagi pendedahan maklumat adalah berlainan bagi bank luar pesisir berbanding dengan keadaan untuk bank-bank lain di Malaysia, peruntukan kerahsiaan dalam Rang Undang-undang ini adalah lebih ketat daripada peruntukan dalam Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 22* melarang pendedahan mana-mana maklumat, rekod, buku daftar ataupun surat-menyurat pelanggan bank itu oleh pengarah-pengarah ataupun pegawai-pegawai bank luar pesisir dan mana-mana orang, termasuk Bank Negara

Malaysia, pengarah dan pegawainya. Walau bagaimanapun, larangan ini tidaklah terpakai sekiranya pelanggan ataupun wakil peribadinya telah memberi keizinan bertulis untuk pendedahan apa-apa maklumat ataupun di bawah suatu perintah Mahkamah Tinggi bagi tiga keadaan yang berikut:

- (i) Pertama, di mana permintaan kepada Mahkamah Tinggi dibuat oleh pihak, yang mempunyai kepentingan, dengan izin, interested party di mana pelanggan telah meninggal dunia ataupun telah diisytiharkan bankrap ataupun jika pelanggan itu ialah suatu perbadanan yang sedang dalam proses penggulungan ataupun telah digulung di Malaysia atau di mana-mana negara, wilayah ataupun tempat di luar Malaysia;
- (ii) Kedua, di mana permintaan dibuat kepada Mahkamah Tinggi oleh pegawai awam yang menyiasat ke atas sebarang kesalahan; dan
- (iii) Ketiga, di mana permintaan dibuat kepada Mahkamah Tinggi oleh Bank Negara Malaysia dengan sijil daripada Menteri bahawa pendedahan adalah perlu demi kepentingan kewangan dan ekonomi Malaysia ataupun sebahagian daripadanya ataupun dengan sijil daripada Menteri Dalam Negeri bahawa pendedahan adalah perlu demi kepentingan keselamatan dalam Malaysia ataupun sebahagian daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, kuasa masih diberi kepada Bank Negara di bawah *Fasal 23* Rang Undang-undang ini untuk memeriksa di bawah keadaan kerahsiaan, buku-buku dan dokumen-dokumen lain bank luar pesisir tetapi hanya dengan tujuan

menentusahkan maklumat-maklumat yang dikemukakan oleh bank luar pesisir kepadanya. Bank Negara akan menjalankan pemeriksaan hanya jika perlu tetapi ia tidak boleh menyiasat secara khusus identiti akaun ataupun hal ehwal mana-mana pelanggan tertentu bank luar pesisir. Dengan ini kerahsiaan hal ehwal dan akaun pelanggan bank luar pesisir adalah mutlak.

Kesalahan melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Rang Undang-undang ini dinyatakan dalam *Fasal 24(1) dan 25* dan hukuman bagi kesalahan-kesalahan yang sedemikian juga dijelaskan di dalam *Fasal 24(2) dan (3)*. Bagi kesalahan-kesalahan yang lebih serius yang mana telah dinyatakan dalam *Fasal 24(2)* denda yang boleh dikenakan adalah tidak melebihi \$10 juta dan hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun. Di samping itu, denda harian sebanyak \$10,000 boleh dikenakan bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berlaku. Bagi penalti am pula, denda sebanyak \$5 juta dan hukuman penjara 3 tahun boleh dikenakan dan bagi kesalahan yang terus dilakukan, denda sebanyak \$5,000 sehari boleh dikenakan.

Menurut *Fasal 28* Rang Undang-undang ini, Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir 1990 yang telah saya bantahkan dalam Dewan ini adalah terpakai kepada bank-bank luar pesisir yang merupakan syarikat luar pesisir ataupun syarikat-syarikat luar pesisir asing dan Akta Syarikat 1965 adalah terpakai kepada Bank-bank Luar Pesisir yang merupakan cawangan-cawangan bank Malaysia, sebagai tambahan kepada peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini. Namun demikian, jika terdapat percanggahan di antara peruntukan-perundangan-perundangan tersebut dan Rang Undang-undang ini, peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini adalah terpakai.

Fasal 29 pula memperuntukkan bahawa Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 hendaklah terpakai dan mengatasi peruntukan Rang Undang-undang ini. Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan, 1989 pula akan terpakai hanya kepada bank-bank yang dilesenkan di bawah Akta itu yang kini beroperasi di Wilayah Persekutuan Labuan dan bukan kepada bank-bank luar pesisir.

Fasal 31 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan, atas syor Bank Negara Malaysia, mana-mana orang daripada semua ataupun mana-mana peruntukan Rang Undang-undang ini.

Fasal 32 membuat peruntukan bagi tujuan pengeluaran wang secara mudah dari akaun pelanggan yang telah meninggal dunia. Bank Luar Pesisir boleh tanpa mengemukakan surat kuasa, probet ataupun surat kuasa pentadbir, membayar wang yang tidak melebihi \$5,000 daripada akaun pelanggan yang telah meninggal dunia kepada warisnya.

Walau bagaimanapun, waris itu perlu mengemukakan bukti yang memuaskan mengenai kematian pelanggan bank itu dan haknya terhadap jumlah yang terdapat dalam akaun pelanggan itu. Bank luar pesisir diberi kuasa membayar wang itu kepada waris-waris berkenaan jikalau ia tidak menerima apa-apa tuntutan yang lain terhadap wang itu. Dengan terkanunnya Rang Undang-undang Bank Luar Pesisir 1990 ini regim pengawasan dan pengawalan ke atas perniagaan urusan Bank Luar Pesisir di Wilayah Persekutuan Labuan akan diwujudkan dan akan dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Tuan Douglas Sullang Anak Ganda: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan orang-orang yang menjalankan perniagaan bank luar pesisir dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Azumu Tak.

4.51 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Rang Undang-undang yang berhadapan dengan kita ini dan saya perhatikan bahawa ianya adalah lengkap dan cukup kepada kita untuk membenarkan pembukaan bank luar pesisir ini.

Cuma satu pertanyaan, saya ingin hendak bertanya sama ada bank luar pesisir ini ada terikat tentang mengambil kakitangan pekerja di dalam banknya, pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang lain yang membolehkan kita menghadkan mereka supaya bilangan pegawai yang dibawa oleh mereka itu adalah pegawai tinggi sahaja tetapi pegawai yang boleh diperolehi di negara kita ini mestilah kita direkrutkan, tidaklah perlu semua kakitangan itu datang dari luar negeri. Ini adalah kerana memandangkan di negara kita pun cukup kakitangan bank yang agak mahir, yang berpengalaman dan sebagainya. Sungguhpun kita hendak menjaga kepentingan mereka, tetapi kepentingan kita juga haruslah dijaga dengan sepenuhnya.

Sekian sahaja, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk memberikan jawapan.

4.53 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Dato' Azumu Tak.

Sebenarnya seperti kita semua maklum bahawa adalah hasrat Kerajaan untuk memajukan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa. Maknanya memajukan pulau ini sebagai satu IOFC yang berjaya, ini bermakna bahawa bukan sahaja Kerajaan kita ini untuk memajukan kemudahan-kemudahan di Labuan ini tetapi juga memperluaskan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, khasnya penduduk-penduduk Malaysia yang ada di Labuan. Jadi, seberapa boleh Kerajaan menggalakkan bank-bank yang berkenaan bahawa seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi bukan sahaja pegawai-pegawai bawahan tetapi pegawai-pegawai atasan datang daripada rakyat Malaysia ataupun pemastautin Malaysia.

Walau bagaimanapun, oleh kerana hasrat negara kita ini adalah tidak ingin nampak bahawa setelah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan ingin memajukan Labuan ataupun menjadikan Labuan ini sebagai IOFC yang berjaya di mana pelabur-pelabur asing datang ke Labuan, Kerajaan tidak ingin mengenakan syarat-syarat yang tidak flexible, dengan izin, supaya mereka tidak datang ke Labuan, ini akan menjejaskan usaha-usaha Kerajaan ke arah ini. Walau bagaimanapun, saya ingin di sini sekali lagi mengucapkan berbilang terima kasih dan Kerajaan akan seberapa boleh menggalakkan supaya rakyat Malaysia akan dimasukkan ke bank-bank luar pesisir di Labuan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua mempergunakan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim untuk mempergunakan Mesyuarat ini.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim mempergunakan Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS LUAR PESISIR

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.59 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama

suatu Akta untuk mengadakan undang-undang baru bagi pelesenan dan pengawalseliaan orang-orang yang menjalankan perniagaan insurans luar pesisir dan aktiviti-aktiviti berhubung dengan insurans luar pesisir di Labuan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya ataupun berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon untuk memberi penjelasan mengenai beberapa perkara yang penting di bawah Rang Undang-undang ini. Selaras dengan cadangan untuk mengadakan perundangan-perundangan dan peraturan-peraturan yang minima serta flexible bagi aktiviti-aktiviti luar pesisir di Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC). Rang Undang-undang ini digubal untuk mengadakan sifat-sifat utama yang boleh menggalakkan pertumbuhan operasi insurans luar pesisir yang sihat di Labuan.

Bank Negara Malaysia akan diberi tanggungjawab untuk mentadbir Rang Undang-undang ini. Ini memberi kuasa kepada Bank Negara untuk menjalankan pemeriksaan hanya apabila Bank Negara mempunyai alasan bahawa pemegang lesen telah melanggar peruntukan ataupun syarat-syarat lesen di bawah Rang Undang-undang ini dan apabila Bank Negara tidak mendapat maklumbalas terhadap permintaannya untuk mendapatkan maklumat lanjut ataupun penjelasan yang memuaskan terhadap suatu perkara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Rang Undang-undang ini akan memastikan bahawa Bank Negara ataupun mana-mana pegawai ataupun wakilnya dan juga pemegang-pemegang lesen tidak mendedahkan maklumat-maklumat rahsia mengenai pemegang-pemegang polisi kecuali

dengan perintah mahkamah ataupun kebenaran pemegang-pemegang polisi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perniagaan insurans luar pesisir yang akan diberi lesen di bawah Rang Undang-undang ini terdiri daripada beberapa jenis perniagaan insurans captive luar pesisir, penanggung insurans langsung yang menanggung risiko-risiko luar pesisir, penanggung insurans semula yang menanggung semula kedua-dua risiko asing dan risiko di Malaysia termasuklah orang-orang yang menjalankan perniagaan insurans, pengurus dan broker-broker insurans luar pesisir.

Peraturan-peraturan kawalseliaan ke atas penanggung insurans captive yang menanggung risiko-risiko syarikat induknya tidaklah ketat berbanding dengan peraturan-peraturan untuk lain-lain insurans dan penanggung insurans semula di mana kawalseliaan yang agak ketat dikenakan untuk memastikan mereka memberi perlindungan yang memuaskan dan baik kepada pelanggan-pelanggan mereka. Kawalseliaan ini termasuklah keperluan mendapatkan lesen sebelum menjalankan operasi, keperluan modal operasi minima dan margin kesolvenan, (solvency margin), dengan izin, dan keperluan menyediakan penyata kewangan. Lain-lain aktiviti insurans berkaitan seperti pengurus-pengurus dan broker-broker insurans serta pengurus-pengurus penanggung risiko luar pesisir akan ditapis untuk memastikan hanya orang-orang yang berpengalaman dan berkelayakan (fit and proper persons) sahaja diberikan lesen.

Dengan adanya kadar percukaian istimewa di Labuan, Rang Undang-undang ini menegah penanggung insurans luar pesisir daripada menanggung risiko-risiko di Malaysia kecuali penangguhan semula risiko perniagaan insurans domestik dan melarang pemegang-pemegang

insurans luar pesisir menjalankan perniagaan insurans luar pesisir dari mana-mana tempat di luar ataupun selain daripada Wilayah Persekutuan Labuan. Ini adalah untuk mengelakkan pengurangan perniagaan syarikat insurans Malaysia yang diberi lesen di bawah Akta Insurans 1963.

Rang Undang-undang ini juga menegah syarikat insurans luar pesisir untuk menjalankan perniagaan dalam ringgit Malaysia kecuali apabila menanggung semula risiko perniagaan insurans domestik. Ini adalah untuk mengelak ringgit Malaysia diperdagangkan.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain peruntukan penting dalam Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 6 dan 7 membuat peruntukan mengenai cara-cara memohon lesen untuk menjalankan operasi insurans luar pesisir di Labuan ianya perlu dihantar kepada Bank Negara bersama-sama dengan memorandum atau urusan penubuhan, tiga tahun akaun beraudit, rancangan-rancangan operasi dan jenis-jenis perniagaan yang akan dibuat serta nama-nama dan alamat Pengarah-pengarah dan juga pihak pengurusannya. Pengawal, Pengarah dan Pegawai-pegawai Eksekutif pemohon mestilah memenuhi kriteria fit and proper persons. Selain daripada itu untuk memajukan Labuan sebagai pusat kewangan luar pesisir antara-bangsa, penanggung insurans luar pesisir bukan sahaja dikehendaki secara fizikal bergerak di Labuan tetapi sekurang-kurangnya salah seorang pengarahnya yang berpengalaman dan berpengetahuan perlulah bermastautin di Labuan. Selain daripada itu keperluan modal kerja minima adalah seperti berikut:

Untuk perniagaan insurans captive sekurang-kurangnya \$1 juta, per-

niagaan insurans am dan nyawa \$1.5 juta, perniagaan insurans semula \$10 juta.

Dalam memenuhi keperluan menyediakan modal kerja minima ini Bank Negara akan memberi atau membenarkan dalam kes-kes tertentu pembayaran modal kerja minima kurang daripada jumlah yang diperlukan di atas tertakluk kepada jaminan diberi kepada Bank Negara untuk membayar modal tambahan tersebut apabila dipinda dan syarikat itu mempunyai peruntukan yang mencukupi bagi perbelanjaan-perbelanjaan beroperasi sekurang-kurangnya untuk selama 6 bulan.

Rang Undang-undang ini juga mencadangkan syarat-syarat yang ketat pada ketika menimbangkan permohonan lesen untuk mengimbangkan dengan peraturan yang minima dan liberal di Labuan selepas lesen dikeluarkan.

Fasal 9 memberi kuasa kepada Menteri atas syor-syor Bank Negara untuk melulus atau menolak permohonan lesen.

Fasal 11 memberi kuasa kepada Menteri untuk membatalkan mana-mana lesen yang dikeluarkan atas alasan pemegang lesen melanggar mana-mana syarat lesen ataupun mana-mana peraturan Rang Undang-undang. Pemegang lesen boleh juga menyerahkan kembali lesen jika mereka ingin berbuat demikian sepertimana diperuntukkan dalam *Fasal 12*.

Fasal 15 bertujuan untuk menghendaki tiap-tiap pemegang lesen membayar bayaran lesen tahunan seperti berikut. Perniagaan insurans am \$30,000, perniagaan insurans nyawa \$30,000, perniagaan insurans nyawa dan am \$60,000, perniagaan insurans captive \$10,000, pengurus insurans

luar pesisir \$5,000, pengurus penanggung luar pesisir \$5,000 dan, broker insurans luar pesisir \$5,000.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 16* adalah bertujuan untuk menghendaki tiap-tiap pemegang lesen melantik seorang juruaudit yang diluluskan oleh Bank Negara. Ia juga menghendaki tiap-tiap penanggung insurans luar pesisir melantik seorang aktuari daripada senarai aktuari yang diluluskan oleh Bank Negara.

Fasal 17 menentukan margin kesolvenan ataupun solvency margin minima yang perlu disenggarakan oleh tiap-tiap pemegang lesen. Ini adalah untuk memastikan pengekalan kewangan yang baik oleh pemegang-pemegang lesen.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 18* membuat peruntukan supaya pemegang lesen menyimpan akaun dan wang yang berasingan bagi perniagaan insurans luar pesisir yang berlainan jenis dengan wang-wangnya yang lain.

Fasal 19 adalah bertujuan untuk menghendaki penanggung insurans luar pesisir mengemukakan kepada Bank Negara kunci kira-kira tahunan teraudit dan akaun untung rugi, akaun hasil dan berhubungan dengan perniagaan insurans nyawa satu laporan penilaian aktuari mengenai harta-harta dan tanggungannya dalam masa 6 bulan pada setiap akhir bulan tahun kewangannya.

Fasal 21 dan 22 bertujuan untuk melarang pemegang-pemegang lesen daripada menjalankan aktiviti-aktiviti selain daripada perniagaan insurans luar pesisir dan insurans semula perniagaan insuran domestik.

Fasal 25 melarang pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai pemegang lesen mendedahkan apa-apa

maklumat yang berhubungan dengan mana-mana pemilik polisi melainkan dikehendaki di bawah Akta ataupun mana-mana mahkamah ataupun pemunya polisi ataupun wakilnya.

Fasal 26 adalah bertujuan untuk membenarkan penanggung insurans luar pesisir memindahkan perniagaannya kepada penanggung insurans yang lain melalui suatu skim yang diluluskan oleh Bank Negara dan disahkan oleh Mahkamah Tinggi.

Fasal 29 memperketatkan kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti sementara dan *Fasal 30* memberi kuasa kepada Gabenor untuk memkompaun kesalahan-kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah *Fasal 34* dinyatakan bahawa pemegang-pemegang lesen tidak tertakluk kepada peruntukan Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1983.

Sementara *Fasal 35* memperkatakan pemakaian Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan Akta Syarikat 1965.

Fasal 36 memperkatakan pemakaian Akta Kawalan Pertukaran 1953.

Dengan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk mengadakan undang-undang baru bagi pelesenan dan pengawalseliaan orang-orang yang menjalankan perniagaan insurans luar pesisir dan aktiviti-aktiviti berhubungan dengan insurans luar pesisir dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tiada perbahasan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual I dan II diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.12 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan, penaksiran dan pemungutan cukai ke atas aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir yang dijalankan oleh sesuatu syarikat luar pesisir di atau dari Labuan dan

mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya jelaskan dalam Dewan ini sebentar tadi, dalam usaha Kerajaan untuk memajukan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (International Offshore Financial Centre)(IOFC), lima perundangan utama dan baru serta satu Rang Undang-undang pindaan kepada Akta yang berkuatkuasa sekarang telah digubal untuk kelulusan Dewan ini untuk tujuan percukaian ke atas aktiviti-aktiviti yang akan digalakkan dan dibenarkan di Labuan IOFC, maka Rang Undang-undang ini telah digubalkan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang berkaitan dengan Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini terbahagi kepada enam bahagian dan akan berkuatkuasa bagi tahun Taksiran 1991 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya mulai daripada satu tarikh yang akan diberitahu dalam warta. Ini dinyatakan dalam *Fasal 1*, Bahagian I Rang Undang-undang yang berkenaan.

Untuk tujuan percukaian ke atas aktiviti perniagaan luar pesisir di Labuan, *Fasal 2* Bahagian I memberi takrif aktiviti perniagaan luar pesisir meliputi dua jenis aktiviti iaitu aktiviti perdagangan luar pesisir (offshore trading activity) dan aktiviti bukan perdagangan luar pesisir (offshore non-trading activity).

Aktiviti perdagangan luar pesisir merupakan aktiviti perhubungan dengan urusan bank, insurans, perdagangan, pengurusan, pelesenan ataupun mana-mana aktiviti yang tidak tergolong dalam aktiviti bukan perdagangan luar pesisir. Sementara aktiviti bukan perdagangan luar pesisir

merupakan aktiviti berhubung dengan pemegangan pelaburan dalam sekuriti, syer, saham, pinjaman, deposit dan harta takalih oleh suatu syarikat luar pesisir bagi pihaknya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kadar-kadar cukai ke atas aktiviti-aktiviti perniagaan luar pesisir di Labuan, *Fasal 3* hingga *8* Bahagian II dan *Fasal 9* hingga *10* Bahagian III memberi penjelasan masing-masing seperti berikut:

- (a) Bagi satu-satu tahun taksiran, suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan suatu aktiviti perdagangan luar pesisir akan diberi pilihan sama ada membayar cukai atas kadar 3% daripada keuntungan bersihnya dengan mengemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri suatu akuan berkanun (statutory declaration) dan penyata keuntungan (profit return) syarikat ataupun membayar cukai sejumlah \$20,000 bagi tahun taksiran itu dengan mengemukakan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri satu akuan berkanun (statutory declaration) sahaja.
- (b) Apabila satu syarikat luar pesisir menjalankan aktiviti bukan perdagangan luar pesisir, tiada apa-apa cukai akan dikenakan.

Dalam hubungan kedua-dua aktiviti di atas, ingin saya jelaskan bahawa jika suatu syarikat luar pesisir menjalankan kedua-dua aktiviti perdagangan luar pesisir dan aktiviti bukan perdagangan luar pesisir, syarikat itu akan disifatkan sebagai menjalankan suatu aktiviti perdagangan luar pesisir. Dengan itu kadar cukai 3% ataupun \$20,000 akan dikenakan mengikut pilihan mereka. Ini dijelaskan dalam *Fasal 2* Bahagian I. Bagi mengelakkan keraguan *Fasal 3* Bahagian I juga menjelaskan bahawa

peruntukan-peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 terpakai:

- (a) Jika suatu syarikat luar pesisir menjalankan satu aktiviti selain daripada aktiviti perniagaan luar pesisir;
- (b) Jika suatu perniagaan bank luar pesisir dijalankan oleh pejabat atau cawangan bank luar pesisir Malaysia (berlesen) sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990 ataupun;
- (c) Jika suatu perniagaan insurans luar pesisir dijalankan oleh cawangan penanggung insurans luar pesisir Malaysia, dengan izin, Malaysian Offshore Insurance sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990.

Ini bermakna pendapatan daripada Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir, subsidiary, bank-bank dan syarikat insurans tempatan yang ditubuh dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 dan diberi lesen oleh Bank Negara Malaysia masing-masing di bawah Akta Bank Luar Pesisir 1990 dan Akta Insurans Luar Pesisir 1990 untuk menjalankan aktiviti bank dan insurans luar pesisir, akan dikenakan cukai pada kadar 3% ataupun \$20,000 mengikut pilihan mereka. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan penglibatan bank-bank dan syarikat-syarikat insurans tempatan dalam aktiviti-aktiviti luar pesisir.

Bahagian IV hingga *VI* menerangkan perkara-perkara mengenai pentadbiran dan pematuhan peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini. *Bahagian IV* menerangkan peruntukan-peruntukan mengenai cara-cara pembayaran dan kaedah mendapatkan cukai.

Fasal 11 menghendaki suatu syarikat luar pesisir yang menjalankan

suatu aktiviti perdagangan luar pesisir membuat bayaran penuh cukai ke atasnya semasa memfailkan penyata atau akaun berkanun.

Fasal 12, membuat peruntukan mengenai pembayaran apa-apa perbezaan cukai dan pembayaran balik apa-apa lebihan cukai.

Fasal 13 membuat peruntukan mengenai pengenaan penalti sekiranya cukai tidak dibayar.

Fasal 14 membuat peruntukan mengenai mendapatkan cukai melalui prosiding sivil.

Bahagian V, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai tanggungjawab bagi pematuhan peruntukan Rang Undang-undang ini.

Fasal 15 memperuntukkan bahawa syarikat luar pesisir adalah orang yang boleh dikenakan cukai di bawah Rang Undang-undang ini.

Fasal 16 menyenaraikan orang-orang yang bertanggungjawab bagi pematuhan kepada peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang bagi pihak syarikat luar pesisir.

Bahagian VI, Tuan Yang di-Pertua, adalah mengenai pentadbiran dan perkara-perkara pelbagai.

Fasal 17 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri adalah berkuasa untuk menjaga dan menguruskan cukai yang dikenakan di bawah Rang Undang-undang ini.

Fasal 18 adalah berkenaan dengan perwakilan fungsi-fungsi Ketua Pengarah.

Fasal 19 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk memberi arahan-arahan kepada Ketua Pengarah dalam melaksanakan fungsi-fungsinya.

Fasal 20 adalah berkenaan dengan peruntukan-peruntukan kerahsiaan.

Fasal 21 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menetapkan peraturan-peraturan jika perlu bagi memudahkan pelaksanaan ataupun penguatkuasaan Rang Undang-undang.

Fasal 22 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk memanggil maklumat daripada syarikat luar pesisir bagi maksud Rang Undang-undang.

Fasal 23 mengandungi peruntukan-peruntukan penalti kerana tidak mematuhi peruntukan-peruntukan tertentu Rang Undang-undang.

Fasal 24 membuat peruntukan mengenai pengkompaunan kesalahan.

Yang akhir sekali, *Fasal 25* mengandungi peruntukan-peruntukan penalti kerana memfailkan suatu akaun berkanun yang tidak betul atau palsu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya mohon mencadangkan.

Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pengenaan, pentaksiran dan pemungutan cukai ke atas aktiviti perniagaan luar pesisir yang dijalankan oleh suatu syarikat luar pesisir di atau dari Labuan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Jika tiada perbincangan, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.23 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967" dibacakan buat kali kedua sekarang.

Pindaan-pindaan ini adalah perlu dan berbangkit daripada pengemukaan Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dalam usaha Kerajaan untuk membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa atau International Offshore Financial Centre (IOFC), dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon untuk memberi sedikit penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang berkaitan dengan Rang Undang-undang ini.

Untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai IOFC, Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 membuat peruntukan bahawa mana-mana syarikat luar pesisir atau, offshore company, dengan izin, yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir, offshore trading activities seperti aktiviti-aktiviti urusan bank dan insurans luar pesisir termasuk subsidiari bank dan syarikat insurans tempatan, pengurusan modal dan amanah (trust and fund management) dan aktiviti-aktiviti yang tidak tergolong dalam aktiviti bukan perdagangan luar pesisir atau, offshore non-trading activity, dengan izin, akan diberi pilihan sama ada membayar cukai pendapatan pada kadar 3% daripada keuntungan bersih mereka dalam satu-satu tahun taksiran ataupun \$20,000 pada tahun taksiran tersebut, kecuali pendapatan cawangan bank-bank dan firma-firma insurans tempatan yang tertakluk kepada peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967. Sementara syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti yang tergolong dalam aktiviti bukan perdagangan luar pesisir atau offshore non-trading activity, dengan izin, seperti aktiviti berkaitan dengan pelaburan sekuriti stok, saham, pinjaman-pinjaman, deposit dan harta-harta tidak alih, pendapatan-pendapatan mereka tidak akan dikenakan apa-apa cukai.

Untuk menyelaras dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 itu, Rang Undang-undang Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1990 ini perlu dibuat dan diluluskan. Rang Undang-undang ini mempunyai lima fasal.

Fasal 1 mengandungi peruntukan-peruntukan permulaan yang akan mula berkuatkuasa pada tahun taksiran 1991 dan tahun-tahun taksiran berikutnya;

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan takrif-takrif baru "off-shore business activity" dan "offshore company", dengan izin, ke dalam seksyen 2 Akta;

Fasal 3 memperuntukkan bahawa cukai tidak akan dikenakan ke atas pendapatan suatu syarikat luar pesisir berkenaan dengan pendapatan daripada aktiviti perniagaan luar pesisir syarikat tersebut. Hal ini melibatkan seksyen baru 3B selepas sahaja seksyen 3A Akta;

Fasal 4 bertujuan untuk memasukkan satu seksyen baru 110A ke dalam Akta supaya suatu syarikat luar pesisir yang menerima dividen dari Malaysia yang baginya cukai telah dipotong tidak berhak untuk menuntut apa-apa tolakan berkenaan dengan cukai yang telah dipotong sedemikian daripada cukai yang dikenakan ke atas pendapatan syarikat tersebut.

Di bawah perundangan yang wujud sekarang, jika suatu syarikat menerima dividen dari Malaysia yang baginya cukai telah dipotong, cukai yang telah dipotong sedemikian bolehlah ditolak daripada cukai yang dikenakan ke atas pendapatan syarikat tersebut. Tetapi oleh kerana sesuatu syarikat luar pesisir akan diberikan kadar percukaian istimewa di bawah Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, sesuatu syarikat luar pesisir akan diberi taraf yang sama dengan syarikat bukan pemastautin dengan tidak dikenakan cukai ke atas dividen daripada punca-punca di Malaysia dan tidak ada pembayaran balik ke atas cukai-cukai yang telah dipotong daripada punca.

Dari itu pindaan kepada Akta perlu untuk memastikan bahawa syarikat luar pesisir tidak berhak untuk menuntut apa-apa potongan ataupun pembayaran balik cukai-cukai yang telah dipotong berpunca di atas dividen-dividen dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, *Fasal 5* juga mencadangkan satu seksyen baru 111A kepada Akta supaya suatu syarikat luar pesisir yang menerima dividen dari Malaysia yang baginya cukai telah dipotong tidak berhak untuk menerima apa-apa bayaran balik bagi cukai yang telah dipotong sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangka bahawa pemakaian pindaan-pindaan ini adalah terhad kerana syarikat-syarikat luar pesisir tidak dikenakan di bawah Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir 1990 seperti yang telah saya bantangkan dalam Dewan ini untuk melabur di dalam syarikat-syarikat pemastautin Malaysia melainkan dalam syarikat-syarikat amanah, trust companies, dengan izin, atau pelaburan-pelaburan melalui syarikat dari Singapura dalam syarikat-syarikat pemastautin Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tiada perbincangan, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

PIHAK BERKUASA BERSAMA MALAYSIA-THAILAND

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.35 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada perjanjian mengenai penubuhan dan pengendalian Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya.

Pada 30hb Mei 1990 yang lalu, Malaysia dan Thailand telah menandatangani perjanjian mengenai perlembagaan dan lain-lain perkara berhubung dengan penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand atau PBBMT. Perjanjian ini adalah hasil daripada perundingan yang telah dibuat oleh Malaysia dan Thailand selama lebih kurang 10 tahun bagi menubuhkan satu badan berstatus corporate untuk mengeksploitasi

sumber-sumber tidak hidup di kawasan tuntutan bertindih di pelantar benua Malaysia dan Thailand masing-masing. Kawasan ini terletak di luar pantai Kelantan dan selatan Thailand di Teluk Siam.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian ini adalah hasil daripada persefahaman yang telah ditandatangani antara Malaysia dan Thailand pada 21hb Februari, 1979 yang juga digelar Memorandum Persefahaman 1979 di mana cadangan untuk menubuhkan satu Pihak Berkuasa Bersama telah dipersetujui apabila Malaysia dan Thailand tidak dapat menyelesaikan masalah tuntutan bertindih masing-masing di kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang dipertikaikan oleh Malaysia dan Thailand berkenaan adalah merupakan satu kawasan luar pantai seluas kurang lebih 2,700 batu persegi yang terletak di antara koordinat-koordinat seperti dinyatakan dalam Seksyen 6, Bahagian III, mukasurat 6 Akta PBBMT ini.

Daripada anggaran awal sebanyak 3.5 trillion kaki padu simpanan gas terdapat di kawasan ini selain daripada kemungkinan rizab-rizab minyak. Adalah merugikan sekiranya kawasan yang dipertikaikan ini terus dipertikaikan oleh Malaysia dan Thailand. Sebagai jalan penyelesaian, kerjasama melalui penubuhan PBBMT untuk mengeksplorasi kawasan berkenaan telah dicadangkan dan saya rasa inilah cara yang sebaik-baiknya yang akan juga memanfaatkan kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, Pihak Berkuasa Bersama ini akan menjalankan operasi eksploitasinya dengan menggunakan prinsip-prinsip seperti berikut:

- (i) operasi akan hanya melibatkan eksplorasi dan eksploitasi, atau, dengan izin, 'exploration and

exploitation', sumber-sumber tidak hidup ataupun 'non-living resources', dengan izin, daripada kawasan berkenaan dan berkuatkuasa hanya sehingga 20hb Februari, 2029;

- (ii) semua operasi PBBMT akan dipertanggungjawabkan sama rata di antara Malaysia dan Thailand dan seterusnya semua faedah dan pendapatan akan diagihkan sama rata juga;
- (iii) Malaysia dan Thailand akan mempunyai bidangkuasa bertindih di dalam perkara-perkara Kastam dan Eksais, percukaian dan pentadbiran serta penguatkuasaan undang-undang yang berkait dengannya; dan
- (iv) struktur operasi di kawasan berkenaan adalah berdasarkan kepada sistem Kontrak Perkongsian Pengeluaran, ataupun dengan izin, 'Production Sharing Contract' (PSC).

Tuan Yang di-Pertua, suatu Akta yang serupa juga akan dibentangkan untuk kelulusan Parlimen Thailand pada sesi mereka yang berjalan sekarang. Bagi tujuan ini Akta PBBMT ini telah digubal dalam dua teks khas bagi kegunaan khas negara-negara Malaysia dan Thailand. Perlu dinyatakan bahawa kedua-dua teks ini adalah hasil daripada proses perundingan dan permesyuaratan di antara pegawai-pegawai daripada kedua-dua negara dan adalah bersamaan dari segi kandungannya dan juga gubalannya. Ini adalah untuk mengelakkan percanggahan terhadap kedudukan PBBMT di Malaysia dan di Thailand serta kuasa Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand mengenai perkara-perkara yang diperuntukkan di dalam Akta ini termasuk kedaulatan Malaysia dan Thailand di kawasan berkenaan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan ini, perbezaan perlu dibuat dalam hal-hal seperti berikut:

- (i) perkataan-perkataan "Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, with the advice and consent of the Dewan Negara and Dewan Rakyat in Parliament assembled" pada perenggan 3 permulaan Akta dalam teks Malaysia digantikan dengan perkataan-perkataan "His Majesty the King with the advice and consent of the National Assembly" dalam teks Thailand;
- (ii) Mahkamah-mahkamah yang mempunyai kuasa mendengar dan memutuskan kes-kes bersangkutan dengan pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Akta itu di bawah Seksyen 17;
- (iii) rujukan kepada perkataan "Minister" di dalam teks Malaysia diganti dengan perkataan "Minister of Industry" dalam teks Thailand; di dalam teks Malaysia "Minister" bermakna Menteri yang dipertanggungjawabkan mengenai perkara-perkara petroleum seperti diperuntukkan melalui Akta Tugas-tugas Menteri 1969; dan
- (iv) amaun-amaun dalam matawang Malaysia di dalam teks Malaysia, seperti di bawah seksyen 20, dibekalkan dalam matawang Thailand (Baht) di dalam teks Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dicadangkan ini ada membekalkan beberapa peruntukan mengenai bidangkuasa dan kedaulatan Malaysia dan Thailand di kawasan berkenaan Malaysia dan Thailand telah bersetuju untuk membahagikan bidangkuasa

masing-masing dalam perkara jenayah dan sivil mengikut garisan seperti yang diperuntukkan di Seksyen 18 Akta ini. Walaupun ada peruntukan yang seumpama ini, kedua-dua negara masih mengekalkan kedaulatan dan tuntutan masing-masing di kawasan berkenaan. Dalam perkataan lain, perkiraan mengenai penubuhan PBBMT, termasuk pembahagian bidangkuasa yang telah saya nyatakan tadi, tidak akan menjejaskan tuntutan-tuntutan Malaysia dan Thailand di kawasan pembangunan bersama ini. Penentuan tuntutan ini akan terus diusahakan sehingga Malaysia dan Thailand dapat mencapai persetujuan mengenai sempadan pelantar benua di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan PBBMT berhak ke atas perkara-perkara dalam Akta ini, terutama sekali seksyen 5, PETRONAS akan juga terlebih dahulu meletakkan, dengan izin, assign hak-haknya di kawasan berkenaan seperti yang telah diberi kepadanya melalui Akta Kemajuan Petroleum 1974 kepada PBBMT bagi tempoh wujudnya PBBMT ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk panduan Dewan, Akta yang dicadangkan ini mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- (i) PBBMT akan diberi taraf Juristic Personality, dengan izin, bagi membolehkannya menjalankan kuasa dan tanggungjawab yang diperuntukkan di bawah Akta ini.
- (ii) bidangkuasa jenayah dan sivil dibahagikan antara Malaysia dan Thailand sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 18 Akta ini. Ini bermakna bahawa dalam hal-hal bidangkuasa jenayah dan sivil kedua-dua negara akan menguatkuasakan undang-undang masing-masing mengikut suatu

garisan yang dipersetujui yang membahagikan kawasan ini kepada dua bahagian. Pihak Malaysia akan menguatkuasakan bidangkuasa jenayah dan sivil mereka di kawasan ke Selatan garis yang dipersetujui itu dan pihak Thailand akan menguatkuasakan bidangkuasanya yang sama di kawasan utara garisan yang sama. Ini diadakan bagi mengelakkan masalah-masalah percanggahan bidangkuasa perundangan masing-masing, sekiranya kedua-dua negara ingin menguatkuasakan perundangan jenayah dan sivil masing-masing di dalam kawasan berkenaan.

- (iii) Pembahagian bidangkuasa jenayah dan sivil tidak akan menjejaskan apa-apa tuntutan Malaysia dan Thailand di kawasan berkenaan. Ini bermakna bahawa tuntutan-tuntutan Malaysia di kawasan berkenaan masih ada dan tidak diketepikan walaupun adanya Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah diharapkan dengan adanya Akta ini negara akan dapat ganjaran sepenuhnya daripada eksploitasi sumber-sumber tidak hidup di kawasan pembangunan bersama memandangkan besar kemungkinannya ganjaran ini tidak akan dapat kita nikmati sekiranya kerjasama yang telah dipersetujui antara Malaysia dan Thailand ini tidak diadakan. Dengan adanya Akta ini dan dengan adanya persetujuan penubuhan PBBMT serta terlaksananya usaha eksploitasi sumber-sumber tidak hidup, terutama sekali petroleum yang ada di kawasan ini adalah dijangkakan pendapatan negara akan lebih bertambah untuk kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya nyatakan juga di sini bahawa

kuatkuasanya Akta ini ialah hanya untuk tempoh sehingga 20 Februari, 2029 sejajar dengan tempoh yang telah dipersetujui oleh Memorandum Persefahaman 1979.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Puan Valli Muthusamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi memberikan kuatkuasa kepada perjanjian mengenai penubuhan dan pengendalian Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.46 ptg.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyusuli perkara yang telah dilaporkan oleh Yang Berhormat Menteri. Terutama sekali, izinkan saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat dan kepada semua yang telah berjaya dapat memujuk pihak Thailand sehinggalah kita bersetuju mengadakan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 ini.

Saya dapati juga persetujuan ini dibuat sebelum persetujuan dari segi Border Agreement di lautan yang berkenaan. Kalau ditunggukan persetujuan ini sehingga border demarcation lautan ini mungkin akan memakan masa. Akan tetapi apa yang diniatkan untuk kedua-dua pihak menjalankan satu projek yang boleh membawa pendapatan yang begitu besar dari segi petroleum di kawasan itu, wajib diteruskan.

Saya ingat kena pada tempat dan masanya setelah begitu lama kita berbincang, berbahas di antara kedua pihak Malaysia dan juga Thailand, untuk kita mendapat persetujuan supaya dapat menjalankan projek yang sangat-sangat berguna ini. Saya percaya ini akan membawa keuntungan yang besar kepada kedua-dua negara ini. Namun demikian, dalam perhatian saya yang tipis ini, dan juga dalam pengalaman saya dari segi kerjasama di antara kita dengan sahabat kita negeri Thailand, ada baiknya saya ingat kalau persefahaman untuk menjalankan operational aspect, dengan izin, itu ditentukan dengan sebaik-baiknya. Sekiranya tidak, akan menimbulkan salah wasangka, yang mana akan melambatkan lagi untuk pihak yang berkenaan menjalankan tugas-tugas yang sangat rumit ini.

Saya juga perhatikan Fasal-fasal 2,3,4 dan 5 iaitu Pihak Berkuasa Bersama yang mana perjanjian di sini ialah dari segi undang-undang, dan saya percaya tentu sekali ada mengeluarkan arahan-arahan yang tertentu untuk pihak Jawatankuasa menjalankannya. Di situlah letaknya pegawai-pegawai yang tertentu yang berdamping rapat bersama-sama dengan pihak Thailand itu harus dipilih supaya faham dengan begitu mendalam untuk menjalankan pekerjaan ini.

Projek ini pada fahaman saya juga tidak melibatkan kedua-dua negara sahaja, bahkan tentu ada third party yang akan terlibat untuk mencarigali itu. Oleh itu, pegawai-pegawai yang terlibat dalam Joint Committee itu haruslah pegawai-pegawai yang pakar dan yang mahir juga di dalam perkara ini.

Dari segi keselamatan nampaknya mengikut undang-undang ini tidaklah terbentang begitu jelas. Kalau-kalaulah dalam menjalankan carigali projek itu, ada satu-satu kecemasan ataupun

kejadian, disini saya kurang pasti siapakah yang akan mengambil tindakan. Maksud saya kalau ada third party yang datang menceroboh, mengganggu dalam projek itu, adakah kita lepaskan sahaja kepada pihak yang sebelah sana ataupun berdua menghadapi masalah itu dan menyelesaikan dengan sebaik-baiknya tanpa mendapat kerugian.

Satu lagi perkara berkaitan dengan ini juga, nampaknya dari segi peruntukan kewangan perbelanjannya itu saya percaya akan menelan banyak belanja.

Mengikut pengalaman saya dahulu dalam Joint Committee sebegini, molek kalau dibentangkan dengan terang dan persetujuan dari segi limitation ataupun hadnya. Kalau tidak, tidak berhabisan dikedua-dua pihak dan mungkin pihak sahabat kita juga sedikit-sedikit pekerjaan akan meminta kewangan tambahan. Ini akan lebih melibatkan budget kita, kalau kita tidak membuat peruntukan yang sebaik-baiknya.

Ekoran dari itu, dari segi monitoring, dengan izin, apa yang telah terjadi nanti, apabila kedua-dua pihak sudah adakan jawatankuasanya. Kemudian operasinya selama 6 bulan dan dari segi monitoring juga sangat-sangat penting. Ini kerana tempat yang akan dicarigali itu, sungguh jauh dan tidak mudah orang kita dapat tahu apa yang telah dibuat oleh third party yang terlibat dalam projek carigali ini. Projek ini bukannya \$1,000 atau \$10,000, mungkin menelan belanja berjuta-juta ringgit. Kalau kita tidak mengadakan satu monitoring team, kita harus tentukan tanggungjawab kita itu supaya tidak terganggu oleh sahabat kita yang terlibat bersama-sama. Jadi, semuanya boleh dijalankan dengan licin dan beres. Kalau tidak nanti akan menimbulkan syak wasangka dan perkara ini akan melambatkan lagi.

Inilah yang saya ingin sampaikan pandangan kasar saya setelah mempunyai pengalaman sedikit terhadap bekerjasama dengan sahabat kita dari negara Thailand itu. Sekali lagi saya menyokong kuat Rang Undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Datuk Abu Bakar bin Lajim: Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah.

5.52 ptg.

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri iaitu Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand yang juga merupakan satu Akta bagi memberikan kuatkuasa kepada perjanjian mengenai penubuhan dan pengendalian pihak berkuasa bersama Malaysia-Thailand dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah tepat pada masa dan ketikanya Rang Undang-undang sedemikian dibuat. Setelah sekian lama rasanya pihak berkuasa Malaysia dan Thailand masih bertahan untuk menentukan hak bagi mereka menguasai kawasan ini dan akhirnya terciptalah satu Rang Undang-undang yang dibentangkan pada petang ini. Mengikut Memorandum Persefahaman 1979, saya rasa ia telahpun ditandatangani pada 21hb Februari, 1979 yang telah begitu lama dan kalau kita terus bertahan, ertinya kedua-dua pihak tidak dapat untung, kerana dalam kawasan ini adalah merupakan satu kawasan yang terhimpun banyak hasil yang boleh dikeluarkan iaitu petroleum dan juga gas.

Dengan perjanjian ini, saya rasa bukan sahaja membuka satu jalan

antara kedua-dua belah pihak Kerajaan, malah memberi peluang kepada kedua-dua rakyat negara berkenaan, iaitu Malaysia dan Thailand untuk mendapat peluang pekerjaan. Daripada hasil yang dapat dikeluarkan dalam kawasan ini akan menambahkan lagi kewangan negara dan sekali gus akan dapat membangunkan negeri-negeri, terutamanya Kelantan yang berhampiran dengan Thailand, yang pada hari ini masih dalam keadaan kemiskinan.

Sambil menyokong Rang Undang-undang ini, saya berharap pihak Kerajaan sentiasa berhati-hati kerana perjanjian yang akan dibuat ini adalah melibatkan kedua pihak Kerajaan. Kalau kita tidak berhati-hati, dibimbangkan satu pihak akan mendapat faedah yang lebih dan satu pihak yang lain pula akan menanggung kerugian. Apa yang saya katakan demikian ialah daripada kawasan ini kita akan mengeluarkan banyak petroleum dan gas yang bukannya dalam, kadar satu tahun atau dua tahun, tetapi memakan masa, mungkin berpuluh-puluh tahun. Daripada jangkamasa ini akan timbul perkara-perkara baru yang boleh menjejaskan pula nanti hubungan baik kita dengan jiran kita Thailand ini. Bagi negeri Kelantan, saya rasa adalah sebuah negeri di Pantai Timur yang hampir dan kalau ini berjalan dengan licin segala-segalanya, saya penuh percaya Kelantan akan dapat sedikit sebanyak faedahnya dan sekali gus Kelantan akan dapat dibangunkan serupa dengan negeri-negeri yang lain di Semenanjung Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa kita harus berhati-hati kerana pihak Thailand dengan Malaysia ini, saya rasa banyak sangat sangkut-pautnya hal-hal sempadan dan kadangkala banyak perkara-perkara itu kita sahaja yang bersungguh-sungguh, tetapi mereka tidak mengambil inisiatif sangat dan banyak perkara, saya rasa,

kita kecewa. Jadi, dengan adanya perjanjian ini, saya rasa kedua-dua pihak ini benar-benar mendapat faedah bersama sebagaimana yang telah dicitacitakan dalam Rang Undang-undang ini supaya segala hasil-mahsul dalam laut ini dapat dikeluarkan.

Begitu juga ia menambahkan peluang pekerjaan, saya rasa biarlah sama-sama mendapatnya. Kalau pihak Thailand dapat 50%, kita juga Malaysia mesti dapat 50%. Kita tidak hendak nanti pihak Thailand dapat peluang pekerjaan yang lebih dan pihak kita ketinggalan. Begitu juga dengan pembangunan di Kelantan, saya rasa dapatlah diberi satu perhatian yang lebih kerana negara kita hari ini sedang pesat membangun dengan industrinya dan dengan adanya kawasan ini dibangunkan, saya rasa Kelantan hendaklah mendapat faedah yang lebih dan diberi keutamaan dalam industri yang sekarang ini sedang begitu pesat pembangunannya di negeri-negeri sebelah pantai barat. Biarlah Kelantan juga dapat faedah daripada hasil usaha yang telah dibuat di Sempadan Malaysia-Thailand ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendoakan mudah-mudahan segala apa yang dicitacitakan oleh Kerajaan akan dapat terus berjalan dengan licin dan baik dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

6.00 ptg.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta bercakap tentang Rang Undang-undang ini dan saya turut serta untuk menyokong Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 ini diluluskan.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai kita yang

telah membuat perundingan ini dan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang telah menandatangani perjanjian ini pada bulan Mei yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, masalah eksplorasi dan exploitation kawasan ini amat perlu dan tiba masanya kita jalankan memandangkan kawasan yang sebegitu luas, kita tidak sangka bahawa di hadapan mata kita di dalam negara kita sendiri kita tidak tahu bahawa begitu banyak sumber-sumber rezeki yang patut sudah lama diterokai dan dengan kebijaksanaan Kerajaan kita dan Kerajaan Thailand maka luas pantai 2,700 batu persegi ini dapat kita terokai dan mengikut kajiannya mempunyai sumber-sumber gas dan petroleum yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang bidang tugas Pihak Berkuasa Bersama ini bagaimana komposisinya bilangan di antara satu pihak dengan pihak yang lain dan siapakah mempunyai kuasa pemutus jika ada masalah-masalah yang berlaku di dalam masa Pihak Berkuasa Bersama ini menjalankan tugasnya.

Saya agak jika ada masalah tidak perlu kita mengemukakan kepada pihak yang ketiga, negara yang ketiga pula untuk menyelesaikan masalah kita bersama kerana kita tahu bahawa persahabatan kita dengan Thailand ini begitu baik sekali dan tidak ada masalah-masalah yang timbul yang tidak boleh kita selesaikan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi masalah-masalah jenayah dan sivil, sungguhpun kita mempunyai kedaulatan kita sendiri dan Thailand mempunyai kedaulatannya sendiri untuk menyelesaikan masalah ini, tetapi sama ada benar atau tidak kita selalu dengar bahawa di Thailand masalah jenayah lebih senang dilakukan, lebih banyak dilakukan jika

dibandingkan dengan negara kita. Rakyat mereka itu bebas mempunyai senjata-senjata api dan di dalam lautan kita pun nelayan-nelayan kita selalu terancam oleh penjahat-penjahat, penjenayah-penjenayah dari Thailand ini.

Saya khuatir apabila kawasan ini kita majukan maka lebih banyak lagi perkara ini akan berlaku dan dengan itu kita hendak menyelesaikannya mungkin mendatangkan kesusahan dan kemungkinan tidak dapat diselesaikan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS memberi haknya sepenuhnya, hak mereka yang ada diberi kepada pihak berkuasa bersama ini tetapi saya ingin hendak tahu setakat bila, berapa lama PETRONAS akan memberi hak ini kepada Pihak Berkuasa Bersama ini. Saya agak apabila semuanya berjalan dengan lancar pada satu ketika nanti semuanya akan diserahkan kepada PETRONAS supaya PETRONAS dapat menjalankan kerja-kerja carigali dan hasil-hasilnya dapat diperolehi sepenuhnya kepada negara kita.

Saya bersetuju dengan pendapat Saudara saya tadi yang menyatakan bahawa dengan pengeksploitasian kawasan ini nanti akan memajukan negeri-negeri di utara negara kita, terutama Kelantan. Saya berharap bahawa perkara yang ada di hadapan kita ini dapat diberitahu kepada rakyat negeri Kelantan sepenuhnya bahawa Kerajaan kita sentiasa memikirkan cara-cara hendak mendapatkan wang yang lebih bagi kegunaan negara kita dan tidak langsung berhajat untuk menjual ataupun menggadai sebahagian daripada negara kita kepada orang lain tetapi ianya bertujuan supaya kita dapat bekerjasama untuk kemajuan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ada sebuah negeri di negara kita ini, saya dengar telah membelanjakan \$ $\frac{1}{2}$ juta di dalam

tiga hari untuk menyambut keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalau ini benar berlaku, mereka ini berbelanja dengan sebegitu senangnya tetapi sumber pendapatan daripada negeri itu amat kurang sekali. Kita harus nasihatkan Kerajaan negeri itu supaya berhati-hati hendak membelanjakan wang yang sebegitu senang, sudahlah belanja begitu tinggi tetapi jemputan kepada pegawai-pegawai pentadbir negeri itupun tidak dibuat, amat malang sekali. Kita berharap jika sumber kewangan negara kita lebih pada masa yang akan datang projek-projek yang memberi keuntungan kepada rakyat akan diutamakan tetapi jika projek-projek ataupun perkara-perkara yang lain, yang agak tidak menguntungkan rakyat itu tidak harus diberi langsung.

Tuan Yang di-Pertua, kita berharap bahawa dengan adanya persahabatan kita dengan Thailand ini maka perjanjian bersama ini akan dapat diteruskan dan kemungkinan juga saya harap selepas tamatnya tempoh perjanjian itu, ianya dapat juga diperbaharui jika ianya perlu diperbaharui supaya kenikmatan itu terus diperolehi oleh kedua-dua buah negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:
Silakan Yang Berhormat Menteri.

6.08 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali suka saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth,

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah dan Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ataupun perbahasan mengenai Rang Undang-undang yang saya sedang bentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menghargai segala pandangan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan saya akan mengkaji dan meneliti segala teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dan seterusnya akan mengambil ingatan dan difikir apabila telah diteliti bahawa pandangan-pandangan ini adalah merupakan pandangan yang seharusnya kita ambil kira dalam menentukan dasar dan pelaksanaan kerja kita, insya Allah, kita akan berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana kita sedia maklum, usahasama yang dijalankan oleh kedua-dua negara ini iaitu Malaysia dan Thailand merupakan satu-satunya kerjasama yang boleh kita kata unik, bukan sahaja di rantau ini bahkan di seluruh dunia. Mungkin tidak keterlaluan kalau saya mengatakan bahawa seluruh dunia sedang menunggu contoh usahasama seperti ini untuk menjadikannya sebagai satu asas kerjasama yang mungkin membolehkan negara-negara berkenaan bekerjasama dengan jiranjiran mereka apabila keadaan serupa ini berlaku, terutama sekali kalau adanya claim dan counter claim, dengan izin, adanya tuntutan bertindih dihadapi oleh mereka.

Kita rasa satu usaha yang mengembelingkan dua negara yang berasingan bagi mengeksploitasikan sumber-sumber asli di kawasan yang dipertikaikan merupakan satu-satunya kerjasama yang harus kita banggakan. Tentu sekalilah perkara macam ini adalah amat sesuai dan secocok dengan semangat kerjasama di antara negara-

negara ASEAN. Kita berterima kasih kepada segala usaha yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin kita dan juga pegawai-pegawai kita dan saya yakin termasuk Yang Berhormat Tan Sri sendiri semasa beliau masih dalam pihak tentera dahulu, saya yakin serba sedikit ada memainkan peranan dalam menjayakan usaha ini. Kita tidak harus lupa bahkan kita harus ingat tentang peranan yang dimainkan oleh Allahyarham Tun Hussein selaku Perdana Menteri yang telah menandatangani memorandum persefahaman yang telah membuat keputusan bersama-sama dengan Perdana Menteri Thailand, kalau tak salah ingatan saya, General Kriangsak pada masa itu, yang telah menghasilkan satu perjanjian yang juga telah diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad yang mana dengan keputusan yang bijak dan tepat telah menghasilkan kejayaan satu perjanjian yang telah ditandatangani pada bulan Mei tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, inilah saya rasa satunya perkara yang kita perlu, yang kita harus lihat di kalangan pemimpin kita, pemimpin-pemimpin yang harus kita pilih untuk memimpin, membimbing negara kita supaya segala hasil-mahsul daripada negara kita dapat dinikmati oleh rakyat pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas tahniah. Saya ingat bagi pihak pegawai-pegawai Kerajaan, saya inginlah merakamkan penghargaan terima kasih kepada ucapan tahniah Ahli-ahli Yang Berhormat atas usaha mereka dan seharusnya juga kita mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai kita, termasuklah mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini dan juga penggubal-penggubal undang-undang

yang telah bekerja begitu kuat dalam menghasilkan satu-satu perundangan yang begitu baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali tadi menimbulkan tentang soal persefahaman daripada sudut operational aspect supaya ianya tidak akan menimbulkan soal syak wasangka dan kerumitan dalam menjalankan operasi di kawasan ini. Sebenarnya sepertimana yang saya jelaskan dalam ucapan saya dan juga dalam undang-undang ini dari semua aspeknya kita berkongsi 50-50 daripada sudut managementnya, daripada sudut perbelanjaannya dan juga daripada sudut hasilnya, begitu juga tenaga pekerjanya, bahkan kalau kita lihat dalam Perjanjian ini, dalam Artikel 3 tentang keahlian Lembaganya, kalau saya diberi kebenaran membacakan Artikel ini, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris. Article 3, Membership berbunyi:

"The joint authority shall comprise two co-chairmen, one each to be appointed by the respective governments (iaitu satu Malaysia dan satu Thailand sebagai co-chairmen).

(b) An equal number of members to be appointed by each government provided that the initial number of members excluding the co-chairmen to be appointed by each government shall be six."

Inilah Ahli Lembaganya. Jadi di sini kita lihat kerjasama itu berterusan.

Dalam soal ini tentang kuasa untuk membuatkan satu-satu keputusan mestilah ada Chief Executivenya dan Chief Executivenya ialah seorang dan Chief Executive ini belum lagi dipilih, bergantung dengan keputusan perundangan dan persetujuan yang akan dibuat oleh kedua-dua Kerajaan. Walau bagaimanapun, sepertimana kita sedia

maklum, Chief Executive seperti ini adalah bertanggungjawab kepada Lembaga dan Lembaga ini sepertimana saya sebut tadi terdiri daripada, kalau kita boleh mengatakan equal share, equal numbers daripada kedua-dua negara. Dalam soal ini kita sentiasa memberi perhatian kepada persefahaman dalam menjalankan operasi ini di semua peringkat.

Tentang cadangan supaya kita memilih pegawai-pegawai yang sesuai dalam Jawatankuasa ini, insya Allah, ini memanglah diambil perhatian oleh kita kerana kita tahu kita terpaksa memilih the best men for the job kerana ini kepentingan kita, kepentingan negara kita mestilah dipelihara.

Tentang kuasa siapa yang akan mengambil tindakan terhadap masalah penyelesaian kalau timbulnya satu-satu perbalahan, sepertimana tertera dalam Rang Undang-undang ini telah dipersetujui oleh kedua-dua buah negara, satu garis (line) ditentukan bagi membahagikan dua kawasan jurisdiction itu, iaitu kalau kita lihat di mukasurat 4 dalam Rang Undang-undang ini, Bahagian I Permulaan di mana garis pembahagian bidang kuasa diberi definisi di sini. Jadi kawasan yang sebelah atas, sebelah utara line itu adalah bidang kuasa Thailand dan di bawah ataupun di selatan kawasan itu adalah bidang kuasa Malaysia. Jadi sekiranya berlaku satu-satu masalah dalam kawasan ini maka satu-satu negeri yang mempunyai bidang kuasa (jurisdiction) di kawasan itu akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Begitu jugalah tentang perbelanjaan. Perbelanjaan ada equal share, 50% pihak Thailand dan 50% Kerajaan Malaysia dan Kerajaan tentu sekali akan mengawal perbelanjaan ini menerusi Jawatankuasa Bersama yang dianggotai oleh kedua-dua negara ini.

Mengenai perlunya ada satu team monitorkan operasi itu, memang ada pihak berkuasa ini. Sebenarnya pihak berkuasa ini diberi kuasa penuh untuk menjalankan apa juga tugas yang patut dijalankan di kawasan ini. Jadi kita terpaksa memberi kepercayaan kepada wakil-wakil kita yang telah dilantik untuk menganggotai Lembaga dan jawatan-jawatan ini, bahkan pembahagian dalam tugas-tugas ataupun jawatan-jawatan pun diberi 50-50.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid telah meminta Kerajaan kita supaya berhati-hati dalam soal ini supaya jangan ada satu negeri akan mendapat kerugian. Sebenarnya kalau kita lihat dalam Rang Undang-undang ini ada disebutkan juga dalam Part IV dan Fasal 14(3) itu ada disebutkan tentang pembahagian daripada segi royalti umpamanya sebagai satu contoh di mana perolehan itu akan dibahagikan sama rata kepada kedua-dua buah negara. Apa yang berlaku royalti itu merupakan 10% daripada gross production dan diberi kepada Joint Authority ini dan ianya dibahagi 50% bermakna 50% kepada Malaysia dan 5% kepada negara Thailand dan ada lagi kalau hendak lihat detailnya dalam Rang Undang-undang ini ada disebutkan, seperti yang saya rujuk tadi Fasal 14(3).

Tentang cadangan supaya kita benar-benar akan dapat faedah dan juga disarankan supaya kita juga memberi perhatian lebih kepada negeri Kelantan, itu memang kita memberi perhatian. Tentu sekali sepertimana yang diamalkan oleh Kerajaan Malaysia, kita dapati perbelanjaan yang dinikmati oleh negeri-negeri lain yang tidak mempunyai kawasan minyak pun juga mendapat bantuan daripada Kerajaan Pusat, apatah lagi kita rasa kalau hasil itu datangnya daripada negeri-negeri yang berkenaan, sepertimana yang kita saksi sekarang bahawa negeri-negeri

seperti Sabah, Sarawak dan Terengganu mendapat hasilnya. Jadi ini terserahlah kepada pihak Kerajaan Pusat akan menentukan dalam soal ini.

Yang Berhormat Senator Dato Azumu Tak telah bertanya tentang bidang tugas dan komposisi PBBMT dan tentang siapakah mempunyai kuasa penentu jika adanya masalah. Saya rasa tadi telah saya sebutkan bahawa ia mesti ada seorang Chief Executive - there cannot be two Chief Executives, jadi susahlah pula. Tetapi Chief Executive mestilah bertanggungjawab kepada Lembaga dan seperti saya telah sebutkan tadi, dari segi komposisinya Lembaga itu 50-50 daripada kedua-dua negara. Kalau sekiranya timbul masalah, ada pertelingkahan mengenai sesuatu perkara, maka mereka boleh mengemukakan perkara ini kepada satu timbangtara (Arbitration) di mana ahlinya terdiri dari 3 orang iaitu seorang yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia, seorang dilantik oleh Thailand dan seorang lagi yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Tetapi jika sekiranya orang yang ketiga ini tidak dipersetujui maka ia harus dirujuk kepada satu pihak timbangtara seperti di Fasal 14(3)(h) iaitu di mukasurat 10, kalau tidak salah ingatan saya, ada disebutkan di sini iaitu "Suruhanjaya Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Perdagangan Antarabangsa." Jadi, kalau tidak ada cara lain, itu sahajalah. Saya yakin bahawa masalah ini tidak akan timbul kerana kerjasama begitu baik dan kalau susah sangatlah, saya yakin ianya akan dirujuk kepada kedua-dua Kerajaan, kepada kedua-dua Perdana Menteri.

Tentang setakat berapa lamakah PETRONAS akan memberi kuasa kepada badan ini, mengikut Perjanjian sekarang yang dicadangkan ialah 35 tahun iaitu tidak lebih daripada period Memorandum Persefahaman itu, dan juga kita ada mencadangkan, kita berharap supaya kalau difikir perlu,

Perjanjian ini akan diperbaharui. Kalau ianya akan membawa keuntungan kepada kita dan kalau kita dapati bahawa perjalanan itu adalah baik, tentu sekali kita akan memanjangkan Perjanjian ini, mungkin dengan syarat-syarat baru kerana tujuan kita ialah untuk mengeksploitasikan hasil negara kita yang akan dapat membawa keuntungan kepada rakyat.

Jadi, sekianlah, Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali mereka yang telah mengambil bahagian memberi sokongan kepada usaha Kerajaan kita dan sekali lagi saya mengatakan bahawa insya Allah saya akan memberi penelitian kepada segala teguran yang telah dikemukakan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan:

dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

STANDARD-STANDARD MINIMUM PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.26 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mencerminkan komitmen dan usaha Kerajaan sejak kita sudah Merdeka dahulu untuk membela dan memajukan nasib dan kesejahteraan pekerja-pekerja negara kita. Rang Undang-undang ini bertujuan mengganti dan membaiki lagi piawaian-piawaian dalam Akta Piawaian Minima Perumahan Pekerja 1966 serta memperkemas dan mengaturkan beberapa undang-undang yang sedia secara berasingan. Rang Undang-undang ini mengandungi juga beberapa bahagian yang baru untuk memberi kemudahan-kemudahan yang lebih sempurna kepada masyarakat pekerja kita di ladang-ladang, lombong-lombong dan di lain-lain tempat pekerjaan di mana juga majikan membekalkan perumahan bagi pekerja mereka.

Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rump Labour Code

iaitu Undang-undang yang pada awal-awal lagi melindungi pekerja kita telah diperbaharui secara lebih lengkap dan sesuai khasnya dalam mewujudkan kemudahan hospital-hospital dan klinik-klinik di estet-estet dan di lombong-lombong.

Rang Undang-undang ini juga dalam Fasal 10 menghuraikan peruntukan-peruntukan untuk mewujudkan kemudahan pusat-pusat asuhan kanak-kanak sebagai pengganti tempat menjaga kanak-kanak yang diperlukan di bawah Akta dahulu. Pusat-pusat ini walaupun pada asasnya menjaga kanak-kanak semasa ibubapa mereka pergi bekerja diberi peranan yang lebih membina dan kreatif bagi merangsangkan kemajuan mental dan fizikal kanak-kanak itu sehingga mereka berusia 4 tahun.

Rang Undang-undang ini mempertingkatkan piawaian-piawaian rumah-rumah pekerja. Pada amnya ruang perumahan diperbesarkan. Peruntukan dibuat pada pertama kali untuk sekurang-kurangnya dua bilik tidur serta tempat masak, makan dan mandi dan tandas secara built-in. Keadaan yang masih wujud di estet-estet di mana tempat mandi dan tandas dibina secara berkelompok yang digunakan bersama-sama akan diamatkan.

Pembekalan air yang bersih dan cukup dan elektrik dari sumber Kerajaan adalah diperlukan di bawah

Rang Undang-undang ini. Jika bekalan kedua-dua utiliti ini dari sumber Kerajaan tidak dapat dibuat kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, pembekalan air paip melalui sumber ladang atau lombong sendiri yang sempurna diperlukan.

Kuasa juga diberi kepada Ketua Pengarah Buruh untuk mengarahkan pengwujudan kemudahan-kemudahan permainan dan rekreasi serta dewan-dewan masyarakat dan sebagainya sebagai kemudahan hidup.

Pada amnya adalah tepat jika saya menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan membuka satu era baru bagi masyarakat pekerja ladang dan lombong.

Konsep dan usaha-usaha di bawah Rang Undang-undang lebih mirip kepada pembangunan masyarakat itu daripada perlindungan kehidupan mereka semata-mata. Penglibatan Kerajaan melalui agensi-agensinya ke dalam pembangunan ini

Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim:
Yang Berhormat, masa sudah cukup, boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat akan disambung pada hari esok, iaitu hari Jumaat, jam 3.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.